

DAKWAH SUKARELAWAN PEMANDU PELANCONG
MASJID TERHADAP PELANCONG BUKAN ISLAM
DI WILAYAH PERSEKUTUAN

ERNY IZATUN SALWA BINTI KAMARUDDIN

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITY MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

**DAKWAH SUKARELAWAN PEMANDU PELANCONG
MASJID TERHADAP PELANCONG BUKAN ISLAM
DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

ERNY IZATUN SALWA BINTI KAMARUDDIN

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN
(SECARA KURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITY MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : **ERNY IZATUN SALWA BINTI KAMARUDDIN**
No. Matrik : **IGB 140062**
Nama Ijazah : **IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

“DAKWAH SUKARELAWAN PEMANDU PELANCONG MASJID TERHADAP PELANCONG BUKAN ISLAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN”

Bidang Penyelidikan: **DAKWAH**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

DAKWAH SUKARELAWAN PEMANDU PELANCONG MASJID TERHADAP PELANCONG BUKAN ISLAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN

ABSTRAK

Dakwah kepada pelancong bukan Islam adalah suatu perkara yang menarik jika dikupas secara mendalam, namun ianya masih menjadi perkara baru bagi sesetengah pendakwah yang belum pernah mempraktikkan kerja dakwah secara sukarela diperkarangan masjid. Kajian yang bertajuk Dakwah Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Terhadap Pelancong Bukan Islam di Wilayah Persekutuan ini dijalankan bertujuan bagi mengenalpasti konsep dakwah terhadap pelancong bukan Islam di masjid, mengenalpasti pendekatan dakwah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan dan menganalisis masalah yang dihadapi oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam dakwah terhadap pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan. Kajian ini telah dilakukan di empat buah masjid di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kajian dilakukan dengan menggunakan metode kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Dalam kajian lapangan, kaedah temubual separa-struktur telah digunakan terhadap beberapa orang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dari empat buah masjid tersebut. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga pendekatan dakwah yang telah dijalankan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid iaitu dakwah melalui lisan, dakwah melalui perbuatan dan dakwah melalui bahan bercetak. Hasil kajian juga mendapati dakwah bil hal mempunyai potensi yang lebih besar dan efektif berbanding pendekatan-pendekatan lain. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh sukarelawan dalam dakwah terhadap pelancong bukan Islam antaranya masalah berkaitan pendekatan dakwah terhadap pelancong bukan Islam, masalah berkaitan sukarelawan yang tidak mahir berbahasa selain dari Bahasa Inggeris, masalah berkaitan pelancong yang tidak pandai berbahasa Inggeris dan masalah berkaitan dengan kewangan

DAKWAH SUKARELAWAN PEMANDU PELANCONG MASJID TERHADAP PELANCONG BUKAN ISLAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN

ABSTRACT

Da'wah to non-Muslim tourist is something interest to be explored in deeply, nevertheless, it still a new thing to the certain preacher who has yet to practise Da'wah as voluntary basis at the Mosque. Research titled of Da'wah Mosque Tour Guide Volunteers against Non-Muslim Tourist in Federal Territory was conducted with the purpose of to identify the concept of Da'wah to non-Muslim tourist at the mosque, to identify the approach of Da'wah has been used by the Mosque Tour Guide volunteers to non-Muslim tourist in Federal Territory and to analyst the shortcoming or problem faced by Mosque Tour Guide volunteers during conducting the Da'wah to Non-Muslim Tourist in Federal Territory. This research had conducted at four mosques located in surrounding of Federal Territory and Putrajaya. The research has been conducted by using the methodology of library research and survey. In survey methodology, half-structure interview method was used to interview few volunteers from four mosques. The findings of the research show that there were three approaches of Da'wah have been used by the volunteers; Da'wah through verbal, Da'wah through deeds and Da'wah through the printed materials. The findings also show that the Da'wah through deeds have high potential and considered more effective compared to other approaches. Apart of the approach of Da'wah, the findings also show that there were few problems faced by the volunteers such as a problem related to approach of Da'wah to the non-Muslim tourists, problem related to volunteers whereby they unable to speak in a tourist home country language, problem related to tourist who unable to speak in English and problem related to finances.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah setinggi-tinggi syukur dipanjangkan ke hadrat illahi dengan limpah dan kurnianya yang memberi kekuatan kepada penulis untuk menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan keluarga baginda serta para sahabat baginda.

Ucapan terima kasih tidak terhingga buat suami dan anak-anak tercinta, Mohamad Firdaus Abdul Rahman, Muhammad Hurayth Zufayri dan Ahmad Asyraf Husaini, yang telah banyak berkorban dari pelbagai sudut dan sebagai pendorong dalam menghadapi cabaran dalam menyiapkan kajian ini. Juga tidak lupa kepada emak dan abah yang tersayang Azizah Mohd Amin dan Kamaruddin Mohamad yang telah banyak membantu dan sentiasa memahami anakanda.

Sekalung penghargaan juga ditujukan buat penyelia, Dr. Muhammed bin Yusof yang telah banyak memberi bantuan dan tunjuk ajar serta idea dalam menyempurnakan kajian ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah dan pentadbir di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan serta kakitangan bahagian Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Seterusnya penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah menawarkan Cuti Belajar Bergaji Penuh selama 2 tahun yang memberi peluang kepada penulis untuk menyambung pengajian di Universiti Malaya diperingkat Ijazah Sarjana.

Penghargaan juga ditujukan kepada pihak Islamic Outreach Abim yang telah memberikan kerjasama dan membantu mendapatkan data-data yang diperlukan dalam menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga kepada sukarelawan di Masjid Negara Kuala

Lumpur, Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Masjid Putra, Putrajaya dan Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin Putrajaya yang telah banyak membantu dan memberi maklumat kepada penulis mengenai kajian ini.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada sahabat handai Azalina Ab. Halim yang telah memberi semangat dan sama-sama menyiapkan sarjana. Terima kasih tidak terhingga juga kepada semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan kajian ini. Jasa kalian akan tetap dikenang buat selamanya.

Akhir sekali, segala jasa baik dan pengorbanan yang telah diberikan oleh kalian semua pasti tidak ternilai dan tidak dapat dibalas oleh penulis melainkan ianya dibawah kiraan Allah SWT. Penulis mengharapkan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat untuk dijadikan panduan dan besar harapan penulis untuk melihat masa hadapan dakwah Islam di Malaysia berkembang dengan luasnya. Insya-Allah.

Erny Izatun Salwa binti Kamaruddin

8 Januari 2018

erny.salwa@gmail.com

DAFTAR KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
DAFTAR KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
PANDUAN TRANSLITERASI	xii
SENARAI KEPENDEKAN	xiv

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah Kajian	1
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Limitasi/skop Kajian	10
1.7 Analisis Kajian-kajian Lepas	11
1.8 Metodologi Kajian	13
1.8.1 Kaedah Pengumpulan data	14
a. Kajian Perpustakaan	14
b. Kajian Lapangan	14
i. Temubual	15
ii. Pemerhatian	17

1.8.2	Kaedah Analisis Data	19
1.9	Kesimpulan	21
BAB 2: KONSEP DAKWAH KEPADA PELANCONG BUKAN ISLAM DI MASJID		
2.1	Pengenalan	22
2.2	Konsep Dakwah	22
2.3	Pendekatan Dakwah	23
2.3.1	Dakwah Bil Lisan	24
i.	Penggunaan Bahasa Yang Mudah Difahami	24
ii.	Komunikasi Dalam Bentuk Penjelasan Yang Nyata dan Terang	27
iii.	Penerangan Sebab Di Sebalik Sesuatu Suruhan Dan Larangan.	29
iv.	Mengajak Bukan Islam Berbicara Mengenai Agama	31
2.3.2	Dakwah Bil Hal	32
i.	Akhhlak Sebagai Contoh Teladan Yang Baik	32
ii.	Penampilan-Berpakaian Yang Kemas dan Sesuai	34
iii.	Bermanis Muka dan Tutur Kata	35
iv.	Peramah dan Pandai Mengambil Hati	37
v.	Layanan yang baik	37
2.3.3	Dakwah Bil Kitabah	40
i.	Bahan Bercetak	40
2.4	Masalah Dalam Pendekatan Dakwah	43
2.4.1	Kurang Memahami Pendekatan Dakwah	43
2.4.2	Sikap dan Akhlak	45
2.4.3	Bahasa	46
2.4.4	Peraturan	46

2.4.5	Kewangan	47
2.5	Masjid Sebagai Institusi Dakwah	48
2.5.1	Seni Bina Masjid	49
a.	Takrif	49
b.	Elemen Seni Bina Dalam Islam	51
2.6	Konsep Dakwah Melalui Seni Bina Masjid	52
2.6.1	Dewan Solat	54
2.6.2	Mihrab	54
2.6.3	Mimbar	55
2.6.4	Menara	56
2.6.5	Kubah	57
2.6.6	Pintu Gerbang	57
2.6.7	Dikka	57
2.6.8	Kursi	58
2.6.9	Kolah	58
2.6.10	Maqsura	58
2.6.11	Halaman/Coutyard	59
2.7	Pelancong Bukan Islam	60
2.7.1	Pengertian	60
2.7.2	Jenis-Jenis Pelancong	63
2.8	Kesimpulan	65

**BAB 3: DAKWAH SUKARELAWAN PEMANDU PELANCONG
MASJID TERHADAP PELANCONG BUKAN ISLAM DI
WILAYAH PERSEKUTUAN**

3.1	Pengenalan	66
-----	------------	----

3.2	Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid	66
3.2.1	Latar Belakang	66
3.2.2	Tugas Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid	68
3.3	Pendekatan Dakwah Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid	68
3.3.1	Dakwah Bil Lisan	68
1.	Penggunaan Bahasa Yang Mudah difahami	69
2.	Komunikasi Dalam Bentuk Penjelasan Yang Nyata dan Terang	74
3.	Penerangan Sebab Di Sebalik Sesuatu Suruhan Dan Larangan.	79
4.	Mengajak Bukan Islam Berbicara Mengenai Agama	83
3.3.2	Dakwah Bil Hal	85
1.	Akhlik Sebagai Contoh Teladan Yang Baik	85
2.	Penampilan-Berpakaian Yang Kemas dan Sesuai	88
3.	Bermanis Muka dan Tutur Kata	89
4.	Peramah dan Pandai Mengambil Hati	91
5.	Layanan yang baik	92
3.3.3	Dakwah Bil Kitabah	96
i.	Bahan Bercetak	96
3.4	Kesimpulan	99

BAB 4: MASALAH DALAM DAKWAH TERHADAP PELANCONG BUKAN ISLAM OLEH SUKARELAWAN PEMANDU PELANCONG MASJID DI WILAYAH PERSEKUTUAN

4.1	Pengenalan	101
4.2	Masalah Berkaitan Pendekatan Dakwah Terhadap Pelancong Bukan Islam	101
4.2.1	Kurang Memahami Pendekatan Dakwah	101
4.2.2	Sikap	105

4.3	Masalah Berkaitan Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid	107
4.3.1	Bahasa	107
4.4	Masalah Berkaitan Pelancong Bukan Islam	109
4.4.1	Bahasa	109
4.4.2	Peraturan	111
4.5	Masalah Berkaitan Kewangan	113
4.6	Kesimpulan	117

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	118
5.2	Rumusan	118
5.3	Cadangan	123

BIBLIOGRAFI 127

LAMPIRAN 132

SENARAI JADUAL**HALAMAN**

Jadual 1.1 Latar Belakang Informan yang di Temubual	18
Jadual Senarai Masjid yang mempunyai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid di Wilayah Persekutuan	Lampiran
Jadual Senarai masjid yang mempunyai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid di Malaysia	Lampiran

PANDUAN TRANSLITERASI

Ejaan yang berkaitan dengan perkataan bahasa Arab digunakan mengikut pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi mengikut Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi.

Huruf Arab	Nama & Transkripsi	Huruf Arab	Nama & Transkripsi
ء	a, ‘(Hamzah)	ط	T
ب	b	ظ	Z
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	Gh
ج	j	ف	F
ح	h	ق	Q
خ	kh	ك	K
د	d	ل	L
ذ	dh	م	M
ر	r	ن	N
ز	z	ه	H
س	s	و	W
ش	sh	ي	Y
ص	ṣ	ة	H
ض	ḍ		

Vokal

Panjang	Pendek	Diftong
l: ā	_____ : (fathah) a	ا : aw
ؤ: ُu	_____ : (dammah) u	ئا : ay
ؤ: ِi	_____ : (kasrah) i	-ؤ iy/ِi
		ؤ: uw

SENARAI KEPENDEKAN

No.	Kependekan	Kepanjangan
1.	ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
2.	AS	‘Alaihi Salām
3.	Abd	Abdul
4.	Bil	Bilangan
5.	Dr	Doktor
6.	H	Halaman
7.	Hj	Haji
8.	Ibid	Rujukan pada tempat yang sama
9.	JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
19.	IOA	Islamic Outreach ABIM
11.	MTP	Masjid Tour Program
12.	PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
13.	SAW	Salla Allah ‘Alaihi Wa Sallam
14.	Sdn Bhd	Sendirian Berhad
15.	SWT	Subhanahu Wa Ta’ala
16.	t.t	Tiada Tahun
17.	YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian dalam bab ini membincangkan tentang pernyataan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, dan kepentingan kajian dilakukan. Dalam bab ini juga akan membincangkan tentang limitasi dan skop kajian. Pengkaji juga telah membuat analisis terhadap kajian-kajian lepas dan menjelaskan metodologi yang digunakan dalam menjalankan kajian ini.

1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Dakwah adalah satu tugas mulia yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim yang mengaku beriman kepada Allah S.W.T dan rasul-Nya. Tugas dakwah adalah satu tugas yang mudah untuk dilaksanakan oleh seorang pendakwah yang benar-benar memahami isi pelaksanaan dakwah yang sebenar. Tambahan pula ianya dilaksanakan dengan hati yang penuh keikhlasan dan kesabaran.

Islam menuntut kita menyampaikan dakwah kepada semua umat manusia termasuklah kepada orang bukan Islam. Dakwah terhadap bukan Islam perlulah mengambil pendekatan memujuk berasaskan prinsip hikmah agar tidak berlaku fitnah kepada agama Islam.¹ Pendekatan ini dijelaskan oleh Allah s.w.t. melalui firman-Nya dalam surah an-Nahl ayat 125:

أَذْعُ إِلَيْسِيْلِ رَبِّ الْكَوَافِرِ حَكَمٌ هُوَ لَمَوْعِظَةٌ لِّلْجَنَّةِ وَجَلَّ مَهْبُتُهِ يُهِيْ أَعْجَنَ إِنْ
رَبُّكُ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ صَلَّ عَنْ سُبْلِهِ وَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَلِّمَفَيْنِ ۖ ۱۲۵

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan

¹ Abdul Ghafar Don, Nurul Nazuha Hazizan, Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2011). *Dakwah kepada Non-Muslim: Sorotan Pendekatan Rasul Ulu al-'Azmi*. The International Journal of Islamic Studies. Islamiyyat 33. h 45-52.

hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk.”

Dari ayat tersebut, jelas menunjukkan bahawa dakwah perlu dilaksanakan dengan hikmah dan nasihat pengajaran yang baik agar dakwah dapat diterima oleh semua mad’u lebih-lebih lagi bukan Islam.

Melihat skop di Malaysia, dakwah terhadap bukan Islam bukanlah sesuatu yang baru. Dakwah telah bermula ketika Islam mula masuk ke Tanah Melayu sejak kurun ke-13 yang dibawa oleh pedagang-pedagang Arab yang datang berniaga dan berdakwah.² Setelah Islam mula tersebar, ia terus berkembang sehingga Tanah Melayu menjadi satu kawasan penduduk Islam.

Peredaran zaman berlalu, Malaysia kini telah berkembang menjadi satu negara yang menjadikan Islam sebagai Agama Persekutuan.³ Arus kemajuan yang dicapai seiring dengan perkembangan Islam membuatkan masyarakat luar tertarik untuk datang ke Malaysia.⁴ Sehingga kini, telah ramai pelancong datang ke Malaysia untuk melihat dan merasai sendiri keamanan rakyat dan masyarakat disini.

Statistik kedatangan pelancong ke Malaysia dari tahun 2010 sehingga 2014⁵ menunjukkan peningkatan yang sangat memberangsangkan, dimana sebanyak 27.4 juta pelancong telah masuk ke Malaysia pada tahun 2014, berbanding seramai 25.72 juta pelancong pada tahun 2013 dan seramai 25.03 juta pelancong pada tahun 2012 serta 24.71 juta pelancong dan 24.58 juta pelancong masing-masing bagi tahun 2011 dan

² Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

³ Perlembagaan Persekutuan. Fasal 1, Perkara 3: Agama Islam adalah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

⁴ Perlembagaan Persekutuan. Kuala Lumpur. MDC Publishers Sdn Bhd. h 1.

⁵ <http://www.tourism.gov.my/statistics>. Di akses pada 19 April 2016.

2010. Peningkatan setiap tahun bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah antara 0.5% sehingga 6.7%. Walaubagaimanapun, statistik untuk tahun 2015 menunjukkan sedikit penurunan dengan jumlah penurunan sebanyak 6.2% iaitu kepada 25.7 juta pelancong.⁶

Walaupun statistik menunjukkan penurunan kedatangan pelancong luar negara ke Malaysia pada tahun 2015, iaanya tidak memberi kesan yang begitu ketara, kerana jumlah kedatangan pelancong ke masjid masih berada pada tahap yang tinggi iaitu seramai 281601⁷ orang pelancong pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 yang berjumlah 391988 orang pelancong telah datang melawat ke Masjid Negara.⁸ Statistik pelancong yang datang ke Masjid Negara pada tahun 2013 pula berjumlah 267167 orang pelancong.⁹ Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 31.8% pelancong dari tahun 2013 ke tahun 2014.

Melihat kepada jumlah kedatangan pelancong ke masjid yang ramai ini, membuatkan JAKIM tertarik untuk menyebarluaskan dakwah melalui institusi masjid. Lantaran itu, satu persidangan meja bulat telah diadakan anjuran pihak JAKIM sendiri pada 23 Febuari 2016 yang bertujuan untuk menjadikan masjid sebagai pakej pelancongan di negara ini.¹⁰ Ini adalah satu usaha murni JAKIM apabila melihat masjid menjadi tempat tumpuan dan mendapat sambutan dari setiap pelancong luar negara apabila datang melancong ke Malaysia.

Dalam persidangan yang diadakan selama tiga hari ini, terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai oleh pihak JAKIM dan salah satunya adalah untuk menjadikan masjid sebagai salah satu pakej pelancongan yang berupaya menyumbang kepada

⁶ <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/jumlah-pelancong-dijangka-naik-30-5-juta-1.506775>. Diakses pada 8 April 2016.

⁷ Temubual bersama Ustaz Mohd Sofian bin Mat Ludin, Penolong Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya. 3 Mac 2016. Jam 10.00 – 12.00 tengahhari.

⁸ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Jubli Emas Masjid Negara Gemilang Meniti Dekad*. Masjid Negara Kuala Lumpur.

⁹ *Ibid.* h.

¹⁰ www.bernama.com. Diakses pada 26 Februari 2016.

peningkatan ekonomi Malaysia.¹¹ Pendapatan hasil daripada aktiviti pelancongan mencatatkan pertumbuhan hampir 10 peratus iaitu RM72 bilion pada tahun 2014 berbanding RM65.4 bilion pada tahun 2013.¹² Ini menunjukkan bahawa sektor pelancongan mampu menyumbang kepada peningkatan ekonomi Malaysia.

Dengan menjadikan masjid sebagai salah satu dari pakej pelancongan, ianya secara tidak langsung membuka ruang kepada masjid untuk dijadikan sebagai pusat penyebaran dakwah kepada pelancong bukan Islam yang datang ke Malaysia. Inilah peluang yang harus dimanfaatkan oleh para pendakwah¹³ dan tidak terlepas juga pihak Islamic Outreach ABIM untuk terus lebih aktif berdakwah kepada para pelancong bukan Islam yang datang ke Malaysia. Persoalannya, apakah konsep dakwah terhadap pelancong bukan Islam di masjid?

Menurut Majini Majid,¹⁴ lebih kurang 20% daripada pelancong yang datang ke Masjid Wilayah adalah dari Group Visit manakala 80% lagi ialah Walk-In Visitors. Beliau berpendapat lagi bahawa kebanyakan Walk-In Visitors yang datang ke Masjid Wilayah ialah kerana ingin melihat keindahan Masjid atau memang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Islam. Terbukti ianya telah berlaku kepada 2 orang adik beradik pelancong yang datang dari Poland. Mereka sangat tertarik untuk belajar mengenai Islam walaupun terpaksa menggunakan bahasa isyarat kerana mereka cacat pendengaran tapi akhirnya mereka berdua memeluk Islam di Masjid Wilayah pada awal tahun 2016.

Pada tahun 2003, Islamic Outreach ABIM telah mewujudkan satu Program Dakwah Pelancong Masjid yang merupakan satu program dakwah yang dilaksanakan

¹¹ Temubual bersama Ustaz Mohd Sofian bin Mat Ludin, Penolong Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya. Pada 3 Mac 2016, jam 10.00-12.00thghari.

¹² <http://www.hmetro.com.my/node/58578?m=1>. Diakses pada 1 April 2016.

¹³ Temubual bersama Ustaz Mohd Sofian bin Mat Ludin, Penolong Pengarah bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya. Pada 3 Mac 2016, jam 10.00-12.00thghari.

¹⁴ Majini Majid. (2016). *The Tour of Masjid Wilayah Persekutuan*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam yang datang ke masjid. Program ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2003 di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Salah satu destinasi pelancong utama adalah masjid semenjak ia telah dibuka kepada pelancong bukan Islam dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam di seluruh negara.¹⁵

Islamic Outreach ABIM kini telah mempunyai kira-kira lebih 100 orang sukarelawan yang aktif dan sanggup mengorbankan masa dan tenaga untuk menyampaikan mesej Islam kepada para pelancong yang bukan Islam di dalam perkarangan masjid. Hasilnya, ramai pelancong yang telah memeluk Islam secara sukarela¹⁶ setelah datang berkunjung ke Masjid Negara.¹⁷

Melalui Program Dakwah Pelancong Masjid ini, para sukarelawan dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan penerangan dan memberi pendedahan kepada pelancong bukan Islam mengenai keindahan senibina masjid serta peranan sebenar masjid kepada dunia Islam. Di samping itu, mereka turut diberikan pendedahan mengenai asas-asas ajaran serta cara hidup masyarakat Islam khususnya di Malaysia.¹⁸ Ianya adalah sebahagian daripada objektif atau tugas sebagai seorang Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid.

Program Dakwah Pelancong Masjid di bawah seliaan Islamic Outreach Abim sahaja kini aktif beroperasi di 5 buah masjid di seluruh Malaysia. Antara masjid tersebut ialah Masjid Negara Kuala Lumpur, Masjid Jamek Kuala Lumpur, Masjid Kampung Keling Melaka, Masjid Sultan Abu Bakar Shah Alam, Masjid Putra di Putrajaya dan

¹⁵<http://www.ioacentre.com/index.php/2014-03-17-04-04-53/program-dakwah-pelancong-masjid-masjid-tour-guide-mtg>. Di akses pada 13 Mac 2016.

¹⁶<http://www.ioacentre.com/index.php/2014-03-17-04-04-53/program-dakwah-pelancong-masjid-masjid-tour-guide-mtg>

¹⁷ Nurul Akma Ghazali. (2010). *Dakwah Terhadap Pelancong Non-Muslim: Suatu Kajian di Masjid Negara Kuala Lumpur*. Latihan Ilmiah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya. h 99.

¹⁸<http://www.ioacentre.com/index.php/2014-03-17-04-04-53/program-dakwah-pelancong-masjid-masjid-tour-guide-mtg>. Di akses pada 13 Mac 2016.

Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin juga di Putrajaya.¹⁹

Selain dari masjid-masjid di bawah seliaan Islamic Outreach ABI, terdapat juga Program Dakwah Pelancong Masjid yang ditadbir oleh pihak pengurusan masjid itu sendiri seperti Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang yang melancarkan Program Dakwah Melalui Pelancongan Masjid (Awareness Through Mosque Tour - ATMT). Program ini bermula secara tidak rasmi pada tahun 1993 dibawah seliaan Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa Pulau Pinang (IPSI) dan mula beroperasi berdakwah kepada pelancong bukan Islam secara rasmi pada tahun 1998.²⁰

Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula mewujudkan program dakwah yang mempunyai matlamat yang sama iaitu Program Pelancongan Masjid (Masjid Tour Program-MTP) pada tahun 2009.²¹ Program ini juga bermatlamat menyampaikan penerangan tentang Islam kepada pelancong bukan Islam di perkarangan masjid. Melalui program ini, pihak pengurusan Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mempunyai lebih dari 30 orang sukarelawan yang berkhidmat secara sepenuh masa dan separuh masa sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid.²² Dalam Program ini para sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid akan membawa para pelancong melihat keindahan senibina ‘Masjid Dalam Taman’ yang termoden di Malaysia.²³

Dengan usaha murni beberapa pihak yang mempunyai kesedaran dalam dakwah terhadap pelancong bukan Islam dengan mewujudkan program-program dakwah pelancong masjid ini membuatkan pelancong lebih terbuka untuk datang melancong ke

¹⁹ Temubual bersama Puan Normah Sulaiman. Naib Pengurus Islamic Outreach Abim di Masjid Negara pada 11 April 2016 Jam 11.00-12.30tghari. Lihat juga <http://www.ioacentre.com/index.php/2014-03-17-04-04-53/program-dakwah-pelancong-masjid-masjid-tour-guide-mtg>. di akses pada 13 Mac 2016.

²⁰ Kamaruddin Abdullah. (2016). *Dakwah Melalui Pelancongan Masjid*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

²¹ Majini Majid. (2016). *The Tour of Masjid Wilayah Persekutuan*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

²² *Ibid.* h 2.

²³http://www.masjidwilayah.gov.my/v1/index.php?option=com_content&view=article&id=117&Itemid=128 diakses pada 16 November 2016

masjid. Para pelancong yang datang ke Masjid disambut mesra dan diberi layanan istimewa sebagai tetamu di masjid oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid yang berkhidmat secara sukarela.²⁴ Persoalannya, apakah pendekatan dakwah yang dilakukan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam?

Namun begitu, masih ramai dikalangan masyarakat muslim yang beranggapan bahawa masjid hanyalah untuk orang Islam. Orang bukan Islam tidak perlu mengetahui tentang masjid dan Islam, dan tidak perlu memasuki masjid tanpa keperluan yang mengharuskan. Sehingga wujud beberapa kontroversi apabila ada dikalangan orang bukan Islam yang dibenarkan memasuki masjid dianggap perkara yang memalukan agama Islam.²⁵ Kurang kesedaran begini yang menyebabkan masyarakat tidak peka akan dakwah kepada pelancong bukan Islam.²⁶ Persepsi ini membuatkan dakwah Islam tidak berkembang dan beranggapan bahawa dakwah hanya dilakukan oleh orang yang mahir dalam agama Islam sahaja. Oleh itu, adakah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid ini telah mahir dalam menjalankan tugas dakwah terhadap pelancong bukan Islam? Sedangkan mereka adalah sukarelawan yang bukan berlatar belakangkan pengajian Islam atau dakwah tetapi mereka mempunyai kesedaran terhadap kewajipan dakwah.²⁷

Pada bulan Julai 2018, Malaysia digegarkan dengan berita mengenai pelancong bukan Islam yang berkelakuan tidak senonoh di depan Masjid Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kota Kinabalu. Sebelum itu, pada bulan Jun 2018 juga telah berlaku perkara yang sama dimana dua orang pelancong dari China berkelakuan tidak sopan dan dikenakan denda akibat perbuatan tersebut. Mengapakah keadaan sedemikian berlaku?

²⁴ Kamaruddin Abdullah. (2016). *Dakwah Melalui Pelancongan Masjid*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. 22-23 Oktober 2016.

²⁵ Kamarulzaman Mustappa. (2012). Status Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid dan Ruang Solat Utama di Dalam Masjid Menurut Persepktif Syarak. Jurnal Penyelidikan Islam. Bil 25/2012. h.17-20.

²⁶ Norhana Ng. Abdullah. (2016) *Cabarani Pelaksanaan Program Mosque Tour Guide*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

²⁷ Temubual bersama Encik Bob Borhanuddin iaitu Pengasas Masjid Tour Program Masjid Wilayah, di Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 22 Sept 2016, jam 3ptg - 4.30ptg.

Apakah pendekatan yang harus digunakan oleh pendakwah terutamanya sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam memberikan penjelasan mengenai masjid kepada pelancong bukan Islam mengenai adab-adab dalam Islam?

Oleh demikian, pengkaji merasakan bahawa penting untuk pengkaji menjalankan kajian Dakwah Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Terhadap Pelancong Bukan Islam di Wilayah Persekutuan ini bagi menghurai segala persoalan yang telah diutarakan tersebut.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian yang telah dijalankan ini diharap dapat menjawab persoalan-persoalan yang berikut:

1. Apakah konsep dakwah terhadap pelancong bukan Islam di masjid?
2. Bagaimanakah pendekatan dakwah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan?
3. Apakah masalah yang dihadapi oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam menyampaikan dakwah terhadap pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan?

1.4 Objektif Kajian

Melalui kajian ini, terdapat beberapa matlamat atau objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji. Di antara objektif tersebut ialah untuk:

1. Mengenalpasti konsep dakwah terhadap pelancong bukan Islam di masjid.
2. Mengenalpasti pendekatan dakwah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan.

3. Menganalisis masalah yang dihadapi oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam dakwah terhadap pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting untuk dijalankan agar memberi kemudahan kepada mereka yang terlibat. Antara kepentingan tersebut ialah:

1. Kajian ini memberi satu data dan penerangan yang lebih luas kepada pihak JAKIM dalam usaha dakwah kepada pelancong bukan Islam khususnya di Malaysia. Ianya juga sebagai satu panduan bagi melahirkan lebih ramai pendakwah yang mahir dalam bidang dakwah.
2. Kajian ini penting kepada pihak ABIM yang telah banyak menyumbang dalam aktiviti dakwah di Malaysia tidak kira dakwah kepada orang Islam mahupun orang bukan Islam. ABIM yang merupakan pencetus dakwah di Malaysia pada awal perkembangan Islam yang mula berkembang sejak awal tahun 80-an yang telah mengaplikasikan pelbagai konsep dan pendekatan dakwah.
3. Pihak masjid yang terlibat dalam kajian ini, kerana kajian ini akan menjelaskan beberapa teknik dan konsep pelaksanaan atau pendekatan dakwah yang berkesan yang dilaksanakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam menjalankan dakwah kepada pelancong bukan Islam di kawasan masjid.
4. Kajian ini juga amat berguna kepada para dai'e dan pendakwah dalam usaha mereka untuk mendekati dan menyampaikan mesej-mesej dakwah Agama Islam kepada pelancong bukan Islam yang datang ke Malaysia secara khususnya dan kepada masyarakat bukan Islam di Malaysia secara

umumnya dengan pendekatan yang paling efektif dan berkesan.

5. Kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan ilmiah kepada mahasiswa-mahasiswi dari Jabatan Dakwah dari mana-mana Universiti yang ingin melibatkan diri dalam usaha mempraktikkan teori dakwah yang telah mereka pelajari dari kuliah-kuliah di Universiti terhadap orang bukan Islam tidak kira di mana sahaja mereka berada.
6. Kajian ini memberi penerangan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha dakwah kepada orang bukan Islam dengan teknik dan pendekatan yang bersesuaian yang mungkin selama ini tidak ditonjolkan oleh mana-mana badan atau institusi. Terutamanya teknik ini juga mungkin boleh dilaksanakan oleh kakitangan bahagian pendidikan Islam di Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri yang ingin menjalankan dakwah.

1.6 Limitasi / Skop Kajian

Limitasi atau batasan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji semasa melaksanakan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Skop kajian hanya tertumpu kepada kaedah dakwah yang dilaksanakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam yang datang ke Masjid. Pengkaji akan meneliti setiap konsep dan pendekatan dakwah yang telah dilakukan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid.
2. Maklumat data yang digunakan dan diambil kira dalam kajian ini adalah antara tahun 2010 sehingga tahun 2015 sahaja.
3. Pengkaji membuat kajian terhadap 4 buah masjid yang mempunyai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam kawasan Wilayah Persekutuan sama ada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya sahaja.

Masjid yang dipilih adalah Masjid Negara Kuala Lumpur, Masjid Putra Putrajaya, Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin Putrajaya dan Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

4. Kriteria pemilihan masjid adalah:
 - i. Merekodkan kedatangan pelancong yang paling ramai sepanjang tempoh 5 tahun terkini.
 - ii. Paling aktif dalam kegiatan dakwah terhadap pelancong di masjid.
 - iii. Masjid yang mempunyai rekod data yang didokumentasikan.
 - iv. Masjid yang terdapat sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid yang menjalankan dakwah di kawasan masjid.
 - v. Masjid yang telah melaksanakan Program Pemandu Pelancong Masjid sejak dari penubuhan program tersebut sehingga kini.

1.7 Analisis Kajian-Kajian Lepas

Dalam satu kajian yang bertajuk Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam Pendekatan Dakwah Non-Muslim: Kajian Terhadap Program Islamic Outreach ABIM²⁸ menerangkan bahawa salah satu pendekatan dalam menyampaikan dakwah kepada bukan Islam melalui program-program yang dijalankan oleh Islamic Outreach Abim ialah perlu dan pentingnya kepada konsep ilmu perbandingan agama. Tujuan kajian tersebut diadakan adalah untuk melihat sejauhmana pengaplikasian ilmu perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah terhadap bukan Islam di Islamic Outreach ABIM. Dalam kajian tersebut, pengkaji menggunakan gabungan kedua-dua metode iaitu kaedah pengkajian kuantitatif dan kualitatif. Hasil kajian mendapati, antara program yang dilaksanakan oleh Islamic Outreach ABIM dalam menarik minat masyarakat bukan

²⁸ Mohd Yazid Saad. (2012). *Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam Pendekatan Dakwah Non-Muslim: Kajian Terhadap Program Islamic Outreach Abim*. Disertasi Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Islam memahami Islam ialah Program Pengajian Islam, Program Pemandu Pelancong Masjid, Program Ziarah Hospital, Program Khidmat Orang Asli, Program Kaunseling dan Program Dialog Antara Agama. Program-program ini merupakan pendekatan dakwah terhadap bukan Islam yang mengandungi aspek-aspek Ilmu Perbandingan Agama dan terbukti mempengaruhi bukan Islam untuk memahami serta memeluk agama Islam. Hasil kajian juga mendapati, Islamic Outreach ABIM telah mengaplikasikan Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah bukan Islam yang telah dirancang sepanjang tahun untuk memastikan bukan Islam yang telah memeluk Islam tetap kekal dalam iman dan Islam.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Siti Rokyah Md. Zain et.all²⁹ yang bertajuk “Masjid Sebagai Produk Pelancongan? Satu Tinjauan”, menerangkan bahawa masjid dijadikan sebagai salah satu produk pelancongan dalam agenda para pelancong. Tujuan kajian ini adalah untuk membuat satu tinjauan mengenai konsep masjid sebagai produk pelancongan dan merungkai persoalan mengenai kebolehgunaan masjid sebagai produk pelancongan dari kacamata Islam. Kajian ini menggunakan penyelidikan secara sekunder. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masjid sebagai produk pelancongan perlu dilihat dari perspektif positif dalam penyebaran dakwah dan kefahaman Islam kepada pelancong asing dan tempatan.

Kajian ini hanyalah sebagai satu tinjauan awal berkaitan masjid dijadikan sebagai produk pelancongan kepada pelancong dalam dan luar negara. Kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji yang mengkaji tentang dakwah yang dilakukan oleh Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid kepada pelancong bukan Islam.

²⁹ Siti Rokyah Md Zain, Ros Norita Abd Samad & Mohamed Muneer Samsudin. (2016). *Masjid Sebagai Produk Pelancongan? Satu Tinjauan.* (2016). Proceeding og the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2016). 1 December 2016, Shah Alam Selangor. Malaysia.

Dalam satu seminar yang dijalankan, Zulkifli Dahalan³⁰ telah membentang satu kertas kerja yang bertajuk “Pelancongan Melalui Masjid”, mendapati masjid adalah binaan awal yang dibina dalam sejarah Islam. Masjid bukan sekadar rumah ibadah tetapi produk pelancongan boleh dihasilkan melalui institusi masjid. Penulisan ini bertujuan untuk mengenangkan beberapa aspek pelancongan yang boleh dimajukan melalui masjid. Memajukan sektor pelancongan ini dilakukan secara berhati-hati agar tidak mengabaikan fungsi dan peranan masjid yang sedia ada. Pengunjung yang dating ke masjid dihidangkan dengan aktiviti yang ditentukan oleh pihak pengurusan masjid. Segala aktiviti yang dirancang berbentuk mendidik jiwa pengunjung. Kajian ini hanyalah satu kertas kerja sebagai satu cadangan awal untuk membangunkan masjid sebagai satu tempat dakwah melalui pelancongan.

Kesimpulan daripada analisis kajian-kajian lepas mengenai dakwah terhadap pelancong bukan Islam, pengkaji mendapati tidak ada satu kajian khusus yang menyamai dengan objektif dan persoalan kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

Oleh itu pengkajian yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah berkaitan dakwah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid yang merangkumi konsep dakwah terhadap pelancong bukan Islam, pendekatan dakwah serta masalah yang dihadapi dalam dakwah terhadap pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan. Ini merupakan lompang kajian yang telah diterokai dan dijalankan oleh pengkaji sepanjang kajian ini.

1.8 Metodologi Kajian

Terdapat dua jenis reka bentuk kajian iaitu jenis kuantitatif dan kualitatif. Kajian kuantitatif ialah pengkajian yang menekankan kepada fenomena-fenomena objektif dan

³⁰ Zulkifli Dahalan. (2013). *Pelancongan Melalui Masjid*. Prosiding Seminar Kebangsaan Islam dan Pelancongan. 2-3 September 2013.

dikawal melalui pengumpulan dan analisis data.³¹ Manakala Kualitatif pula bermaksud prosedur pengkajian yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati.³² Di dalam kajian mengenai ‘Dakwah Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Terhadap Pelancong Bukan Islam di Wilayah Persekutuan,’ pengkaji telah menggunakan beberapa pendekatan bagi menjawab objektif satu, dua dan tiga yang telah dikemukakan. Kajian yang dilakukan adalah berbentuk kualitatif yang mana kajian berfokuskan kepada pendekatan dakwah yang dilakukan oleh Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap Pelancong Bukan Islam sebagai tujuan kajian. Oleh itu, data-data yang bersifat primer dan sekunder menjadi rujukan dan dapatan kepada kajian ini.

1.8.1 Kaedah Pengumpulan data

a. Kajian Kepustakaan

Dalam kaedah yang pertama adalah kajian perpustakaan, dimana pengkaji membuat analisa terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan dakwah kepada bukan Islam. Selain itu, pengkaji juga mencari buku serta artikel berkaitan dengan dakwah di Masjid dan berkaitan fungsi masjid dalam dakwah bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Kemudian, pengkaji mencari dan menganalisa teori-teori yang berkaitan dengan kaedah dakwah terhadap orang bukan Islam serta perkaitan kaedah tersebut terhadap dakwah yang dilakukan diperkarangan masjid. Setelah itu, pengkaji mengeluarkan segala dapatan dari kajian perpustakaan ini dalam bentuk laporan bagi menghurai dan menjawab objektif pertama kajian.

b. Kajian Lapangan

Dalam kaedah kajian di lapangan, pengkaji telah menggunakan beberapa pendekatan,

³¹ Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Pengkajian*. McGraw-Hill Malaysia Sdn. Bhd. h.65-70.

³² Mat Rofa Ismail. (2006). *Falsafah Sains: Pendekatan Kualitatif*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. h.77-80.

antaranya pengkaji telah menggunakan kaedah temubual separa struktur kepada beberapa informan yang berpotensi yang telah dipilih dan kaedah pemerhatian ke masjid-masjid yang telah dipilih menjadi lokasi kajian.

i. Temubual

Pengkaji memilih temubual sebagai kaedah untuk mendapatkan data dalam kajian ini. Marshall & Rossman Mc. Leod Manjelaskan bahawa temubual merupakan salah satu kaedah utama dalam penyelidikan kualitatif.³³ Temubual ini telah dijalankan kepada beberapa kajian adalah bagi mendapatkan jawapan kepada tujuan kajian ini dilakukan iaitu untuk mengenalpasti konsep dan pendekatan dakwah yang dilaksanakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid serta masalah yang dihadapi oleh sukarelawan dalam dakwah terhadap pelancong bukan Islam di Masjid.

Temubual boleh dilaksanakan dengan kaedah bersemuka dan tidak bersemuka.³⁴ Temubual separa berstruktur telah digunakan oleh pengkaji untuk menjawab kesemua persoalan kajian didalam kajian ini. Kaedah temubual ini dijalankan oleh pengkaji bagi menjawab objektif kajian kedua dan ketiga.

Dalam kajian ini, pengkaji melaksanakan kaedah temubual secara bersemuka dengan mengemukakan soalan rangsangan umum supaya pengkaji lebih mudah berinteraksi dengan informen bagi mendapatkan maklumat lanjut. Ini dilakukan bagi mengelakkan rasa kurang selesa dikalangan informen untuk berinteraksi. Oleh itu, pengkaji telah membina soalan-soalan yang bersesuaian dan tidak terlalu mengikut skrip yang telah disediakan ketika mengemukakan soalan temubual.

Semua temubual dirakamkan dengan menggunakan alat perakam MP4 bagi tujuan pengumpulan data agar tidak terjadi data yang tidak lengkap akibat dari tertinggal atau hilang. Penggunaan alat ini dapat membantu pengkaji dalam merakam setiap

³³ Marshall, Catherine&Rossman, Gretchen B. (1998), Desingning Qualitative Research, London: Sage Publication, h.79-89.

³⁴ Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Pengkajian*. McGraw-Hill Malaysia Sdn. Bhd. h.26-29.

percakapan dan sebutan informen dengan lebih jelas dan dapat merakam dengan lebih tepat. Setelah itu, tiga langkah penting dilaksanakan untuk memperoleh data tersebut secara manual. Penulis mendengar kembali seluruh rakaman tersebut untuk mendapatkan gambaran umum dan kemudian mendengar semula untuk mengenal pasti data-data penting didalam rakaman tersebut. Setelah itu, pengkaji mendengar buat kali ketiga untuk membuat transkripsi.

Pada peringkat awal, pengkaji akan mendengar semula semua rakaman temubual yang telah dijalankan. Rakaman tersebut akan dikeluarkan semula dengan menaip semua perbualan dan menyimpannya di dalam komputer riba sebagai data mentah iaitu dikenali sebagai transkripsi. Kemudian data tersebut dianalisis mengikut tema yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Tema-tema ini ditentukan oleh pengkaji berdasarkan persoalan kajian. Data mentah dianalisis dengan teliti agar tidak ada data yang tertinggal.

Kesemua data tersebut akan diasingkan untuk menentukan sama ada data tersebut berkaitan dengan persoalan kajian atau sebaliknya. Data-data temubual yang tidak berkaitan dengan persoalan kajian akan diabaikan. Hanya data yang berkaitan dengan persoalan dan objektif kajian yang akan diambil kira. Setelah itu, semua data tersebut dibuat tafsiran dan pengkaji menyiapkan data temubual dalam bentuk laporan.

Kriteria pemilihan informen kajian adalah seperti berikut:

- i. Sukarelawan yang paling aktif dalam aktiviti dakwah terhadap pelancong bukan Islam.
- ii. Sukarelawan yang telah mengikuti kursus sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid.
- iii. Sukarelawan yang telah dilantik dan diiktiraf sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid di setiap masjid dalam kajian ini.
- iv. Sukarelawan yang mempunyai rekod yang baik sepanjang berkhidmat sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid.

Senarai informen kajian berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji mempunyai pelbagai latar belakang yang berbeza-beza. Jadual 1.1 menunjukkan seramai sembilan orang informan yang telah dipilih untuk kajian ini.

Bil	Senarai Informen	Umur	Jawatan	Tarikh/Tempat/Masa
1.	Normah Sulaiman	59thn	Naib Pengurus Islamic Outreach Abim	11 April 2016 Jam 11.00-12.30tghari di Masjid Negara.
2.	Bob Borhanuddin	57thn	Pengasas Masjid Tour Program Masjid Wilayah	22 Sept 2016, pukul 3.00-4.30petang, di Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
3.	Diana	32thn	sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid	28 Sept 2016, pukul 2.00-3.30 petang, di Masjid Negara, Kuala Lumpur,
4.	Abdul Rahman	35thn	sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid	4 November 2016, pada pukul 5.00-6.30petang, di Masjid Mizan, Putrajaya.
5.	Muhammad Amin Tong	40thn	sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid merangkap Pembantu Pelancongan	18 Oktober 2016, pukul 4.00-5.30 petang, di Masjid Putra, Putrajaya.
6.	Raja	48thn	sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid	3 Mac 2016, pada pukul 3.00- 4.30petang, di Masjid Putra, Putrajaya.
7.	Nor Azizan Ahmad	45thn	sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid	22 Sept 2016, jam 3.00-4.30ptg, Di Masjid Wilayah Persekutuan.
8.	Azizah Maarof	67thn	Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid	12 Sept 2017, jam 11.00-1.00tghari, di Masjid Mizan, Putrajaya.
9.	Mohd Sofian bin Mat Ludin	43thn	Penolong Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya	3 Mac 2016, jam 10.00pagi – 12.00 tengahhari, di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya.

Jadual 1.1: Latar Belakang informan yang di temubual.

ii. Pemerhatian.

Kaedah seterusnya yang digunakan dalam kajian ini iaitu, pengkaji membuat pemerhatian di tempat-tempat kajian seperti di setiap masjid dalam kajian ini. Pengkaji membuat pemerhatian dan melihat sendiri bagaimana kaedah dakwah yang dilaksanakan oleh infromen kajian. Ketika membuat pemerhatian, pengkaji menggunakan borang data pemerhatian yang dibina sendiri oleh pengkaji. Dalam borang tersebut telah dicatatkan beberapa kaedah yang telah dikemukakan dalam temubual iaitu cara yang dilaksanakan oleh sukarelawan dalam pendekatan dakwah pelancong bukan Islam.

Dalam kaedah ini, pengkaji akan mencatatkan sama ada kaedah yang ada dilakukan secara kerap atau secara selang-seli atau tidak langsung dilakukan kaedah tersebut. Kemudian, pengkaji akan mencatatkan pula pada borang tersebut bagaiman kaedah yang dilakukan kepada pelancong bukan Islam tersebut. Di dalam borang pemerhatian juga dicatatkan samaada kaedah tersebut memberi kebaikan kepada seorang pendakwah dan juga keburukan kaedah tersebut yang menyebabkan pendekatan itu tidak diterima oleh pelancong Bukan Islam untuk mendengar dakwah yang disampaikan. Kemudian, pengkaji akan meneliti setiap borang pemerhatian itu dan melihat kembali kaedah yang paling diterima dalam dakwah kepada pelancong bukan Islam di perkarangan masjid dengan dapatan dari temubual yang telah dilakukan. Samaada terdapat persamaan atau perbezaan. Pengkaji juga telah membuat pemerhatian ini sekurang-kurangnya dua kali bagi setiap lokasi yang dipilih. Pengkaji akan memilih dari borang pemerhatian tersebut pendekatan dakwah yang paling berkesan dan dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam dakwah kepada pelancong bukan Islam di perkarangan masjid.

Pengkaji telah memilih masjid-masjid di sekitar Wilayah Persekutuan sebagai

lokasi membuat kajian dan membuat pemerhatian kerana masjid-masjid ini adalah antara masjid yang tersenarai sebagai masjid yang menjadi tumpuan utama pelancong kerana ianya terletak di kawasan strategik iaitu kawasan pelancongan. Masjid-masjid ini juga telah dimasukkan ke dalam pakej pelancongan bagi pelancong yang membuat lawatan ke Kuala Lumpur dan Putrajaya.³⁵ Antara masjid yang telah menjadi pilihan pengkaji ialah Masjid Negara, Kuala Lumpur, Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Masjid Putra Putrajaya, dan Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin, Putrajaya.

Pemilihan masjid-masjid ini telah dilakukan dengan kaedah *Purposive Sampling* iaitu kaedah persampelan bertujuan.³⁶ Masjid-masjid ini dipilih mengikut kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji, iaitu:

- i. Merekodkan kedatangan pelancong yang paling ramai sepanjang tempoh 5 tahun terkini.
- ii. Paling aktif dalam kegiatan dakwah terhadap pelancong di masjid.
- iii. Masjid yang mempunyai rekod data yang didokumentasikan.
- iv. Masjid yang terdapat sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid yang menjalankan aktiviti dakwah dikawasan masjid.
- v. Masjid yang telah melaksanakan Program Pemandu Pelancong Masjid sejak awal penubuhan program tersebut sehingga kini.

1.8.2 Kaedah Analisis Data

Untuk menganalisis data kualitatif, pengkaji telah mengkodkan transkrip temubual mengikut tema yang telah ditetapkan. Dua pendekatan dalam kajian kualitatif dinamakan *emergent coding* dan *priori coding*. *Emergent coding* bermaksud kod yang dihasilkan setelah membaca dan meneliti transkrip. *Priori coding* pula bermaksud kod

³⁵ Temubual bersama Ustaz Mohd Sofian bin Mat Ludin, Penolong Pengarah bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya. Pada 3 Mac 2016, jam 10.00-12.00thghari.

³⁶ Lim Chong Hin. (2007). *Pengkajian Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Shah Alam: McGraw-Hill. h.28.

telah disiapkan lebih awal berdasarkan teori yang digunakan dalam kajian.³⁷

Dalam kajian ini, data-data yang diperolehi dianalisis berdasarkan tema-tema yang dibentuk dengan kaedah berikut:

a. Analisis Induktif

Kaedah induktif adalah pendekatan yang akan melibatkan aktiviti membuat pemerhatian dan membuat rumusan selepas pemerhatian.³⁸

Metode induktif bermaksud suatu proses menganalisis data melalui pola pemikiran bagi mencari bukti-bukti dari hal-hal yang bersifat khusus kepada yang bersifat umum.³⁹ Pengkaji menganalisis dengan cara meneliti dan menghalusi setiap fakta serta selanjutnya menyimpulkan kepada suatu kesimpulan yang bersifat global. Oleh itu, kaedah ini membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang sebenar untuk dianalisis dan dirumuskan. Pengkaji menggunakan kaedah ini dalam bab dua, bab tiga dan bab empat.

b. Analisis Deduktif

Dalam kajian kualitatif, analisis deduktif digunakan untuk membangunkan hipotesis berdasarkan teori ataupun dibangunkan sebagai suatu kajian untuk menguji hipotesis.⁴⁰ Pengkaji mengambil fakta dan maklumat yang umum kepada khusus iaitu ianya diperincikan kepada satu persatu sehingga data tersebut terperinci berdasarkan

³⁷ Othman Talib. (2014). *Atlas.ti Pengenalan kepada Data Kualitatif 140 illustrasi Langkah Demi Langkah*. MPWS Rich Resources. Bandar Baru Bangi. h 15.

³⁸ Noraini Idris. (2010). Penyelidikan dalam Pendidikan. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill. h. 123.

³⁹ Idris Awang. (2001) *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Intel Multimedia and Publication. h.75.

⁴⁰ Wilson, J. (2010). Essential of Business Research. Qualitative and Quantitative Approaches. United Kingdom. SAGE Publication. h.7.

kemampuan pengkaji sendiri.⁴¹ Kaedah ini digunakan secara meluas ketika pengkaji menganalisis data dalam setiap persoalan yang timbul.

1.9 Kesimpulan

Pada dasarnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti konsep dan pendekatan dakwah Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam dakwah kepada pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan.

⁴¹ *Ibid*, 52.

BAB 2

KONSEP DAKWAH KEPADA PELANCONG BUKAN ISLAM DI MASJID

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini membincangkan tentang konsep dakwah kepada pelancong bukan Islam di Masjid. Dalam bab ini juga menjelaskan tentang maksud pelancong bukan Islam serta pengkelasannya. Konsep dakwah melalui seni bina dan seni bina masjid turut diuraikan. Teori pendekatan dakwah bil lisan (perkataan), dakwah bil hal (perbuatan), dan dakwah bil kitabah (tulisan) juga diuraikan di dalam bab ini. Selain itu, teori berkaitan masalah dalam dakwah terhadap orang bukan Islam juga dibincangkan dipenghujung bab ini.

2.2 Konsep Dakwah

Dakwah dapat didefinisikan kepada dua bahagian iaitu maksud dari segi bahasa dan istilah. Dakwah dari segi bahasa berasal dari kata dasar (عِدَادٌ) dan (أَعْلَمُ) menyeru umat manusia untuk menuju ke jalan Allah dan satu permohonan hamba kepada Tuhan dalam munajatnya.⁴² Dakwah dari segi bahasa dakwah bermaksud seruan, panggilan, undangan atau jemputan.⁴³ Manakala dari segi Istilah dakwah adalah sebagai proses usaha untuk mengajak masyarakat (mad'u) untuk beriman kepada Allah dan Rasul-Nya.⁴⁴

⁴² Roslizawati Mohd Ramly, Saporah Sipon, Suhailiza Md. Hamdan. (2008). *Metodologi Dakwah Terhadap Remaja: Kajian Kes di Jamah Islam Malaysia (JIM)*. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

⁴³ Haji Ahmad Tajuddin. (1998). *Metodologi Dakwah Alaf Baru*. Jurnal Dakwah. Bil 1, Jilid 1, 91-110.

⁴⁴ Syaikh Akram Kassab. (2010). *Metode Dakwah Yusuf Al-Qardhawi*. *Metod Dakwah Yusuf Al-Qardhawi: Berkarakteristik Memudahkan, Tidak Fanatik Mazhab, Universal dan Memadukan antara Dalil Nash & Akal*. (Terjemahan) Muhyidin Mas Rida. Jakarta:Pustaka Al-Kautsar. h.18-25.

Ab. Aziz Mohd Zin pula mendefinisikan bahawa dakwah bukan semata-mata mengajak manusia kepada Allah, tetapi ia mestilah disertakan dengan uslub dan tatacara yang baik bagi mempengaruhi orang diajak itu.⁴⁵ Selain itu, dakwah juga bermaksud menyeru bukan Islam kepada Islam dan menyeru umat Islam supaya melaksanakan Islam, berusaha menegakkan syariat dan ajaran Islam di muka bumi dengan menyuruh manusia melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran supaya manusia memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat.⁴⁶

Dr. Yusuf Al-Qaradhawi memberi definisi dakwah sebagai usaha membawa orang lain kepada Agama Islam, supaya mengikut petunjuk agama ini, melaksanakan segala ketetapannya dimuka bumi ini, mengkhususkan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan taat kepada Allah sahaja, melepaskan diri daripada segala kongkongan yang bukan daripada Allah (taghut) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditentukan hak oleh Allah, menafikan hak ke atas orang yang dinafikan hak oleh Allah, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan berjihad pada jalan-Nya.⁴⁷

Uslub dakwah yang digunakan mestilah dilakukan dengan al-hikmah. Al-hikmah bermaksud suatu metode dakwah yang wujud dalam ajaran Islam dengan tujuan untuk menyampaikan insan kepada jalan kebenaran dengan mempertimbangkan kemampuan dan ketajaman rasional atau si penerima dakwah.⁴⁸

2.3 Pendekatan Dakwah

Menurut Aziz Mohd. Zin bahawa dakwah adalah perkara yang memerlukan kepada

⁴⁵ Ab. Aziz Mohd Zin. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Penerbit Universiti Malaya. h.35-40.

⁴⁶ Wan Yusnee Wan Abdullah. (2013). *Dakwah Di Universiti Selangor: Kajian Masalah Pelaksanaan dan Penerimaan Pelajar*. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h.13.

⁴⁷ Dr. Yusuf Al-Qaradhawi. (1978). *Thaqāfah al-Dā'i'yah*, Beirut. h.175-179.

⁴⁸ Moh. Ali Aziz. (2004). *Ilmu dakwah*. Jakarta, Prenada Media. h.40-42.

kebergantungan sepenuhnya kepada Allah ketika menyampaikannya.⁴⁹ Terdapat tiga pendekatan dakwah yang menjadi kayu pengukur kepada kajian ini. Ianya adalah seperti berikut:

2.3.1 Dakwah Bil Lisan⁵⁰

Dakwah dengan lisan atau percakapan adalah satu pendekatan dakwah yang disampaikan dalam bentuk ucapan atau kata-kata. Bentuk-bentuk dakwah secara lisan antaranya adalah:

i) Penggunaan Bahasa Yang Mudah Difahami⁵¹

Agama Islam disampaikan kepada sasaran dengan cara yang mudah kerana Islam itu sendiri mudah. Ia selaras dengan tabiat semula jadi manusia dan sudah tentu manusia tidak suka kepada sesuatu yang membebankan dan mahukan yang mudah sahaja. Walaupun ada sesetengahnya nampak terbeban, namun ianya adalah untuk kebaikan dan kesejahteraan pengikutnya. Segala kewajipan yang terdapat dalam dakwah masih dalam kemampuan manusia melakukannya, dengan itu ia tidak membebangkan.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 286:

يُلِكِفُ اللَّهُ فُسْسًا إِنْ سَعَ دَلَالَةً مَا لَكَسْتُ وَلَهِ مَا أُكْسَبَتُ بَنَانَ ثَوَّاخْنَ آءِنْ سُينَ آأَوْ أَخْطَلَنَ... ٢٨٦

Maksudnya: “Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Dia mendapat pahala kebaikan atas apa yang diusahakannya, dan menanggung dosa kejahanatan atas apa yang diusahakannya.”

Allah swt juga berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 185:

⁴⁹ Ab. Aziz Mohd Zin et al. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya Kuala Lumpur. h. 120-130.

⁵⁰ Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat & Ideris Endot.1998. *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. h 80-90.

⁵¹ Ab. Aziz Mohd Zin. *Metodologi Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya. 2001. h 12-19.

يُرِيدُ اللَّهُ لِكُمُ الْيُسْرَ وَيُرِيدُكُم مُّلْعُونِينَ ...

Maksudnya: ‘....Allah menghendaki kemudahan bagi kamu dan tidak menghendaki kesukaran bagi kamu...’

Dari kedua-dua ayat di atas dapat dilihat bahawa, Islam yang hendak disampaikan melalui dakwah itu mempunyai nilai yang mudah untuk difahami dari segi bahasa dan pertuturan serta dalam lingkungan dapat diikuti oleh setiap manusia tanpa membebangkan. Nabi Muhammad saw menjelaskan tentang perkara ini dengan sabdanya yang bermaksud: “Sesungguhnya agama Islam itu mudah, dan orang Islam yang melampau mengamalkan sesuatu tuntutan agama itu akan tertewas.”⁵²

Baginda Rasulullah saw berpesan lagi maksudnya: “Hendaklah engkau mempermudahkan dan janganlah engkau menyukarkan...”⁵³ Ibn Hajar. Kedua-dua hadith tersebut membawa maksud yang sama dengan ayat-ayat yang telah disebutkan iaitu menerangkan bahawa apa yang dibawa oleh agama Islam itu adalah mudah maka ia hendaklah dipermudahkan, terutamanya bagi orang yang baru mengenali Islam.

Yusuf Al-Qardawi menjelaskan bahawa pendakwah itu hendaklah mengetahui atau mempunyai maklumat yang baik berhubung dengan pelbagai perkara antaranya ialah pengetahuan berhubung dengan kesusastraan dan bahasa.⁵⁴ Kelemahan berbahasa selain dari Bahasa Melayu akan menyebabkan dakwah tidak dapat disampaikan kepada orang yang mendengar dakwah tersebut.⁵⁵

Bagi melaksanakan dakwah kepada pelancong yang datang dari pelbagai negara dan pastinya mempunyai bahasa yang berbeza, maka dakwah perlulah dilakukan dalam bentuk bahasa yang mudah difahami. Bahasa Inggeris adalah bahasa perantaraan yang

⁵² Ibn 'Allan, Muhammad 'Ali ibn Muhammad. (1977). *Dalil al-Falihin li Turuq Riyad al-Salihin/Ta'lif Muhammad ibn 'Allan al-Siddiqi al-Ash'ari al-Makki*. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi. jil.1. h.383.

⁵³ Aws ibn Hajar. (1960). *Diwan Aws ibn Hajar/tahqiq wa-sharr Muhammad Yusuf Najm*. Bayrut: Dar Sadr[wa] Dar Bayrut. Jil.1. h.163.

⁵⁴ Yusuf al-Qardawi. (1977) *Thaqāfah al-Dā'iyyah*. Beirut. 1978. 8. Dalam Pengantar Dakwah Islamiah. Ab. Aziz Mohd Zin. Penerbit Universiti Malaya. h.136-137.

⁵⁵ Siti Hanita Saniran. (2010) *Masalah Dakwah di Pulau Ketam*. Latihan Ilmiah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Universiti Malaya. h 20.

utama bagi sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dan penguasaan bahasa itu menjadi asas dalam dakwah kepada pelancong bukan Islam yang datang ke masjid.⁵⁶ Setiap sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid hendaklah menguasai bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan para pelancong yang terdiri dari pelbagai negara, bangsa dan agama.⁵⁷ Oleh yang demikian, dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami akan membuatkan semua pelancong lebih senang untuk berinteraksi dan dakwah akan dapat disampaikan.

Hal ini dijelaskan lagi dengan lebih lanjut bahawa pentingnya penguasaan Bahasa Inggeris boleh membantu dalam berdakwah kepada pelancong yang sememangnya tidak memahami Bahasa Melayu. Seorang pendakwah perlu menguasai Bahasa Inggeris dalam menyampaikan dakwah bagi mengelakkan salah faham atau salah fakta ketika menyampaikan dakwah kepada pelancong.⁵⁸

Komunikasi yang berkesan adalah dimana kedua-dua pihak berinteraksi dalam bahasa yang boleh difahami oleh kedua-dua pihak, dalam konteks kajian ini adalah para sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dan pelancong. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid perlu menguasai sekurang-kurang dua jenis bahasa selain dari bahasa Melayu.⁵⁹ Hal ini kerana penguasaan bahasa selain dari bahasa Malaysia sangat penting bagi menyampaikan dakwah kepada para pelancong yang datang dari pelbagai negara. Dengan penguasaan bahasa, seorang pendakwah akan sentiasa yakin untuk berinteraksi dengan pelancong bagi menerangkan tentang masjid dan ibadah yang dilakukan oleh

⁵⁶ Nurul Akma Ghazali. (2010). *Dakwah Terhadap Pelancong Non-Muslim: Suatu Kajian di Masjid Negara Kuala Lumpur*. h.66-70.

⁵⁷ Mohd Yazid bin Saad. (2012). *Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama Dalam Pendekatan Dakwah Non-Muslim: Kajian Terhadap Program Islamic Outreach ABIM*. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Universiti Malaya. h 66-68.

⁵⁸ Majini Majid. (2016). The Tour of Masjid Wilayah Persekutuan. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

⁵⁹ Nurul Akma Ghazali. (2010). *Dakwah Terhadap Pelancong Non-Muslim: Suatu Kajian di Masjid Negara Kuala Lumpur*. h.70-75.

Muslim kepada pelancong sekaligus menerapkan unsur-unsur dakwah didalamnya.⁶⁰

ii) Komunikasi Dalam Bentuk Penjelasan Yang Nyata dan Terang⁶¹

Dakwah adalah untuk memberi kefahaman kepada sasaran. Oleh itu, segala pengajaran atau mesej yang disampaikan hendaklah dilakukan dengan komunikasi yang jelas dan terang supaya tiada kecaburan dan salah faham. Dalam hal ini Allah menjelaskan dengan firman-Nya dalam surah al-Maidah ayat 92:

وَأَطِّي عَوْاً لَهُ وَأَطِّي عَوْاً لَرَسُولٍ وَأَحَدَرْوْفُ إِنْتَ لَهُ فَأَعْلَمُ مَا أُعْلَمَ رَسُولُنَا
اللَّهُ أَعْلَمُ الْجِنَّانُ^{٩٢}

Maksudnya: “Dan taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan berhati-hatilah. Jika kamu berpaling tадah, maka ketahuilah bahawa sesungguhnya kewajipan Rasul Kami hanyalah menyampaikan agama Allah dengan terang.”

Dan Firman-Nya dalam surah an-Nahl ayat 35:

بَلْ تُهَمَّى لِرَسُولٍ إِنَّ اللَّهَ أَعْلَمُ^{٣٥}

Maksudnya: “Maka tiada kewajipan ke atas Rasul-rasul, selain dari menyampaikan agama Allah dengan terang.”

Kedua-dua ayat tersebut menerangkan tugas Nabi Muhammad s.a.w secara khusus dan rasul-rasul yang lain secara umum, iaitu menyampaikan agama Islam dengan komunikasi yang jelas dan nyata. Dalam satu hadith ‘Aisyah ra berkata maksudnya: “Percakapan Rasulullah saw adalah satu percakapan yang jelas dan boleh difahami oleh sesiapa sahaja yang mendengarnya.”⁶² Melalui hadith tersebut ‘Aisyah ra

⁶⁰ Majini Majid. (2016). *The Tour of Masjid Wilayah Persekutuan*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

⁶¹ Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya. h 12-19.

⁶² Abu Da’ud Sulayman ibn al-Ash’ath al-Sajistani. (1952) *Sunan Abi Da’ud*. Al-Qahirah: Matba’at Mustafa al-Babi al-Halabi wa-Awladih. 1952. 170-172.

menerangkan percakapan Nabi Muhammad saw yang keadaannya jelas dan senang difahami oleh sesiapa sahaja yang mendengarnya. Ini menunjukkan bahawa komunikasi yang jelas dan nyata sangat penting dalam berdakwah.

Kurang kemahiran komunikasi dalam kalangan para pendakwah juga mengganggu proses pelaksanaan dakwah.⁶³ Kemahiran berkomunikasi dalam bentuk yang jelas dan terang sangat penting ketika menyampaikan dakwah kepada pelancong didalam kawasan masjid. Ini kerana pelancong yang datang bukanlah dengan tujuan untuk mendengar penerangan tentang Islam tetapi sebaliknya pelancong datang hanya untuk melihat keindahan seni bina masjid seperti mana yang digambarkan oleh ejen pelancongan yang mempromosikan tentang lawatan ke sesuatu tempat.⁶⁴ Oleh itu, komunikasi yang berkesan perlu diwujudkan agar pelancong tertarik untuk mendengar penerangan tentang Islam yang disampaikan oleh sukarelawan seterusnya dakwah dapat dijalankan.

Komunikasi yang jelas dan nyata juga penting dalam dakwah untuk menghilangkan salah faham orang bukan Islam terhadap agama Islam.⁶⁵ Terdapat beberapa salah faham orang bukan Islam terhadap agama Islam⁶⁶ yang boleh diberi pembetulan dan pencerahan melalui dakwah yang dilaksanakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam. Antara salah faham⁶⁷ orang bukan Islam terhadap agama Islam adalah orang bukan Islam beranggapan bahawa ajaran Islam dianggap tidak sesuai dengan dunia moden yang inginkan kebebasan dan keseronokan serta hukum Islam dianggap kolot dan tertutup. Selain itu, agama Islam juga dianggap menindas kaum wanita seperti poligami dan suruhan

⁶³ Ab. Aziz Mohd Zin et al. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur. h.279.

⁶⁴ Idris bin Ahmad. (2016). *Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

⁶⁵. Syarifah Kahiriah Syed Abu Bakar. (2010). *Berdakwah Melalui Masjid*. Suara Masjid, Edisi Syawal. Bil.81. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya. 2010. h 4.

⁶⁶ Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur. 220.

⁶⁷ Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya. 2001. h 220-221.

menutup aurat serta agama Islam juga dianggap agama yang ekstremis dan ganas.

iii) Penerangan Sebab Di Sebalik Sesuatu Suruhan Dan Larangan.⁶⁸

Islam adalah agama bijaksana, yang bertujuan untuk memberi kesejahteraan kepada pengikutnya. Segala suruhan dan larangan dalam Islam adalah untuk faedah pengikutnya, sama ada faedah jangka pendek atau jangka panjang. Sesuatu suruhan atau larangan selalunya diselitkan dengan sebab-sebab yang perlu dijelaskan. Namun, ada juga yang tidak dijelaskan malah ada yang tidak dapat diketahui sebab musababnya. Walau apapun, sebabnya tetap ada kerana Allah yang bersifat Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui menyuruh atau melarang manusia berdasarkan kebaikan untuk makhluk-Nya. Allah tidak menyuruh, melarang dan mengenakan sesuatu atas makhluk-Nya secara sia-sia.⁶⁹ Maha Suci Allah dari melakukan perkara yang sia-sia. Ketika Allah menyuruh sembahyang dijelaskan sebabnya seperti mana firman-Nya dalam surah al-Ankabut ayat 45:

... وَقُلْ لِّلْمُصْلِحَةِ إِنَّ الظَّنَّ مَنْعَلٌ لِّلْجَحَّاجِ أَعْوَالٌ لِّلْمُنْكَرِ ... ٤٥

Maksudnya: "... Dan dirikanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan keji dan mungkar." Al-Ankabut: 45.

Ayat tersebut menerangkan faedah sembahyang iaitu dapat mencegah dan menjauhkan diri daripada kekejian dan kemungkaran, yang selepas itu akan membawa seseorang kepada bersifat mulia.

Firman Allah swt dalam surah al-Maidah ayat 91:

لَمَّا يُرِيدُ الشَّيْطَنُ أَنْ يُقْعِدَنَا كُمْ لَلْعَذْوَهُ وَلِلْجَنَّاءِ آفُرُي لَلْحَمْرُ وَلِلْهَسَرُ
وَيَصْلَكُمْ عَنْ لِكْرِ أَلَّهِ وَعَنْ الْأَصْلَوْفِ هَلْ تَتَّمُ هَوَنَ ٩١

Maksudnya:

⁶⁸ Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya. h 12-19.

⁶⁹ Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). h 12-20.

“Sesungguhnya syaitan itu bermaksud hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu lantaran arak dan judi, dan menghalang kamu dari mengingati Allah dan sembahyang maka berhentilah kamu daripada mengerjakannya.”

Ayat tersebut berkenaan dengan larangan Allah supaya orang Islam tidak meminum arak dan bermain judi. Ia juga menerangkan sebab-sebab larangan tersebut iaitu kerana kedua-duanya boleh membawa kepada kebencian dan permusuhan antara satu sama lain, disamping dapat menghalang daripada mengingati Allah dan sembahyang. Sebaliknya, kedua-dua larangan tersebut untuk membina akhlak yang mulia. Dari sini dapat dilihat bahawa diantara asas dalam dakwah itu ialah menerangkan alasan tertentu di sebalik sesuatu suruhan dan larangan, supaya ia dapat difahami dengan sejelas-jelasnya.

Dalam dakwah yang dilakukan kepada pelancong yang datang ke masjid pula, perlu adanya penerangan sebab di sebalik sesuatu suruhan dan larangan kerana pelancong yang datang adakalanya sudah tersedia dengan pelbagai persoalan yang membuatkan mereka ingin mengetahui sebab atau alasan bagi sesuatu ibadah itu wajib dilaksanakan oleh seorang muslim.⁷⁰ Terdapat juga pelancong yang datang dalam keadaan yang kosong atau tanpa sebarang persoalan tentang Islam dan Muslim tetapi mula mengemukakan soalan apabila melihat orang Islam melakukan ibadah solat dan melakukan solat dengan cara-cara dan rukun-rukun yang tertentu.⁷¹

Sebelum seorang pendakwah itu menjawab persoalan dari pelancong tentang hikmah disebalik sesuatu suruhan dalam ibadah, terlebih dahulu sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid hendaklah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang sedalam-dalamnya tentang Islam agar tidak tersalah dalam memberi jawapan. Ini

⁷⁰ Norhana Ng. Abdullah. (2016). *Cabarani Pelaksanaan Program Mosque Tour Guide*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

⁷¹ Pemerhatian dan pengalaman pengkaji mengikuti kursus Pemandu Pelancong Masjid siri 1/2016 di masjid negara kuala Lumpur, jam 9.00pagi-4.30petang, pada 12-13 Mei 2016.

menunjukkan bahawa pentingnya seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid mempunyai ilmu pengetahuan tentang Islam sebelum menyampaikan dakwah kepada pelancong bukan Islam.

iv) Mengajak Bukan Islam Berbicara Mengenai Agama⁷²

Seorang pendakwah yang bijak akan memulakan dakwah dengan cara yang paling dekat dan hikmah. Salah satu darinya adalah dengan mengajak bukan Muslim berbicara mengenai agama. Mulakan komunikasi dengan bertanya tentang tuhan, kehidupan selepas mati dan perayaan serta menghuraikan pula pendirian daripada perspektif Islam. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: “*Sesiapa yang menyeru kepada petunjuk, maka ia mendapatkan pahala seperti pahala orang yang mengikutinya tanpa mengurangi pahala mereka sedikit pun.*”⁷³

Dalam konteks dakwah kepada pelancong bukan Islam di perkarangan masjid, mengajak pelancong bukan Islam berbicara mengenai agama adalah perkara biasa dan menjadi rutin harian seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid. Seorang yang mahir dalam ilmu perbandingan agama akan mendapat satu kelebihan tentang menyampaikan kebenaran agama Islam kepada pelancong bukan Islam.⁷⁴

Antara satu teknik yang efektif dalam menyampaikan dakwah dalam berbicara mengenai agama ini adalah dengan mencari persamaan berdasarkan akidah.⁷⁵ Mencari persamaan berdasarkan akidah adalah salah satu teknik yang berkesan untuk diaplikasikan contohnya seperti konsep asas menyembah Tuhan yang satu adalah

⁷² Mohamad Nidzam Abd kadir. (2009). *Fiqah Berinteraksi Dengan Non-Muslim*. Telaga Biru Sdn Bhd. Kuala Lumpur. h.1.

⁷³ Hadith riwayat Ibn Majah, Kitāb al-Adāb, Bāb Luzūm al-Sunnah, no. hadith 4609. Hadith *ṣaḥīḥ*. Lihat Abu Da’ud Sulayman ibn al-Ash’ath al-Sajistāni. “Sunan Abi Da’ūd”. (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif Li Nashr Wa Tawzī, t.t.) 250.

⁷⁴ Mohd Yazid bin Saad. (2012). *Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama Dalam Pendekatan Dakwah Non-Muslim: Kajian Terhadap Program Islamic Outreach ABIM*. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Universiti Malaya. h.66-68.

⁷⁵ Danial Zainal Abidin. (2003). *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden. Edisi Kedua*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd. 2003.68-71.

bersamaan akidah dalam agama Islam dan agama-agama lain. Agama lain juga percaya pada Tuhan yang satu cuma yang membezakannya adalah cara penyembahan itu dilaksanakan.⁷⁶ Agama lain juga percaya tentang kewujudan Tuhan dan cuba membuka minda mereka dengan menyampaikan konsep asas Tauhid dalam agama Islam ini.

2.3.2 Dakwah Bil Hal⁷⁷

Dakwah bil hal bermaksud berdakwah dengan perbuatan atau dalam erti kata lain iaitu bahasa anggota badan atau juga isyarat badan. Dakwah bil hal lazimnya dilaksanakan dalam ruang lingkup penerapan nilai-nilai Islam dalam amalan dan cara hidup.⁷⁸ Dakwah dengan perbuatan dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian, antaranya ialah:

i) Akhlak Sebagai Contoh Teladan Yang Baik⁷⁹

Dakwah melalui akhlak adalah sangat penting dalam berdakwah kepada bukan Muslim. Imej akhlak sebagai seorang Muslim yang mempraktikkan ajaran Islam amat penting bagi seorang da'i. Oleh itu, setiap pendakwah hendaklah meneliti setiap akhlak dalam kehidupannya dan ianya hendaklah menepati syariat Islam melalui Al-Quran dan As-Sunnah. Akhlak dengan jiran, kawan di tempat kerja dan akhlaknya didalam masyarakat melambangkan akhlak seorang Muslim.

Bahkan Rasulullah s.a.w juga menyatakan akhlak yang baik merupakan timbalan yang berat pada hari akhirat kelak seperti di dalam hadis Riwayat Tirmidzi

⁷⁶ Idris bin Ahmad. (2016). *Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

⁷⁷ Abdullah Muhammad Zin. (1998). *Dakwah Kepada Masyarakat Bukan Muslim di Malaysia: Konsep dan Metode*. Dalam Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia. Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat & Ideris Endot. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. 1998. h73-87.

⁷⁸ Ab. Aziz Mohd Zin et al. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. h 106.

⁷⁹ Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat & Ideris Endot. (1980). h 280-290.

r.a. bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:⁸⁰

عَنْ أَبِي دَاوُدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَسَلَّمَ أَنَّ مَنْ
شَيْءَ عَيْنَهُ وَضَعَ غَيْرَهُ لَمْ يَرَأْ نَفْلَةً مِنْ حُنْنَ لِلْحُنْقَ، وَإِنَّ صَاحِبَ حُنْنَ لِلْحُنْقَ
لَهُ لُغْبَةٌ عَيْنَهُ دَرَجَةُ صَاحِبِ الْصَّفْمَ وَالصَّمَّ [سنن الترمذى: صحيح]

Terjemahan: Tidak ada sesuatu yang diletakkan pada timbangan hari kiamat yang lebih berat daripada akhlak yang mulia, dan sesungguhnya orang yang berakhlak mulia akan mencapai darjat seperti darjat orang yang berpuasa dan solat.

Ini menunjukkan bahawa, akhlak yang baik sangat penting dan sangat dituntut dalam menyampaikan dakwah.

Sebagai seorang pendakwah, akhlak memainkan peranan dalam menyampaikan sesuatu dakwah secara tidak langsung dengan menunjukkan tingkahlaku dan adab sopan yang baik dihadapan orang bukan Islam. Tambahan lagi apabila seorang pendakwah yang melaksanakan dakwah diperkarangan masjid seperti sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid. Sebelum pelancong masuk ke perkaranan masjid untuk melihat keindahan seni bina masjid, terlebih dahulu para pelancong akan melihat orang Muslim yang disekitarnya, sama ada menunjukkan sikap dan akhlak yang baik atau sebaliknya. Seorang pelancong akan mula menilai agama Islam dan sekitarnya berdasarkan orang Muslim ditempat tersebut. Jika baik akhlak yang dipamerkan maka akan baiklah pandangan mereka, jika sebaliknya para pelancong akan memberikan pandangan yang negatif terhadap agama Islam. Ini akan memberikan impak negatif terhadap agama Islam dan sudah tentunya dakwah melalui akhlak tidak akan dapat berjalan dengan

⁸⁰ Hadith riwayat Al-Tirmidhi, Kitab al-Birri Wassolati Rasulillahi Sollallahu Alaihi Wassallam, Bab Ma' Ja' Fi Husni al-Khulqi, no. hadith 2003. Hadith sahih. Lihat Muhammadi ibn Isaa al-Tirmidhi. "Sahih Sunan al-Tirmidhi", j.2, (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif Li Nashr Wa Tawzih, t.t.), 379.

baik.⁸¹

ii) Penampilan-Berpakaian Yang Kemas dan Sesuai⁸²

Penampilan bermaksud perihal usaha yang menampilkan atau mengemukakan seseorang atau sesuatu.⁸³ Seorang muslim yang bijak dalam menyampaikan dakwah akan memulakan dakwah dari segi penampilan dan peribadi yang mulia. Pakaian yang dipakai setiap hari juga akan sentiasa melambangkan tentang seorang muslim yang sejati dan taat pada agama Islam. Penampilan bercirikan Islam dan patuh syariat Islam sangat dititik beratkan supaya orang bukan Islam akan tertarik melihat pakaian dan penampilan yang kemas dari seorang muslim. Ini juga merupakan satu jalan dakwah yang secara tidak langsung boleh menarik minat orang bukan Islam terhadap Islam.

Untuk menjadi pendakwah yang berkeyakinan, Mustafa Ar-Rafie menerangkan pendakwah seharusnya menjaga penampilan fizikal supaya nampak bersih dan menarik.⁸⁴ Ini kerana, mereka yang mempunyai penampilan yang menarik mempunyai daya pengaruh yang lebih tinggi daripada mereka yang tidak memilikinya.⁸⁵ Ini dibuktikan dari Hadis Nabi saw:⁸⁶

عَدُّ الْهُبُنْ مِنْ عُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْ لِفْيِ صُرْلِي إِلَهُ شَفِيْ هُ وَرَلْمَقَ الْ:
 " يُسَدْخِلُ لَرَهَدَةَ هَدَنْ لَكَسْدَانَقَ لَكَسْدِي وَلَكَسْدِهَ مُ سَدَالْ دُرَةَ هَدَنْ لَكِنْسَرِلَوَهَدَالْ
 رَجَسَلْ: إِنْ لَرَجَسَلِي حَسَدَ وَأَنْ يُسَدَّسَوْنَ وَهَسَدَهُ حَسَنَلْ قَنْعَسَهُ حَسَنَنَ فَيْ
 قَسَدَالْ: إِنْ اللَّهُ حَسَدَلِي حَسَدَ وَلَلْ هَدَالْ لَكِنْسَرِبَطَسَرَلَحَسَدَ لَ وَهَسَدَ
 لَنَاسَ"

⁸¹ Norhana Ng. Abdullah. (2016). *Cabaran Pelaksanaan Program Mosque Tour Guide*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

⁸² Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. 2001. h 230-235.

⁸³ Roslan Mohamed. 2004. Imej Pendakwah dan Kesannya Terhadap Dakwah. Jurnal YADIM. Bil. 6. April 2004. h 85.

⁸⁴ Mustafa Ar-Rafie. (2004). *Dakwah dan Keunggulan Para Daie*. Abd. Wahab Latif et.al. (terj.). Selangor. Shah Alam. Karisma Publication Sdn. Bhd. 2004. h 135.

⁸⁵ Ainon Mohd. (2004). *Psikologi Kejayaan*. C.2. Pahang: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd. h.114.

⁸⁶ Ḥadīth riwayat Al-Tirmīdhī, Kitāb al-Bīrrī Wāssolātī Rasulillāh Sollallāhu Alāīhī Wassallām, Bab Mā Jā' Fī al-Kibri. no. hadith 1999. Hadith *sahīh*. Lihat Abū 'Isā Muḥammad bin 'Isā bin Sūrah al-Tirmīdhī, "Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmīdhī". (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif Li Nashr Wa Tawzī, t.t.), 377.

Terjemahan: Dari Abdullah bin Mas'ud, Rasulullah SAW bersabda: Tidak akan dapat masuk syurga bagi sesiapa yang terdapat dalam hatinya perasaan takbur walaupun sebesar zarah. Seorang lelaki berkata kalaualah seseorang itu suka memakai pakaian yang cantik dan kasut yang cantik, adakah termasuk dalam takbur? Nabi SAW menjawab sesungguhnya Allah itu cantik dan sukaan kecantikan, lalu baginda menerangkan bahawa takbur itu ialah menolak kebenaran dan menghina orang lain.

Selain itu, kebersihan juga adalah salah satu pokok penting bagi menarik perhatian sasaran.⁸⁷ Kebersihan pakaian mempunyai pengaruh yang besar kepada sikap pendakwah. Ia menunjukkan harga diri pendakwah pada pandangan masyarakat dan amatlah penting untuk dijaga.⁸⁸ Dengan berpakaian bersih, seseorang pendakwah akan lebih berkeyakinan untuk berinteraksi.

Oleh itu, untuk berinteraksi dengan pelancong, seharusnya seorang pendakwah itu mempunyai penampilan yang menarik, berpakaian bersih dan menjaga imej sebagai seorang muslim. Pelancong akan mudah tertarik untuk berinteraksi dan mudah untuk mendekati bagi mengetahui lebih lanjut tentang agama Islam.

iii) **Bermanis Muka dan Tutur Kata⁸⁹**

Antara sifat pendakwah yang dapat membuka hati dan menjadikan orang bukan Islam menerima Islam ialah sifat manis muka dan manis tutur kata. Muka adalah menjadi petunjuk dan cermin yang melantunkan apa yang tersemat dalam lubuk hati seorang pendakwah. Sekiranya beliau bermasam muka, keadaan ini menunjukkan beliau seorang yang sempit dada dan mudah keluh kesah. Ini akan menyebabkan dakwah tidak akan berjalan seperti yang dikehendaki.

Rasulullah saw mempunyai perwatakan yang menarik dan sentiasa tersenyum. Air

⁸⁷ Sidi, Nasrudin. (2010). *Pendekatan Dakwah Ismail Lutfi Japakiya: kajian tentang tarikan dakwahnya di selatan Thailand / Nasrudin Sidi*. Masters thesis, University of Malaya. h.97-101.

⁸⁸ Nik Abdul Malik Abdul Karim Abdullah Hamka. (1998). *Tafsir al-Azhar*, j.29. Singapura: Pustaka Nasional Sdn.Bhd. 1998. h 7724-7725.

⁸⁹ Berhanundin Abdullah. (1998). *Satu Kajian Konseptual Menurut al-Quran dan al-Sunnah. Dalam Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat, Ideris Endot. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. h 63-72.

mukanya yang jernih boleh melembutkan hati sesiapa yang memandangnya.⁹⁰ Untuk menjadi seorang pendakwah yang dapat menarik perhatian sasaran, haruslah bagi para pendakwah mempunyai riak muka dan wajah yang jernih dan membahagiakan.⁹¹ Ini kerana wajah adalah tumpuan yang pertama untuk menarik perhatian. Anas bin Malik r.a. bercerita:⁹² “Aku berjalan bersama Rasulullah s.a.w, ketika itu Rasulullah memakai pakaian dari kain Najran yang kasar. Maka datanglah seorang Arab Badwi lalu menarik Rasulullah sekeras-kerasnya hingga terlihat luka di badan Rasulullah kerana bekas tarikan keras tadi. Arab Badwi tersebut berkata: “Hai Muhammad, berikanlah kepadaku harta Allah yang dianugerahkan kepadamu”. Sambil tersenyum, Rasulullah s.a.w menoleh kepadanya. Kemudian Rasulullah meminta sahabat untuk memberikannya.⁹³ Dalam kisah ini menunjukkan bahawa, Rasulullah akan tetap tersenyum walaupun setelah disakiti. Sifat ini haruslah dicontohi oleh setiap pendakwah dalam berdakwah. Ini kerana dengan wajah yang sentiasa tersenyum akan memudahkan untuk orang disekeliling mendekati.

Oleh itu, untuk menyerlahkan riak muka yang jernih itu hendaklah sentiasa mengingati dan mentaati perintah Allah swt disamping memiliki sifat jujur, berperibadi luhur, dan menerima ujian Allah dengan redha. Oleh yang demikian, segala sifat-sifat mahmudah itu akan terserlah pada raut wajah seorang pendakwah dengan senyuman yang manis.

Bagi menyampaikan dakwah kepada pelancong yang datang ke Malaysia, adalah sangat penting seorang pendakwah menunjukkan wajah yang manis dan sentiasa senyum supaya mudah untuk pelancong mendekati. Jika seorang pendakwah menunjukkan muka yang tegas dan garang, maka tidak ada yang akan datang mendekati

⁹⁰ Mustafa Ar-Rafie. (2004). *Dakwah dan Keunggulan Para Daie*. 2004. h 135.

⁹¹ Nasrudin Sidi. (2010). *Pendekatan Dakwah Ismail Lutfi Japakiya: Kajian Tentang Tarikan Dakwahnya di Selatan Thailand*. Disertasi Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan. Universiti Malaya. 2010. h 38.

⁹² Ḥadīth riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Adāb, Bab al-Tabassumi Wa al-Dhohiki, no. Ḥadīth 6088, Lihat ‘Abd ‘Allāh Muḥammad bin Ismā‘il bin Ibrāhīm al-Bukhārī “Sāḥīḥ al-Bukhārī,” 1293.

⁹³ Muslim bin al-Hajjaj. (1983). *Shahih Muslim*. Beirut: Dar al-Fikr. juz 3. h 1398.

pendakwah tersebut malah berlaku fitnah terhadap agama Islam.

iv) Peramah dan Pandai Mengambil Hati⁹⁴

Bersikap peramah dan pandai mengambil hati juga adalah satu cara dakwah dengan perbuatan yang dapat menarik hati mad'u untuk mendekati Islam. Sifat peramah adalah satu sifat dimana seorang pendakwah pandai menyusun kata dan pandai menyapa setiap orang bagi mendapatkan perhatian mad'u untuk terus mendengar dakwah yang hendak disampaikan. Selain itu, sapaan dalam bentuk yang sesuai dengan situasi dan keadaan mad'u memudahkan para mad'u untuk mendekati para pendakwah dan menghilangkan rasa ruang yang jauh diantara seorang bukan Islam dengan seorang Islam yang baru dikenali.

Dalam konteks berdakwah kepada pelancong bukan Islam di perkarangan Masjid, sikap peramah dan pandai mengambil hati adalah sangat penting dan diperlukan dalam berdakwah. Ini kerana, dengan sikap peramah ini akan mewujudkan suasana yang selesa dan aman bagi pelancong yang datang. Dengan bersikap pandai mengambil hati, pelancong akan lebih tertarik untuk berbual dan berbicara dengan orang yang menyampaikan dakwah. Seorang sukarelawan yang mampu bersikap peramah akan lebih untuk didekati oleh pelancong dan akan lebih mudahlah untuk menyampaikan penerangan tentang Islam kepada mereka.

v) Layanan yang baik⁹⁵

Allah swt berfirman dalam surah Mumtahanah ayat 8:

يُنَّهَّا كُمْ أَلَّهُ عَنِ الْفِنَانِ لَمْ يُهِنْ وَكَهْبُي لَلَّيْنُ لَمْ يُحْرِجْ جَوَكْ مُهْنْ يِرَكْمْ أَنْ
تَبَرُّو هَمْ قُسْ طَوْ أَلِيَّ هَمْ إِنْ أَلِيَّ حْ وَلَلَّمُسْ طَيْنْ^٨

Maksudnya: “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku

⁹⁴ Ab. Aziz Mohd Zin. Metodologi Dakwah. 2001. h 230-235.

⁹⁵ Mohd Yazid Saad. (2012). *Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama Dalam Pendekatan Dakwah Non-Muslim: Kajian Terhadap Program Islamic Outreach Abim*. h.68.

adil kepada orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.” Mumtahanah:8.

Selain itu, Allah swt juga berfirman dalam surah at-Taubah ayat 6:

وَإِنْ أَحَدٌ مِّنْ الْمُشْرِكِينَ لِمُنْتَهٰى إِلَيْهِ أَجَرٌ هُنْ شُعُّاعُهُمْ مَعَ الْفَلَقِ الْمُبَارَكِ هُنْ لِأَنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ^٦

Maksudnya: “Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarlah dia ke mana-mana tempat yang ia beroleh aman. Perintah yang tersebut ialah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam).”

Kedua-dua ayat di atas saling melengkapi. Ayat di atas menerangkan tentang berbuat baik kepada orang bukan Islam yang tidak memerangi Islam. Bahkan jika orang bukan Islam ingin mengetahui tentang Islam maka hendaklah kita menyampaikan Islam kepada mereka.

Pendekatan dengan berbuat baik kepada orang bukan Islam juga telah dilaksanakan oleh Rasulullah saw sendiri ketika Rasulullah saw menjalankan dakwah Islam. Sifat Rasulullah saw yang sentiasa memberi layanan yang baik kepada orang bukan Islam perlu dicontohi. Antara kisah yang dapat diambil iktibar adalah kisah ketika pembukaan kota Makkah.⁹⁶ Pada ketika itu, Rasulullah saw tidak menghalau orang bukan Islam keluar dari Makkah tetapi membuat perjanjian dengan mereka bahawa mereka boleh tinggal disitu secara aman damai tanpa sebarang perperangan. Ini menunjukkan bahawa sifat Rasulullah yang tidak memusuhi orang bukan Islam bahkan melayani mereka dengan baik perlu dijadikan ikutan dan tauladan dalam menyampaikan dakwah.

⁹⁶ Shaikh Sofiy Al-Rahman Al-Mubarakfuri. Al-Raheeq Al-Makhtum. Penterjemah Mohd Darus Senawi Ali. Sirah Rasulullah S.A.W. Penerbit Seribu Dinar Sdn Bhd. Kuala Lumpur. 2013. h 583-587.

Rasulullah saw pernah memberi layanan baik terhadap Perwakilan daripada Keturunan Tamim ketika awal-awal perkembangan dakwah Rasulullah saw di Madinah. Keturunan Tamim adalah salah satu kabilah Arab yang kuat dan pakar berperang.⁹⁷ Pada suatu hari di Madinah pada waktu tengahhari, datang perwakilan keturunan Tamim mengajak Rasulullah saw berlawan syair. Rasulullah saw melayani mereka dengan baik. Mereka berlawan bersyair dan berkhutbah, khatib dari keturunan Tamim menyampaikan khutbah yang memuji keturunan Tamim. Nabi Muhammad pula meminta Thabit bin Qais menyampaikan khutbah dan ucapan yang menerangkan tentang Islam dan dakwah. Berselang-seli mereka berlawan khutbah dan syair sehingga akhirnya semua perwakilan Keturunan Tamim itu memeluk Islam. Peristiwa perwakilan ini dinukilkhan Allah swt melalui Firman-Nya didalam surah al-Hujurat ayat 1-5 yang bermaksud:

Maksudnya: 1. Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mendahului Allah dan Rasulnya, dan bertakwalah kepada Allah. Sungguh, Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. 2. Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu meninggikan suaramu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu berkata kepadanya dengan suara keras, sebagaimana kerasnya suara sebahagian kamu terhadap yang lain, nanti (pahala) segala amalmu akan terhapus sedangkan kamu tidak menyadari. 3. Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya di sisi Rasulullah, mereka itulah orang-orang yang telah diuji hatinya oleh Allah untuk bertakwa. Mereka akan memperoleh keampunan dan pahala yang besar. 4. Sesungguhnya orang-orang yang memanggil engkau (Muhammad) dari luar kamar(mu) kebanyakan mereka tidak mengerti. 5. Dan jika sekiranya mereka bersabar sampai kamu keluar menemui mereka. Sesungguhnya hal itu lebih baik bagi mereka. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Oleh itu, pendekatan dengan memberi layanan yang baik ini perlu dilaksanakan dalam berdakwah kepada pelancong bukan Islam yang datang ke masjid. Ini kerana

⁹⁷ Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah Abd. Rahman. (2010). *Biografi Muhammad Bin Abdullah. Perjalanan Hidup Seorang Nabi*. Edisi 2010. Pts Islamika Sdn Bhd. Batu Caves. Selangor. 2010 h 393-395.

pendekatan dengan berbuat baik dan memberi layanan yang baik adalah sangat dituntut agar orang bukan Islam mudah untuk menerima Islam.⁹⁸ Ianya juga sebagai satu langkah dalam berdakwah kepada bukan Islam untuk tertarik hati dengan kebaikan agama Islam yang telah dipamerkan dalam memberi layanan yang baik kepada orang bukan Islam.

2.3.3 Dakwah Bil Kitabah⁹⁹

Dakwah melalui kitabah atau tulisan adalah satu usaha menyampaikan dakwah melalui tulisan dan karya-karya yang disebarluaskan kepada orang awam bagi menyalurkan kefahaman dakwah kepada pembaca.¹⁰⁰ Pendekatan dakwah dengan tulisan ini juga terbukti berkesan dan telah sekian lama dilaksanakan dalam Islam. Contohnya dalam dakwah Rasulullah saw untuk mengembangkan Islam ke serata dunia, Rasulullah saw juga menggunakan pendekatan berdakwah dengan tulisan. Rasulullah saw menulis surat kepada raja-raja dan pembesar-pembesar negara menggunakan ayat-ayat yang menyeru mereka untuk beriman kepada Allah swt.¹⁰¹

i) Bahan Bercetak¹⁰²

Penulisan buku-buku dan artikel seperti majalah atau surat khabar adalah termasuk dalam media yang efektif digunakan untuk berdakwah lebih-lebih lagi apabila ianya diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa.¹⁰³ Menurut Abd. Aziz Mohd Zin antara bahan berdakwah yang berbentuk dalam cetakan yang boleh dilihat dapat memberi penerangan

⁹⁸Norhana Ng. Abdullah. (2016). *Cabaran Pelaksanaan Program Mosque Tour Guide*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

⁹⁹ Ab. Aziz Mohd Zin et al. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur. h 103.

¹⁰⁰ *Ibid.* h 103.

¹⁰¹ Shaikh Sofiy Al-Rahman Al-Mubarakfuri. (2013). *Al-Raheeq Al-Makhtum*. Penterjemah Mohd Darus Senawi Ali. *Sirah Rasulullah S.A.W*. Penerbit Seribu Dinar Sdn Bhd. Kuala Lumpur. h 622-627.

¹⁰² Ab. Aziz Mohd Zin et al. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. h 53.

¹⁰³ Abdul Karim Zaidan. (1980). *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*. Alih bahasa oleh H.M. Asywadi Syukur Lc. Penerbit Media Da'wah. Dewan Pustaka Islam Kuala Lumpur. h 280-283.

tentang Islam kepada sasarannya. Antaranya ialah:

a) Risalah.¹⁰⁴

Risalah adalah bahan bercetak berbentuk seperti helaian ringkas yang dapat memberi penerangan secara kasar tentang apa yang hendak disampaikan. Risalah yang telah diterbitkan perlulah memenuhi ciri-ciri yang hendak disampaikan kepada masyarakat. Bahan seperti risalah tentang agama Islam yang bersifat asas-asas dalam ajaran Agama Islam perlu lebih bersifat mesra pembaca agar pembaca yang menerima risalah tersebut tertarik untuk membaca dan berminat untuk mengetahui tentang Islam setelah membaca risalah tersebut. Risalah yang diterbitkan perlulah padat dengan pengetahuan tentang Islam, menarik dan kreatif serta ringkas agar tidak mengambil masa yang terlalu lama untuk dibaca oleh orang yang menerima risalah tersebut.

Berdakwah terhadap pelancong bukan Islam juga boleh dilaksanakan dengan memberikan risalah atau bahan bercetak sebagai rujukan kepada pelancong yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai agama Islam. Terdapat pelbagai jenis risalah dan bahan bercetak yang disediakan untuk rujukan para pelancong yang datang melawat. Bahan-bahan ini disediakan oleh beberapa buah organisasi termasuklah JAKIM¹⁰⁵ sendiri. Antara organisasi yang menyediakan bahan bercetak yang diletakkan di setiap masjid adalah seperti PERKIM¹⁰⁶, Islamic Outreach ABIM, dan lain-lain. Risalah ini juga ditulis dan diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa, antaranya Inggeris, Rusia, Jepun, China, Korea, Italy, India, Perancis dan banyak lagi.¹⁰⁷ Ada dikalangan para pelancong yang tidak fasih berbahasa Inggeris, maka mereka boleh mendapatkan

¹⁰⁴ Ab. Aziz Mohd Zin et al. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur. h 103.

¹⁰⁵ JAKIM adalah singkatan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang terletak di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Laman sesawang: www.islam.gov.my

¹⁰⁶ PERKIM adalah singkatan kepada Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia yang beroperasi di Bangunan PERKIM, Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), Kuala Lumpur. Laman sesawang: www.perkim.net.my

¹⁰⁷ Pemerhatian pengkaji sendiri ketika melawat Masjid Putra, Putrajaya, Masjid Negara, Kuala Lumpur dan Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan.

maklumat mengenai Islam dengan membaca risalah berkaitan Islam dalam bahasa yang mereka fahami.¹⁰⁸ Risalah-risalah ini akan diberi kepada para pelancong yang berminat untuk mengetahui tentang Islam dengan lebih lanjut dan para pendakwah akan berpeluang untuk menerangkan tentang Islam kepada mereka.

Selain dari bahan bercetak dan risalah, al-Quran yang merupakan rujukan utama umat Islam juga dijadikan sebagai bahan untuk berdakwah terhadap pelancong bukan Islam yang datang ke masjid. Allah swt berfirman dalam surah Yusuf ayat 111:

لَدُكُّ أَنْقُيُّ وَصَصِّ مِمْ عَزَّرَةُ، فَلِي أَلْهَ وَمَالْكَ أَنْ حَيٌّ لَهْتَرَى لَكِنْ مُهَنْبَىٰ
لَذِي هُنْبَىٰ هُوَ قَهْرَى لَكُلْ شَيْءٍ وَهَدَىٰ وَرَحْمَمْ فَلْ وَهِيَ وَهُونَ ۝ ۱۱۱

Surah Yusuf :111

Maksudnya: “Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal. Al-Quran itu bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi memberikan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu dan petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman”.

Ayat di atas menerangkan bahawa Al-Quran itu merupakan petunjuk dan menjelaskan tentang sejarah perjuangan dalam menegakkan dakwah Islam.¹⁰⁹ Dakwah Islam yang sebenar yang berlandaskan al-Quran dan al-Hadis akan menuju jalan kejayaan jika dakwah yang dilakukan berpaksikan dengan hujah dan dalil yang teguh dan mantap dari al-Quran dan al-Hadis.

Bagi menjalankan dakwah terhadap pelancong bukan Islam diperkarangan masjid pula, pendekatan ini boleh dilaksanakan apabila pelancong bukan Islam telah berminat untuk mengetahui tentang Islam.¹¹⁰ Di setiap masjid dalam kajian ini, terdapat al-Quran

¹⁰⁸ Kamaruddin Abdullah. (2016). *Dakwah Melalui Pelancongan Masjid*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

¹⁰⁹ Abdul Karim Zaidan. (1980). *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah* (2) 1980 h 170.

¹¹⁰ Temubual bersama Puan Normah Sulaiman. Naib Pengurus Islamic Outreach Abim di Masjid Negara pada 11 April 2016 Jam 11.00-12.30tghari.

yang telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. Antaranya ialah Bahasa Mandarin, Bahasa Jepun, Bahasa Tamil, Bahasa Inggeris, Bahasa Korea dan beberapa bahasa lain lagi.¹¹¹ Berdakwah melalui Al-Quran juga merupakan satu pendekatan yang efektif untuk diamalkan dalam berdakwah terhadap pelancong Bukan Islam.

Oleh itu, dapat disimpulkan disini bahawa, terdapat tiga pendekatan dakwah yang boleh dipraktikkan ketika berdakwah diperkarangan masjid. Ianya adalah dakwah bil lisan, dakwah bil hal dan dakwah bil kitabah yang merangkumi pelbagai cara pendekatan yang harus dilaksanakan untuk menyampaikan dakwah kepada pelancong bukan Islam. Antara pendekatan yang boleh dilakukan dan paling mudah adalah dengan menunjukkan perbuatan dan akhlak yang baik serta memberikan senyuman dan layanan yang baik kepada pelancong yang dating. Selain itu boleh juga memberikan sedikit pendekatan dengan lisan dengan bersifat ramah dan komunikasi yang jelas dan nyata.

2.4 Masalah Dalam Pendekatan Dakwah

2.4.1 Kurang Memahami Pendekatan Dakwah

Dalam menyampaikan dakwah kepada orang bukan Islam, pendekatan yang berkesan adalah sangat penting dan dititikberatkan supaya dakwah yang disampaikan akan membawa hasil.

Masalah pendakwah adalah tidak cuba mengikut satu *manhaj* dakwah yang betul. Ramai pendakwah sekarang masih tidak mempunyai maklumat yang jelas tentang *uslub* dakwah, strategi dakwah, adab dakwah, keadaan sasaran dan sebagainya, walaupun sebenarnya perkara-perkara itu penting dalam dakwah. Akibatnya, ramai

¹¹¹ Temubual bersama Puan Normah Sulaiman. Naib Pengurus Islamic Outreach Abim di Masjid Negara pada 11 April 2016 Jam 11.00-12.30tghari.

pendakwah seolah-olah meraba-raba dalam melaksanakan tugas ini.¹¹² Kelemahan pada *manhaj*, saluran atau media, dan *uslub* merupakan kelemahan-kelemahan pendakwah yang terdapat sesetengah daripada mereka sampai boleh meliarkan sasaran.¹¹³

Selain dari itu, seorang pendakwah itu perlu memiliki ilmu yang luas dan pengetahuan yang sejajar dengan perkembangan masa. Ghalush pula menjelaskan bahawa sifat pendakwah itu boleh disimpulkan kepada tiga iaitu, kuat hubungan dengan Allah, baik hubungan dengan manusia dan luas pengetahuan dan maklumat.¹¹⁴ Oleh itu setiap pendakwah itu perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang luas supaya dapat menjawab segala persoalan dan tanggapan orang bukan Islam terhadap Agama Islam.

Melalui ilmu-ilmu yang dipelajari, contoh-contoh dan perbandingan perbandingan dapat dikemukakan dan hal ini boleh meyakinkan sasaran dakwah. Cara seperti itu boleh menjadi daya tarikan kepada orang yang mendengar dakwah. Selain dari ilmu pengetahuan Islam, ilmu mengenai agama lain juga perlu dipelajari untuk berdakwah kepada orang bukan Islam. Danial Zainal Abidin¹¹⁵ menjelaskan bahawa adalah menjadi satu keperluan kepada pendakwah itu untuk mengetahui serba sedikit tentang agama lain untuk kita berdakwah kepada orang bukan Islam supaya perbezaan antara agama dapat diketahui oleh pendakwah.

Dalam berdakwah kepada pelancong bukan Islam, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid perlu memahami ilmu perbandingan agama untuk melakukan pendekatan ini. Pendekatan ini hanya dilakukan oleh sukarelawan yang mahir dalam ilmu perbandingan agama.

¹¹² Muhammad Aman Ali al-Jami. (1979). *Tarīq al-Da'wah ilā al-Islam*. Beirut. Al-Maktab al-Islami. h 191-192.

¹¹³ Ali Jarishah. (1986). *Al-Ittijābat al-Fikriyah al-Mu'āsirah*. Kaherah. Dar al-Wafa'. Dalam Pengantar Dakwah Islamiyah. Ab. Aziz Mohd Zin. Penerbit Universiti Malaya. 1997. 138-139.

¹¹⁴ Gahlush. (1972). *Al-Da'wah fi 'Asr al-Nubuwah*. Kaherah. Dalam Pengantar Dakwah Islamiyah. Ab Aziz Mohd Zin. Penerbit Universiti Malaya. 1997. 137.

¹¹⁵ Danial Zainal Abidin. (2003). *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden*. Edisi Kedua. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd. 68-71.

Namun begitu, masalah ini dihadapi kerana kurangnya pengetahuan tentang ilmu perbandingan agama dikalangan pendakwah yang menyebabkan ilmu yang membincangkan tentang perbezaan dan persamaan dalam agama yang pelbagai ini tidak dapat dijalankan dengan baik.

2.4.2 Sikap dan Akhlak

Sikap adalah satu pendekatan dakwah yang sangat penting. Dato' Wan Hussein Azmi menerangkan bahawa untuk menjamin kejayaan dakwah, pendakwah hendaklah mempunyai sifat yang baik antaranya memiliki akhlak Islam yang sempurna.¹¹⁶ Sebagai seorang Muslim, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid perlulah menunjukkan sikap dan akhlak yang baik dalam menyampaikan dakwah. Jika tidak, segala penyampaian dakwah akan menjadi sia-sia dan kesan yang paling buruk boleh mendatangkan fitnah terhadap agama Islam.

Masalah pertama yang berhubung dengan pendakwah yang tidak dapat menghayati akhlak yang baik atau tiada qudwah hasanah dalam kehidupan mereka. Pendakwah selalunya membawa risalah dakwahnya melalui lisan dan tidak membawanya melalui kelakuan dan amalan harian.¹¹⁷

Abdul Karim Zaidan pula menjelaskan bahawa, setiap pandakwah pasti akan diduga dengan pelbagai cabaran dalam menyampaikan Islam. Dalam perjuangan dakwah, sifat sabar itu sangat penting sehingga pendakwah dapat mengatasi rintangan dan halangan serta sanggup menanggung penderitaan. Maka apabila pendakwah tidak bersifat sabar bererti perjuangan dalam menyampaikan dakwah akan gagal dan juga hilanglah pahalanya.¹¹⁸

¹¹⁶ Wan Hussein Azmi. (1988). *Panduan Dakwah Islamiah*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. h.4-5.

¹¹⁷ Muhammad Aman Ali al-Jami. (1979). *Tariq al-'Da'wah ila al-Islam*. Beirut. Al-Maktab al-Islami. h. 191-192.

¹¹⁸ Abdul Karim Zaidan. (1980). *Usūl al-Da'wah*. Penterjemah: H.M. Asywadi Syukur Lc. Dasar-dasar Ilmu Dakwah (2). Penerbit Media Da'wah. Dewan Pustaka Islam Kuala Lumpur. h.67-76.

2.4.3 Bahasa

Bahasa sangat memainkan peranan yang penting dalam berkomunikasi untuk menyampaikan dakwah kepada pelancong bukan Islam yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Yusuf Al-Qardawi menjelaskan bahawa pendakwah itu hendaklah mengetahui atau mempunyai maklumat yang baik berhubung dengan pelbagai perkara antaranya ialah pengetahuan berhubung dengan kesusastraan dan bahasa.¹¹⁹

Penguasaan bahasa selain dari Bahasa Inggeris akan membantu seseorang pendakwah untuk lebih yakin berinteraksi dan berkomunikasi dengan pelancong. Kelemahan berbahasa selain dari Bahasa Melayu akan menyebabkan dakwah tidak dapat disampaikan kepada orang yang mendengar dakwah tersebut.¹²⁰

M. Darojat Ariyanto¹²¹ turut mengutarakan masalah yang sama iaitu faktor yang menyebabkan Ilmu Perbandingan Agama di Indonesia kurang berkembang dengan baik adalah antaranya penguasaan bahasa asing yang rendah dikalangan mahasiswa dan pensyarah.

2.5.4 Peraturan

Setiap rumah ibadah terdapat undang-undang dan peraturan yang tertentu yang perlu dipatuhi oleh setiap orang yang memasukinya. Begitu juga dengan masjid, terdapat undang-undang dan peraturan tertentu yang telah digariskan kepada orang Islam dan juga bukan Islam untuk memasuki masjid. Terdapat beberapa peraturan bagi orang bukan Islam untuk memasuki masjid. Antaranya ialah,¹²² orang bukan Islam tidak

¹¹⁹ Yusuf al-Qardawi. (1997). *Thaqāfah al-Dā'iyah*. Beirut. 1978. 8. Dalam Pengantar Dakwah Islamiah. Ab. Aziz Mohd Zin. Penerbit Universiti Malaya. h.136-137.

¹²⁰ Siti Hanita Saniran. (2010). *Masalah Dakwah di Pulau Ketam*. Latihan Ilmiah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Universiti Malaya. h.20.

¹²¹ M. Darojat Ariyanto. (2009). Ilmu Perbandingan Agama (Isi, Perkembangan dan Manfaatnya bagi seorang Muslim). Fakulti Agama Islam, Universiti Muhammadiyah Surakarta. Indonesia.

¹²² Garis Panduan Pelancongan dan Lawatan ke Masjid. (2015). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kuala Lumpur. 2015. h.6.

dibenarkan memasuki ruang solat utama, hendaklah memastikan diri dalam keadaan bersih, hendaklah berpakaian menutup aurat dan sopan, hendaklah berkelakuan sopan dan tidak melakukan aktiviti atau upacara yang bercanggah dengan Islam.

2.4.5 Kewangan

Dana kewangan adalah penting untuk menjalankan sebarang aktiviti dakwah. Masalah kewangan sering berlaku ketika hendak melaksanakan sesuatu program.¹²³ Kekurangan kewangan di kalangan jentera dakwah merupakan satu masalah yang terpaksa dihadapi oleh pendakwah ataupun organisasi dakwah.¹²⁴ Hal ini diakui oleh Puan Nor Patimah Abd Rahim yang menjalankan kajian terhadap Islamic Outreach ABIM yang menyatakan¹²⁵ dalam menjalankan aktiviti dakwah, pihak pengurusan mengalami masalah kewangan, dimana dana-dana diperlukan untuk menyediakan kelas-kelas agama dan sebarang aktiviti memerlukan jumlah wang yang besar.

Masalah kewangan turut dialami oleh organisasi-organisasi dakwah bukan kerajaan yang mana sumber kewangan menjadi kekangan utama bagi mereka dalam menggerakkan dan menguatkan kegiatan dakwah Islamiah.¹²⁶ Menurut Wahidah Yusof¹²⁷ terdapat tiga bentuk permasalahan dakwah yang membelenggu institusi-institusi dakwah Islamiah di Malaysia iaitu masalah dalaman, masalah luaran dan masalah antara institusi-institusi dakwah. Antara permasalahan dalaman ialah kekurangan dana kewangan.

Selain itu, Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Selangor juga menghadapi

¹²³ Ab. Aziz Mohd Zin et al. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya Kuala Lumpur. 2006. h 281.

¹²⁴ Ab. Aziz Mohd Zin. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur. h 140.

¹²⁵ Nor Patimah Abd Rahim. (1990). *Islamic Outreach ABIM: Pendekatan Dakwah Terhadap Non-Muslim dan Saudara Baru di Wilayah Persekutuan*. Latihan Ilmiah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h.55-75.

¹²⁶ Abu Dardaa Mohamad et al. (2014). *Cabarani Dakwah Islamiah dan Masalah Perapi di Sarawak*. Disunting oleh Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014. 4.

¹²⁷ Wahidah Yusof. (1997). *Institusi-Institusi Dakwah Islamiah di Malaysia: Satu Kajian Tentang Sumbangan Dan Masalah Dalam Perkembangan Dakwah Masa Kini*. Disertasi Sarjana Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h.389.

masalah kewangan dalam melaksanakan program dakwah.¹²⁸ Kekangan kewangan menyebabkan sesetengah program tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Ini diakui oleh Wan Yusnee Wan Abdullah¹²⁹ dalam kajian yang dilakukan menjelaskan bahawa sumber kewangan yang terhad membantutkan aktiviti dakwah yang dilaksanakan. Implikasinya program yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan baik kerana tidak mendapat kelulusan bajet dari pihak pentadbiran.

2.5 Masjid Sebagai Institusi Dakwah

Masjid merupakan syiar Islam yang menjadi kebanggaan Islam bermula ketika masjid yang pertama dibina oleh Rasulullah SAW di Madinah yang menjadi mercu tanda Islam sehingga ke hari ini. Kemegahan dan kecantikan ciptaan masjid pada hari ini tidak melenyapkan fungsi masjid yang berfungsi sebagai pusat perkembangan dakwah Islam dan pelbagai fungsi lain yang menjadikan masjid mendapat tempat dalam bidang pelancongan pada hari ini. Masjid-masjid telah dijadikan sebagai pusat penyebaran Islam kepada orang bukan Islam yang datang ke Masjid.¹³⁰ Dengan ini masjid bukan lagi tempat yang asing untuk dikunjungan oleh sesiapa sahaja yang beragama Islam atau yang bukan beragama Islam dari seluruh dunia. Dengan seni bina yang menarik dan unik menjadikan masjid sebagai daya tarikan kepada pelancong sehingga masjid dijadikan sebagai sebahagian daripada pusat lawatan pelancong ketika melancong ke

¹²⁸ Mohamad Zaki Hamid. (2009). *Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Selangor: Kajian tentang perlaksanaan Program dakwah dan keberkesanannya*. Disertasi Sarjana Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h.63-70.

¹²⁹ Wan Yusnee Wan Abdullah. (2013). *Dakwah di Universiti Selangor: Kajian Masalah Pelaksanaan dan Penerimaan Pelajar*. Disertasi Jabatan Dakwah dan Pemabngunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. h.200.

¹³⁰ Kamaruddin Abdullah. 2016. Dakwah Melalui Pelancongan Masjid. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

sesebuah negara. Kerana itu jugalah Malaysia turut meletakkan masjid sebagai satu pusat pelancongan kepada pelancong yang datang ke Malaysia.¹³¹

2.5.1 Seni Bina Masjid

a. Takrif

Secara umum, seni adalah sebahagian daripada kebudayaan, ia membawa erti indah, halus, lembut, senang didengar atau ditutur, senang dilihat dan menerangkan sesuatu. Dalam bahasa Inggeris disebut *art* yang berasal daripada bahasa Yunani yang membawa makna kecekapan dan kebolehan.¹³²

Dalam seni bina masjid, ia bukanlah semata-mata menekankan gerbang dipenuhi ukiran ayat-ayat suci al-Quran atau kubah yang sinonim dengan Timur Tengah tetapi paling penting adalah jenis-jenis bangunan, perancangan ruang, dan komposisi estetika rupa bentuk yang dibina mengikut tradisi binaan setiap kaum yang berlainan tetapi bersandarkan ajaran Islam.

Apa yang dikatakan seni bina dalam Islam sebenarnya merangkumi berbagai rupa bentuk bangunan daripada pelbagai kaum tetapi mempunyai kesamaan dari segi perancangan dan jenis ruang serta aspek penghiasan. Namun yang paling jelas konsep seni bina dalam Islam menolak sebarang perkaitan dengan bentuk makhluk hidup tetapi pada masa sama menzahirkan seni abstrak melalui bentuk-bentuk atau adunan warna-warna yang penuh rahsia tersendiri.

¹³¹ Idris bin Ahmad. 2016. *Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

¹³² Mahayuddin Yahya. *Tamadun Islam*. Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. Kuala Lumpur. 2005. h. 444.

Melalui seni bina ini, terdapat beberapa reka bentuk yang perlu diambil perhatian dalam sesuatu binaan Islam terutamanya reka bentuk sebuah masjid. Antara pendekatan yang digunakan dalam mereka bentuk sesebuah masjid ialah:¹³³

1- Geometri.

Geometri juga merupakan sebahagian daripada elemen penting dalam perhiasan kesenian Islam. Geometri digunakan sebagai hiasan yang memperlihatkan hubungan kecantikan dan keharmonian dengan alam sekeliling. Pelbagai reka bentuk bangunan yang menggunakan pendekatan ini, biasanya menerapkan bentuk geometri ini pada bentuk asas bangunan, pelan, hiasan atau bukaan seperti pintu dan jendela. Pemilihan bentuk geometri oleh para sejarawan adalah untuk menggantikan penggunaan hiasan binatang dan manusia yang dilarang dalam Islam.¹³⁴

2- Metafora

Pendekatan ini biasa dikenali juga dengan pendekatan simbol kerana menggunakan simbol yang dianggap popular dan mewakili Islam sebagai sumber inspirasinya. Pendekatan ini biasanya dapat berganding dengan pendekatan struktur dalam usaha mendapatkan bentuk simbol yang diinginkan. Kaedah ini ialah satu pendekatan reka bentuk yang berusaha berkomunikasi suatu mesej atau makna tertentu melalui penggunaan suatu bentuk atau objek yang dianggap menyerupai dengan Islam. Pendekatan ini dapat menghasilkan bentuk yang sangat menarik dan unik kerana bentuk tersebut belum pernah diciptakan orang sebelumnya.

¹³³ Nangkula Utaberta & Mohamad Tajuddin Mohamad Rosdi. *Pemikiran Seni Bina Islam, Moden Di Dunia&Malaysia*. Penerbit UTM Press. UTM. 2013. h 83-89.

¹³⁴ Nangkula Utaberta & Mohamad Tajuddin Mohamad Rosdi. *Pemikiran Seni Bina Islam, Moden Di Dunia&Malaysia*. Penerbit UTM Press. UTM. 2013. h 83-89.

b. Elemen Seni Bina dalam Islam

Dalam seni bina Islam, terdapat elemen-elemen penting yang ditekankan supaya seni bina yang dihasilkan memberikan kesan dan pengaruh yang mendalam. Antara elemen yang perlu diberi perhatian ialah:

1- Aman, Tenang¹³⁵

Konsep utama dalam seni bina Islam ialah untuk membangkitkan perasaan aman, damai dan merendah diri yang bersesuaian dengan konsep merendah diri kepada Allah s.w.t sebagai pencipta. Selain itu, dalam konsep seni bina Masjid, elemen ketenangan penting bagi sesuatu binaan kerana ianya adalah sesuatu yang dicari dan diperlukan oleh setiap juru bina yang menghasilkan sesebuah bangunan. Bangunan yang di bina haruslah mempunyai elemen ketenangan bagi semua penghuni yang mendiami bangunan tersebut.

2- Unik¹³⁶

Ciri utama seni reka Islam ialah penggunaan arca di bahagian bumbung, kubah, dan dinding batu yang diukir menggunakan motif bunga, lukisan, dan ayat al-Quran selain mozek yang boleh dilihat pada masjid-masjid. Taj Mahal di India, Masjid Agung Samarra di Iraq dan Hagia Sophia di Istanbul merupakan antara bangunan yang terus dikagumi sehingga kini serta jelas menunjukkan keunikan ciri-ciri seni bina Islam.¹³⁷

3- Indah.¹³⁸

¹³⁵ Manja Mohd. Ludin & Ahmad Suhaimi Hj. Mohd Nor. *Aspek-Aspek Keseniaan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 1995. h. 25.

¹³⁶ Manja Mohd. Ludin & Ahmad Suhaimi Hj. Mohd Nor. h 25.

¹³⁷ www.utusan.com.my. Di akses pada 20 Febuari 2017. Artikel Penuh: <http://ww1.utusan.com.my/utusan/info>.

¹³⁸ Manja Mohd. Ludin & Ahmad Suhaimi Hj. Mohd Nor. (1995). *Aspek-Aspek Keseniaan Islam*. h.25.

Selari dengan perkembangan seni bina Islam, bangunan-bangunan yang dibina perlu kepada unsur-unsur penambahan keindahan dan kecantikan yang berupa kelengkapan, hiasan dan penyertaan gaya dekoratif-ornamentif yang menjadi unit penting dalam seni bina sesebuah bangunan.

4- Selesa.¹³⁹

Ciri-ciri lain yang wujud dalam seni bina Islam ialah selesa. Perhatian Fokus pada ruang dalam lebih penting daripada bahagian depan atau bahagian luar bangunan. Ruang dalam digunakan bagi menimbulkan suasana selesa dan lebih bersifat persendirian (sesuai untuk bersendiri dalam muhasabah diri). Selain itu, mengutamakan kemasukan cahaya ke dalam bangunan semaksimum yang mungkin boleh memberi keselesaan kepada umat Islam bagi mengerjakan ibadah.¹⁴⁰

Dengan pendekatan konsep dan elemen yang terdapat pada sesebuah bangunan seperti keindahan dan keunikan ini selain tidak bukan untuk menarik perhatian sesiapa sahaja yang melihatnya tidak kira orang Islam juga orang bukan yang akan membuatkan mereka berminat untuk datang ke masjid.

Dalam konteks dakwah kepada orang bukan Islam pula, elemen-elemen unik, aman, tenang, cantik dan selesa ini menjadi sebagai satu pendekatan bagi mereka untuk mengetahui dan mencari asbab penganugerahan elemen-elemen tersebut kepada seni bina masjid bagi umat Islam.

2.6 Konsep Dakwah Melalui Seni Bina Masjid

Ibn Khaldun pernah menyatakan bahawa tidak ada suatu hal pun yang dapat menggambarkan kebudayaan sesuatu bangsa, tidak ada yang dapat melahirkan cita-cita dan kebatinan salah satu kaum dengan rupa yang lebih jelas selain daripada

¹³⁹ Zulkifli Hanafi. (1985). *Konpendium Sejarah Seni Bina Timur*. Pulau Pinang. Penerbit Universiti Sains Malaysia. h.34.

¹⁴⁰ Mahayuddin Yahya. (1998). *Tamadun Islam*. e.2. Shah Alam. Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. h.459.

pertukangan, seni bina dan bangunan yang besar dan gagah. Ilmu seni bina yang dimiliki oleh umat Islam diperolehi daripada bangsa Parsi, Romawi, Turki, Sepanyol dan lain-lain. Dengan ilmu tersebut, mereka membina kota-kota besar, istana-istana yang indah dan masjid-masjid yang menarik.¹⁴¹

Bermula dari sejarah Nabi Muhammad saw melakukan hijrah dari Makkah ke Madinah, Rasulullah saw mendirikan masjid yang pertama dalam Islam yang dikenali dengan nama Masjid Quba'. Masjid tersebut digunakan oleh Rasulullah sebagai pusat tarbiah dan pentadbiran dalam menyusun strategi ekonomi, peradaban, perang dan sebagainya.¹⁴² Dengan demikian masjid adalah sebagai sebuah bangunan yang merupakan ruang yang berfungsi sebagai penampung kegiatan perlaksanaan ajaran Islam sehingga wujud pertalian yang erat antara seluruh kegiatan keagamaan dengan masjid.

Masjid diletakkan sebagai cabang utama dan penting dalam seni bina Islam. Sesuai dengan kedudukan itu ia terus menerus mengalami perkembangan dari semasa ke semasa selari dengan perkembangan Islam itu sendiri. Masjid yang asalnya dari bangunan yang kecil dan sederhana bentuknya bertukar menjadi besar dan canggih.

Seni Bina Islam merangkumi binaan tersendiri yang menjadikan masjid berbeza dengan seni bina bangunan lain. Antara seni bina Islam yang terdapat pada masjid, antaranya ialah:

2.6.1 Dewan Solat

Dewan berbumbung dan mempunyai ruang yang terbuka untuk berjemaah lazimnya berbentuk segi empat dan keluasannya mengikut nisbah keluasan ruang terbuka.¹⁴³ Contohnya, terdapat masjid yang berkubah besar atau bumbungnya ditutupi dengan

¹⁴¹ ibid h 25.

¹⁴² Mariam Abd. Majid & Marlon Pontino Guleng. (2016). *Masjid dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik di Malaysia*. Jurnal Hadhari 8(1). Penerbit UKM Press. h.31-48.

¹⁴³ Nash Rahman et al. (1998). *Masjid: Sejarah, Ciri-ciri Pembentukan dan Pembinaan Masjid-Masjid Dunia, Malaysia dan Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur. Puncak Awal (M) Sdn Bhd. h.12.

lebih daripada satu kubah.

Dewan solat dilihat sebagai satu lambang penyatuan hati umat Islam. Dewan adalah tempat yang paling penting di mana umat Islam akan melakukan solat secara berjemaah setiap kali masuk waktu solat. Solat berjemaah akan dilakukan secara mengikut pergerakan seorang ketua iaitu imam. Manakala pengikut yang lain akan berbaris dibelakang imam di dalam satu barisan yang dipanggil saf. Dengan solat berjemaah ini akan memperlihatkan bahawa dalam sesuatu perkara atau kerajaan kita memerlukan seorang ketua yang mengetuai sesuatu pentadbiran dan pengikut hendaklah menjadi pengikut yang setia kepada pemimpin. Itulah simbolik kepada solat berjemaah yang dilakukan tersebut.

2.6.2 Mihrab

Mihrab merupakan struktur terpenting pada sesebuah masjid. Mihrab adalah salah satu daripada unsur seni bina yang paling penting biasanya dikenali oleh ahli seni bina dan ahli seni akademik. Kewujudan mihrab ditafsirkan sebagai sesuatu yang penting untuk Agama Islam.¹⁴⁴

Mihrab didirikan menghadap ke kiblat iaitu ke Ka'bah dan berfungsi sebagai menandakan arah kiblat untuk orang Muslim melaksanakan solat. Ia juga menjadi tempat imam mengetuai solat berjemaah. Kebanyakan mihrab berbentuk separa bulat yang dibina melengkung ke dalam dinding masjid. Ia merupakan tempat tunjuk arah bagi masjid yang berkenaan.¹⁴⁵ Mihrab dalam bentuk melengkung ini tidak diketahui dan tidak digunakan kecuali pada zaman Al-Walid bin Abdul Malik. Model-model awal bagi mihrab mempunyai bentuk lelangit atau seperti gawang siput.¹⁴⁶ Kebiasaan mihrab dilengkapi dengan hiasan tulisan khat ayat-ayat al-Quran dan geometri. Bentuk Archa

¹⁴⁴ Mohamad Tajuddin Haji Mohamad Rasdi. (1998). *The Mosque as A Community Development Centre: Programme And Architectural Design Guideline for Contemporary Muslim Societies*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.Skudai, Johor. h. 271-273.

¹⁴⁵ Nash Rahman et al. (1998.) h. 10-11.

¹⁴⁶ Shaikh Ali Mohamad Mokhtar. (2003). *Peranan Masjid Dalam Islam*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. h. 121.

yang berbagai-bagai jenis juga digunakan bagi menjelaskan kepentingan mihrab.¹⁴⁷

2.6.3 Mimbar

Mimbar adalah tempat naik khatib (pembaca khutbah) menyampaikan khutbah Jumaat pada setiap kali solat jumaat setiap minggu.¹⁴⁸ Ia dinamakan mimbar kerana ketinggiannya. Ia sentiasa diletakkan di sebelah kanan mihrab dan mempunyai anak tangga untuk naik ke atas platform kecil yang mempunyai bumbung yang dihias dengan ukiran menarik.¹⁴⁹

Ia mula digunakan oleh Rasulullah saw antara tahun keenam hingga kesembilan hijriah yang diletakkan di Masjid Nabi saw. Keadaan mimbar baginda hanyalah tinggi sedikit daripada paras lantai masjid. Menurut kebanyakan ulama keadaan ini tidak berubah sehinggalah ke zaman Mu'awiyah. Khalifah Mu'awiyah telah membuat sebuah mimbar kayu untuk dirinya yang boleh dipindah-pindahkan. Mimbar itu mempunyai enam anak tangga dan sebuah kerusi. Akhirnya penggunaan mimbar ini meluas di kebanyakan masjid seluruh dunia.¹⁵⁰

Mimbar yang dibina pada zaman Rasulullah saw terdiri daripada tiga anak tangga. Semasa berkhutbah Rasulullah saw akan duduk dibahagian atas. Diikuti pula Saidina Abu Bakar al-Siddiq di tangga kedua dan Saidina Umar bin Khattab akan duduk di tangga bawah. Terdapat mimbar yang dilengkapi dengan kubah kecil di atasnya, sama ada berbentuk lonjong atau bulat. Pada hari ini, mimbar telah mengalami banyak perubahan sehingga anak tangganya juga bertambah.¹⁵¹

¹⁴⁷ Manja Mohd. Ludin & Ahmad Suhaimi Hj. Mohd Nor. (1995). *Aspek-Aspek Keseniaan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. h. 45.

¹⁴⁸ Azim A. Aziz. (2015). *50 Tahun Masjid Negara 1965-2015*. ATSA Architects Sdn Bhd. Kuala Lumpur. h. 35.

¹⁴⁹ Minah Binti Dibok. (2005). *Pengaruh Islam Dalam Pembinaan Tamadun di Terengganu: Kajian Khusus Mengenai Seni Bina Masjid Di Kuala Terengganu*. Disertasi Ijazah Sarjana, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. h. 158.

¹⁵⁰ Shaikh Ali Mohamad Mokhtar. (2003). *Peranan Masjid Dalam Islam*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. h. 122.

¹⁵¹ Manja Mohd. Ludin & Ahmad Suhaimi Hj. Mohd Nor. (1995). *Aspek-Aspek Keseniaan Islam*. h. 45-55.

2.6.4 Menara

Menara ialah tempat muazzin melaungkan azan yang biasanya terletak bersebelahan masjid. Menara dibuat tinggi dengan maksud untuk memanggil orang ramai melakukan solat berjemaah di masjid atau supaya suara muazzin itu kedengaran sampai ke tempat yang jauh. Biasanya setiap masjid disampingnya terdapat menara azan. Sama ada sebuah atau lebih. Malahan kadangkala empat atau lima bergantung pada saiz masjid.¹⁵²

Pada waktu awal Islam, Bilal bin Rabah hanya melaungkan azan dari bumbung rumah yang tinggi berhampiran masjid. Binaan menara yang tinggi untuk melaungkan azan berasal dari perilaku Bilal bin Rabah ra. Dalam sejarah pembinaan masjid, menara pertama didirikan di masjid Basrah dan masjid ‘Amr di Fustat Mesir pada masa pemerintahan Mu’awiyyah ibn Abī Sufyān.¹⁵³

Menjelang kurun ke-14 Masihi dan 15 Masihi, menara dibina sebagai salah satu komponen masjid.¹⁵⁴ Bentuk menara azan yang terdapat di negara-negara Islam pada amnya tidak sama. Ianya bergantung kepada pelbagai faktor seperti alam sekitar, latar belakang sejarah dan budaya sesebuah masyarakat. Terdapat juga masjid yang mempunyai beberapa buah menara bergantung kepada saiz masjid tersebut. Menara juga merupakan satu lambang Islam dan kerana itu ianya dibina dengan keadaan yang tinggi.¹⁵⁵

2.6.5 Kubah

Kubah adalah sebahagian daripada bangunan masjid yang terletak di atas masjid. Tegak di tengah masjid, menjadikannya seolah-olah bumbung masjid itu sendiri. Pada mulanya, kubah hanya terdapat pada istana-istana Byzantine dan Parsi, kemudian

¹⁵² Ibid. h. 41-42.

¹⁵³ Fairuzah Basri. (2002). *Seni Bina Masjid Di Malaysia*. Jurnal Tasawwur Islam. JIId 5. UITM Shah Alam. h. 61-70.

¹⁵⁴ Nash Rahman et al. (1998). *Masjid: Sejarah, Ciri-ciri Pembentukan dan Pembinaan Masjid-Masjid Dunia, Malaysia dan Kuala Lumpur*. h 16.

¹⁵⁵ Manja Mohd. Ludin & Ahmad Suhaimi Hj. Mohd Nor. (1995). *Aspek-Aspek Keseniaan Islam*. h. 45-55.

diambil oleh umat Islam dan dijadikan sebahagian daripada bumbung masjid. Kubah Parsi amnya berbentuk bawang yang tirus di bahagian atasnya.¹⁵⁶

Kubah juga diperkenalkan pada zaman pemerintahan Bani Umayyah. Kubah semakin menyerlahkan keindahan bentuknya apabila dapat diukirkan dengan khat dan ukiran yang dapat menimbulkan keimanan kepada Allah s.w.t. Ianya menyerlahkan keindahan seni bina masjid.¹⁵⁷ Kubah juga sebagai lambang bagi membezakan tempat ibadah agama Islam dan agama-agama lain.

2.6.6 Pintu Gerbang

Secara umum dalam seni bina Islam pintu gerbang adalah bangunan berpagar bagi melindungi sesuatu bangunan dari dilihat dari luar. Pintu masuk atau dipanggil pintu gerbang boleh dianggap sebagai sempadan pemisah antara kesibukan dunia luar dan suasana tenang di dalam masjid bagi membolehkan pengunjungnya beribadah dengan penuh khusyu'.¹⁵⁸

2.6.7 Dikka

Dikka merupakan platform yang diperbuat daripada kayu dan ditempatkan selari dengan mihrab. Dari situlah bila mengulangi sebutan imam bagi membolehkan kesemua jemaah mengikut pergerakan imam sewaktu bersembahyang, jika jemaah terlalu ramai¹⁵⁹

2.6.8 Kursi¹⁶⁰

Ia merupakan tempat al-Quran diletakkan untuk dibaca oleh imam dan lazimnya diletakkan bersebelahan dikka.

¹⁵⁶ Ibid. h. 42

¹⁵⁷ Mustafa Hj. Daud. (1991). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. h 366.

¹⁵⁸ Minah Binti Dibok. (2005). *Pengaruh Islam Dalam Pembinaan Tamadun di Terengganu: Kajian Khusus Mengenai Seni Bina Masjid Di Kuala Terengganu*. h 158-162.

¹⁵⁹ Nash Rahman et al. 1998. *Masjid: Sejarah, Ciri-ciri Pembentukan dan Pembinaan Masjid-Masjid Dunia, Malaysia dan Kuala Lumpur*. h 14.

¹⁶⁰ Ibid. h 12

2.6.9 Kolah¹⁶¹

Dicipta untuk membolehkan para jemaah solat untuk mengambil wuduk serentak sebelum menunaikan solat. Ada juga perubahan yang dibina seperti air pancut agar kelihatan menarik. Kolah merupakan satu lambang kepada konsep bersuci dalam Islam. Islam adalah agama yang mementingkan kesucian dan kebersihan.

2.6.10 Maqsura¹⁶²

Pada asalnya tempat ini disediakan untuk melindungi keselamatan imam. Ini adalah kerana pada peringkat awal Islam, imam adalah merupakan khalifah atau gabenor yang sentiasa terdedah kepada ancaman pembunuhan. Pada peringkat awalnya, maqsura merupakan platform khas yang dikelilingi pagar atau dinding kayu bagi melindungi imam di dalamnya. Maqsura akhirnya merupakan satu bilik yang dibina di tengah-tengah masjid di sebelah kanan kiblat atau disebelah kirinya khusus untuk pemerintah supaya beliau dapat menunaikan solat dalam keadaan selamat.

Maqsura dan bentuk-bentuk gambarajah yang indah telah mula diperkenalkan oleh seni bina Islam pada zaman pemerintahan Bani Umayyah. Bentuk-bentuk yang indah, seni khat yang mengagumkan, ukiran yang menakjubkan menjadi lebih indah dan berseri apabila dihiasi dengan kaca yang bertatahkan batu permata dan lain-lain lagi.¹⁶³

2.6.11 Halaman/courtyard¹⁶⁴

Halaman juga mempunyai keutamaan dalam tradisi pembinaan masjid. Halaman masjid pada zaman Nabi Muhammad berfungsi sebagai tempat perbincangan bagi Nabi dan

¹⁶¹ Ibid. h 14

¹⁶² Ibid. h 14

¹⁶³ Mustafa Hj. Daud. (1991). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. h.366.

¹⁶⁴ Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. (1998). *The Mosque as A Community Development Centre: Programme And Arhtectural Design Guidelines for Contemporary Muslim Societies*. Universiti Teknologi Malaysia. h.274-277.

umat Islam, sebagai kubu untuk menghalang musuh daripada mengintip atau menyerang, sebagai ruang luar untuk solat dalam waktu musim sejuk, sebagai ruang luar untuk jemaah yang melebihi dari jumlah kapasiti masjid dan banyak lagi.

Idea halaman sebagai tautan simbolik antara bumi dan langit, sebagai dinding yang memisahkan dunia luar dan rohani serta sebagai tempat di mana orang Muslim yang ingin melakukan solat, boleh mempersiapkan diri sambil melintasi laman panjang untuk ke ruang solat utama. Ini adalah cadangan ahli sejarah arkitek terdahulu dalam seni bina sesebuah masjid.

Pada hari ini, halaman telah menjadi satu pilihan para ahli seni bina dalam mereka bentuk sesebuah masjid. Halaman direka dibahagian luar masjid yang mempunyai pelbagai fungsi yang membolehkan ianya digunakan untuk pelbagai aktiviti termasuklah aktiviti keluarga.¹⁶⁵

Daripada binaan asas bagi sesebuah seni bina masjid ini, dapatlah disimpulkan bahawa, sesebuah masjid itu mempunyai keunikan dan keindahan tersendiri dalam tamadun seni bina dari permulaan pembinaan masjid sehingga ke zaman ini. Dalam arus kepesatan dan kemajuan dalam seni bina yang menyumbang kepada keindahan dan keunikan pembinaan masjid dapat menarik minat orang bukan Islam untuk datang melancong ke masjid.

2.7 Pelancong Bukan Islam

2.7.1 Pengertian

Pelancong mengikut *Kamus Dewan* bermaksud orang yang melawat sambil melihat-lihat.¹⁶⁶ Pelancong berasal dari kata dasar ‘lancong’ yang bermaksud melawat sambil

¹⁶⁵ Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. (1998). h.276-277.

¹⁶⁶ *Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Dewan bahasa dan Pustaka. h 881.

melihat-lihat (bersenang-senang).¹⁶⁷ Manakala menurut *Kamus Besar Bahasa Melayu* pelancong membawa erti melawat sambil melihat-lihat, bersiar-siar atau makan angin.¹⁶⁸ Mengikut kamus *Oxford* pula pelancong bermaksud seseorang yang mengembara dan melawat ke sesuatu tempat untuk keseronokan.¹⁶⁹

Dari perspektif Islam, pelancong dilihat dari skop pelancongan iaitu Musafir, Ziarah, Rehlah, Siyahah, serta Haji dan Umrah yang merangkumi tujuan pelancongan seperti urusan perniagaan, menuntut ilmu, berdakwah, melihat kejadian alam, mendapat maklumat dan iktibar, kesihatan, rekreasi, silaturahim, dan berlindung daripada ancaman serta perubahan sikap untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT.¹⁷⁰

Maka disini dapat disimpulkan bahawa pelancong dalam satu istilah yang membawa maksud orang melawat ke sesuatu tempat dengan tujuan melihat-lihat, bersiar-siar dan makan angin sambil bersenang-senang.

Bukan Islam pula adalah satu istilah yang merujuk kepada orang yang belum Islam atau bukan beragama Islam atau yang mempunyai kepercayaan atau agama selain dari agama Islam. Istilah bukan Islam lebih sesuai untuk digunakan dalam konteks dakwah berbanding istilah-istilah lain seperti al-Kufr, al-Munafiq dan al-Syirik kerana ketiga-tiga istilah ini lebih sesuai terhadap golongan yang menolak Islam setelah sampai kepadanya kebenaran.¹⁷¹

Orang bukan Islam terdiri daripada golongan yang bermacam-macam. Al-Bayanuni¹⁷² membahagikannya kepada tiga golongan. Pertama, golongan yang ingkar,

¹⁶⁷ Ibid. h 881.

¹⁶⁸ *Kamus Besar Bahasa Melayu*. Utusan. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd. 1995. h 993.

¹⁶⁹ *Oxford Fajar*. Advanced Learner's English-Malay dictionary. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 2000. h 2020. Lihat juga <https://en.oxforddictionaries.com/definition/tourist>

¹⁷⁰ Hassan Bahrom, Mohammad Mahyuddin Khalid & Mohd Ashrof Zaki Yaakob. (2010). *Pelancongan dari Perspektif Islam. Analisis Pendekatan Fiqh*. Prosiding Hospitaliti & Pelancongan Dalam Islam. Anjuran Universiti Teknologi Mara Shah Alam. h.20

¹⁷¹ Abdul Karim Zaydan. (1992). *Usul al-Da'wah*. Dar al-Wafa', Al-Mansurah. h.418-420. Lihat juga *Dasar-dasar Ilmu Dakwah Jilid 2*. (1980). Penterjemah: H.M. Asywadi Syukur Lc. Penerbit Media Da'wah. Dewan Pustaka Islam Kuala Lumpur. h.118-135.

¹⁷² Muhammād Abu al-Fath al-Bayānū. (1993) *al-Madkhāl Ilā Ilm al-Dakwah*. Beirut: Muassasah al-Risālah. h.145.

menolak dan menafikan kebenaran agama yang dibawa dari langit. Mereka termasuk golongan komunis (seperti keterangan Allah dalam surah al-Mukminun ayat 37). Kedua, golongan musyrik pemuja berhala, iaitu golongan yang menyekutukan Allah (seperti keterangan Allah dalam surah al-Zumar ayat 3). Ketiga, golongan ahli kitab, iaitu golongan yang menjadi pengikut agama Yahudi dan Kristian sekarang (seperti keterangan Nabi Muhammad saw dalam hadis yang mengutus Mu'adh bin Jabal ke Yaman).

Abdul Karim Zaydan¹⁷³ pula membahagikan orang bukan Islam kepada tiga iaitu:

1. Golongan atasan, yang biasanya lebih banyak menentang dakwah dan sukar untuk diajak kepada Islam kerana ingin mempertahankan kedudukan mereka.
2. Golongan orang awam, yang biasanya lebih senang menerima dakwah kerana mereka tiada apa-apa kepentingan untuk menolak Islam.
3. Golongan munafik, yang sering melakukan kerosakan dalam masyarakat Islam.

Mereka juga susah untuk menerima dakwah kerana terikat dengan kepentingan mereka.

Manakala menurut Ab. Aziz Mohd Zin,¹⁷⁴ orang bukan Islam terdiri daripada berbagai-bagi kelompok agama dan kepercayaan, iaitu:

1. Golongan Musyrik.

Mereka ini adalah golongan pemuja patung berhala. Mereka memuja patung berhala sebagai simbolik kepada tuhan atau tokoh yang berjasa kepada mereka. Sebagai contoh pengikut-pengikut agama Hindu, mereka memuja patung berhala yang bermacam-macam sebagai dewa atau jelmaan tuhan. Mereka juga memuja sesuatu benda yang dianggap memainkan peranan dalam kehidupan mereka. Begitu juga pengikut agama Buddha memuja tokoh mereka yang dianggap berjasa besar kepada mereka. Selain itu,

¹⁷³ Abdul Karim Zaydan. (1992). *Usul al-Da'wah*. Dar al-Wafa', al-Mansurah. h.418-420. Lihat juga *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*. Jilid 2. Penterjemah: H.M. Asywadi Syukur Lc. Penerbit Media Da'wah. Dewan Pustaka Islam Kuala Lumpur. 1980. h. 118-168.

¹⁷⁴ Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur. h.86-125.

pengikut agama tradisional orang cina memuja roh nenek moyang, tokoh-tokoh, keramat-keramat, benda-benda yang dianggap tuhan dan lain-lain. Tuhan bagi golongan ini adalah ramai untuk memenuhi kehendak mereka yang banyak.

2. Golongan Ahli Kitab.

Golongan Ahli Kitab menolak Nabi Muhammad saw sebagai Nabi yang diutuskan untuk seluruh manusia. Mereka menganggap bahawa baginda hanya diutus kepada bangsa Arab sahaja. Mereka berpendapat ajaran agama mereka masih terpakai sampai bila-bila masa. Di samping itu, orang Nasrani menganggap bahawa Nabi Isa adalah anak tuhan iaitu melalui konsep *trinity*. Manakala orang Yahudi pula menganggap diri mereka sangat istimewa berbanding dengan orang lain, di samping menuduh tuhan dengan beberapa tuduhan yang tidak sepatutnya.

3. Golongan *Mulhid*.

Golongan Mulhid adalah orang-orang yang tidak mempercayai adanya pencipta alam ini atau tidak mempercayai akhirat dan segala apa yang akan berlaku padanya. Tidak dinafikan bahawa orang mulhid ini kadangkala mereka juga orang musyrik, dilihat dari sudut pencipta dan hari akhirat, diterima atau ditolak. Jika kedua-duanya atau salah satunya tidak diterima, mereka dikelompokkan ke dalam golongan orang mulhid. Oleh kerana dua perkara pokok yang menjadikan golongan ini mulhid, maka dua perkara tersebut diberikan penekanan dalam dakwah kepada golongan ini.

4. Golongan Munafik

Golongan munafik ialah orang yang lemah peribadinya, orang yang teragak-agak dan orang yang tidak boleh menentukan sikap yang jelas tentang keimanannya. Mereka juga tidak berani berterus terang. Dengan demikian, semasa bersama orang mukmin mereka

melahirkan keimanan dan semasa bersama orang kafir mereka melahirkan kekuatan. Mereka melakukannya demi menjaga kepentingan diri.

Secara kesimpulannya terdapat pelbagai golongan pelancong bukan Islam yang menjadi pelawat yang terdiri daripada beberapa kelompok. Kelompok-kelompok ini dibahagikan mengikut kepada kepercayaan yang dianuti masing-masing.

2.7.2 Jenis-Jenis Pelancong

Pelancong datang dari pelbagai sudut dunia mempunyai jenis-jenis tertentu sebagai pelancong yang dikategorikan sebagai pelawat. Menurut Yahaya Ibrahim pelancong boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu:¹⁷⁵

- 1) Pelancongan biasa: tidak terhad kepada kumpulan tetapi bergantung pada perancangan perjalanan.
- 2) Pencarian: pelancong yang menetapkan perjalanan sendiri dan cuba mendekatkan diri dengan budaya tuan rumah tetapi menginap di tempat-tempat yang lebih selesa.
- 3) Bersemenda: para pelancong yang menjauhkan diri daripada institusi pelancongan dan cuba menenggelamkan diri dalam budaya tuan rumah.

Manakala Smith pula telah membahagikan pelancong kepada tujuh kategori yang berasaskan tahap penglibatan di destinasi pelancongan:¹⁷⁶

- 1) Berjelajah: yang melibatkan diri dengan penduduk tempatan
- 2) Elit: perjalanan khusus individu ke tempat-tempat istimewa.

¹⁷⁵ Yahaya Ibrahim. (2008). *Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. h 25.

¹⁷⁶ Smith, V.L. (1989). *Host and guests: The Anthropology of Tourism*. Edisi Kedua. Philadelphia: University of Pennsylvania Press. h 2.

- 3) Bersendirian: pelancongan yang sentiasa menjauhkan diri daripada orang ramai.
- 4) Berkelainan: mempunyai objektif khusus dan di luar kebiasaan.
- 5) Berkumpulan: kumpulan kecil yang diatur dan mendapat khidmat tempatan.
- 6) Kerkhususan: pakej perjalanan yang terhad.
- 7) Berombongan: pakej perjalanan yang menyediakan pelbagai kemudahan.

Dalam pelancongan, individu yang terlibat dikategorikan kepada dua iaitu penduduk setempat dan pelawat. Apabila kedua-duanya mengembara, wujudlah istilah pengembara atau pelawat. Pengembara pula dapat dilihat dalam dua aspek iaitu mereka yang mengembara dalam skop pelancongan dan mereka yang mengembara bertujuan memenuhi aktiviti lain. Mengikut perspektif pelancongan, mereka yang mengembara dalam skop pelancongan dikenali sebagai pelancong.¹⁷⁷

Pelancong biasanya mempunyai motivasi yang berbeza yang mendorong mereka untuk melancong seperti terdapat pelancong yang melancong bertujuan untuk menambah minat dalam kehidupan dan terdapat juga pelancong yang melancong sekadar untuk memenuhi keperluan untuk berehat dan mengenali diri sendiri. Pelancong yang mempunyai motivasi yang berbeza mendorong seseorang untuk melancong dan mempengaruhi kehendak terhadap lawatan yang dilakukan seperti pelancong yang merasakan hidup terlalu pendek berkecenderungan untuk mencuba segala aktiviti dan melawati destinasi-destinasi yang sukar didapati. Selain itu, pelancong biasanya melancong ke suatu destinasi bertujuan memenuhi beberapa aktiviti antaranya tujuan perniagaan, melawat kawan dan keluarga atau serta berhibur. Tujuan mereka melancong ini seterusnya mewujudkan kategori dan jenis pelancong dalam industri pelancongan.¹⁷⁸

Dari jenis-jenis pelancong yang telah diuraikan, dapat disimpulkan bahawa

¹⁷⁷ <https://industripelanconganmalaysia.wordpress.com/> diakses pada 7 November 2016.

¹⁷⁸ <https://industripelanconganmalaysia.wordpress.com/> diakses pada 7 November 2016.

terdapat beberapa jenis pelancong dan kategori pelancong ini pergi melawat ke negara luar dengan mempunyai pelbagai tujuan serta objektif tersendiri yang ingin dicapai.

2.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan dalam bab dua ini iaitu dapatan dari kajian kepustakaan dan analisa artikel-artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian digunakan sebagai teori untuk mengukur dapatan bagi bab-bab yang seterusnya. Dapatan dalam bab ini adalah dari analisa penulisan buku-buku, journal, dan kajian-kajian dari pengkaji dan penulis yang begitu memberi manfaat untuk menyelesaikan kajian dakwah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan.

BAB 3

PENDEKATAN DAKWAH SUKARELAWAN PEMANDU PELANCONG MASJID TERHADAP PELANCONG BUKAN ISLAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN

3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang pendekatan dakwah yang dilakukan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam yang datang ke masjid. Dalam bab ini juga membincangkan tentang latar belakang sejarah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid serta bidang tugas mereka secara mendalam. Selain itu, bab ini membincangkan tentang pendekatan dakwah yang dilakukan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam di perkarangan masjid.

3.2 Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid

3.2.1 Latar Belakang

Pemandu Pelancong Masjid ialah sukarelawan yang berkhidmat di dalam perkarangan masjid bagi menjalankan beberapa tugas khas yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan masjid.¹⁷⁹ Pemandu Pelancong Masjid ini berasal dari satu Program di bawah seliaan Islamic Outreach ABIM yang diberi nama Program Dakwah Pelancong Masjid.¹⁸⁰ Pemandu Pelancong Masjid adalah satu program sukarelawan yang

¹⁷⁹ Kamaruddin Abdullah. 2016. *Dakwah Melalui Pelancongan Masjid*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

¹⁸⁰ Norhana Ng. Abdullah. 2016. *Cabarani Pelaksanaan Program Mosque Tour Guide*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

dilaksanakan disekitar Kuala Lumpur dan Selangor pada mulanya dan kini telah berkembang hampir ke seluruh Malaysia. Program ini telah dimulakan di Masjid Negara pada tahun 2003. Ini dijelaskan oleh Puan Normah Sulaiman bahawa,

*“Program ni adalah satu inisiatif IOA ABIM dalam menjalankan usaha dakwah kepada pelancong yang datang ke masjid untuk kita menyampaikan mesej Islam...dan menghilangkan salah faham pelancong pada agama Islam.”*¹⁸¹

Pemandu Pelancong Masjid ini adalah sukarelawan yang telah dilatih dan diberi kursus kemahiran oleh IOA ABIM bagi memastikan sukarelawan mereka mempunyai kemahiran yang diperlukan sebagai seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid sekaligus berperanan sebagai seorang pendakwah dikawasan perkarangan masjid. Puan Normah Sulaiman menyatakan bahawa: *sukarelawan yang kita ada ni...kita beri mereka latihan dan kursus supaya mereka dapat menjalankan dakwah kepada pelancong... ”.*¹⁸² Kursus Pemandu Pelancong Masjid dengan mendapat kerjasama daripada pihak pentadbiran masjid dianjurkan setiap tahun bagi memastikan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dipenuhi dengan segala kemahiran yang diperlukan disamping memenuhi keperluan pihak pengurusan masjid dalam melaksanakan dan mengembangkan aktiviti dakwah. Objektif kursus adalah untuk memberi pendedahan berkaitan tugas sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid serta mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan kaedah serta teknik yang berkesan dalam komunikasi dan penyampaian dakwah.¹⁸³

¹⁸¹ Temu bual bersama Puan Normah Sulaiman, Pengurus IOA, di masjid Negara, Kuala Lumpur, jam 11.00pagi- 12.30 tengahhari, pada 11 April 2016.

¹⁸² Temu bual bersama Puan Normah Sulaiman, Pengurus IOA, di masjid Negara, Kuala Lumpur, jam 11.00pagi- 12.30 tengahhari, pada 11 April 2016.

¹⁸³ Pemerhatian dan pengalaman pengkaji mengikuti kursus pemandu pelancong masjid siri 1/2016 di Masjid Negara Kuala Lumpur, jam 9.00pagi- 4.30ptg, pada 12-13 Mei 2016.

3.2.2 Tugas Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid¹⁸⁴

Walaupun hanya bergelar sukarelawan, namun Pemandu Pelancong Masjid tetap mempunyai bidang tugas tertentu yang perlu dilaksanakan. Di antara tugas dan tanggungjawab sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid adalah:

- 1) Bertanggungjawab untuk menyambut ketibaan pelancong terutamanya pelancong bukan Islam.
- 2) Bertanggungjawab untuk menyampaikan taklimat berkaitan aktiviti-aktiviti, fungsi dan kemudahan Masjid kepada pelancong.
- 3) Bertanggungjawab untuk menyampaikan taklimat mengenai Agama Islam kepada pelancong.
- 4) Merekod kehadiran pelancong dan melaporkan kepada Unit Pelancongan Masjid.
- 5) Bertanggungjawab sebagai penghubung kepada Pemandu Pelancong Agensi-Agenzi Pelancongan.

3.3 Pendekatan Dakwah Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid

3.3.1 Dakwah Bil Lisan

Pendekatan pertama yang hendak dihuraikan dalam bab ini ialah dakwah melalui lisan. Setelah membuat penelitian terhadap data-data yang diperolehi, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid telah melaksanakan beberapa pendekatan dalam dakwah kepada pelancong yang datang ke masjid melalui pendekatan dakwah bil lisan. Dalam berdakwah secara lisan terdapat beberapa pendekatan yang telah dijalankan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid. Antaranya ialah:

¹⁸⁴<http://www.masjidputra.gov.my/wp-content/uploads/2015/01/JAWATAN-KOSONG-PEMANDU-PELANCONG.pdf>

1) Penggunaan Bahasa Yang Mudah difahami

Komunikasi yang berkesan adalah dimana kedua-dua pihak berinteraksi dalam bahasa yang boleh difahami oleh kedua-dua pihak, dalam konteks kajian ini adalah para sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dan pelancong bukan Islam. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid perlu menguasai sekurang-kurang dua jenis bahasa selain dari bahasa Melayu. Encik Raja menjelaskan *bahawa “sukarelawan ni kalaupun nak dakwah kat pelancong kene tahu banyak Bahasa, paling kurang pun Bahasa Inggeris dan satu lagi Bahasa kalaupun dapat...”*¹⁸⁵. Ini kerana penguasaan bahasa selain dari bahasa ibunda sangat penting bagi menyampaikan dakwah kepada para pelancong yang datang dari pelbagai negara. Encik Raja menambah lagi ,

*“Dengan menguasai Bahasa...sukarelawan ni...yakin la nak berinteraksi dengan pelancong...untuk sampaikan tentang masjid dan ibadah-badah lain yang dilakukan di masjid ni...kepada pelancong...ambil tub oleh la dakwah...”*¹⁸⁶

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid telah menggunakan bahasa yang mudah difahami dalam komunikasi iaitu Bahasa Inggeris. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid mahir menggunakan bahasa yang bersesuaian dalam berinteraksi dengan pelancong bukan Islam. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Mizan Encik Abdul Rahman menyatakan bahawa: *“Bahasa yang utama saya gunakan dalam dakwah ini adalah Bahasa Inggeris... kami di sini sangat fasih berbahasa Inggeris...”*¹⁸⁷. Pendapat ini juga disokong oleh Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Mizan iaitu Puan Azizah yang berkata *“saya cakap Bahasa Inggeris memang boleh...kalaupun Bahasa lain tu memang saya tak tahu...dan pelancong ni...bahasa Malaysia memang tentulah diaorang tak tahu kan...”*¹⁸⁸. Pendapat yang

¹⁸⁵ Temubual bersama Encik Raja di Masjid Putra, Putrajaya pada 3 Mac 2016, jam 3.00- 4.00petang.

¹⁸⁶ Temubual bersama Encik Raja di Masjid Putra, Putrajaya pada 3 Mac 2016, jam 3.00- 4.00petang.

¹⁸⁷ Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

¹⁸⁸ Temubual Bersama Puan Azizah sukarelawan Masjid Mizan, Putrajaya pada 12 September 2017, pada jam 11.00-1.00tghhari.

sama juga diutarakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Wilayah iaitu Puan Azizan Ahmad yang menyatakan bahawa “*Bahasa untuk berkomunikasi dengan pelancong...mesti Bahasa Inggeris...dengan menguasai Bahasa Inggeris...mudah untuk kita menyampaikan kepada mereka...*”¹⁸⁹

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Putra, Putrajaya juga berpendapat “*kalau masa pelancong datang ke sini (masjid) mesti saya cakap Bahasa Inggeris... saya guna Bahasa Inggeris bercakap dengan mereka yang faham tu (Bahasa Inggeris)...*”¹⁹⁰ Encik Bob Burhanuddin iaitu Pengasas Masjid Tour Program dan juga merupakan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Wilayah juga berpendapat yang sama “*As a MTG's (Mosque Tour Guide) we speak in English...and must try to speak everyday...*”¹⁹¹ Dalam erti kata yang lain, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid telah menggunakan bahasa pengantaraan yang bersesuaian dan mudah difahami dalam berkomunikasi iaitu Bahasa Inggeris.

Ini membuktikan bahawa dengan penguasaan bahasa pengantaraan yang bersesuaian dan mudah difahami, memudahkan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid untuk menyampaikan penerangan tentang senibina masjid dan dakwah kepada pelancong bukan Islam.

Selain dari penguasaan Bahasa Inggeris, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bagi Masjid Wilayah, sebahagian dari mereka mengetahui pelbagai bahasa, antaranya Bahasa Arab, Bahasa Rusia, Bahasa Sepanyol, Bahasa Cina, Bahasa Jepun dan lain-lain lagi. Ini dijelaskan seperti berikut:

“*saya ada belajar Bahasa Rusia dan Perancis, saya tahu sikit-sikit sekarang tengah aplikasi kat pelancong kalau ade yang datang dari Rusia dan Perancis, macam “Vam luchshe segodnya? Maksudnya awak apa khabar dalam Bahasa*

¹⁸⁹ Temubual bersama Puan Nor Azizan Ahmad sebagai sukrelawan Pemandu Pelancong Masjid Di Masjid Wilayah Persekutuan, pada 22 Sept 2016, jam 3.00-4.30ptg.

¹⁹⁰ Temubual Bersama Encik Muhammad Amin Tong sebagai Pembantu Pelancongan di Masjid Putra Putrajaya, pada 18 Oktober 2016, jam 4.00-5.30 petang. Beliau juga merupakan seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bermula dari tahun 2014.

¹⁹¹ Temubual bersama Encik Bob Borhanuddin iaitu Pengasas Masjid Tour Program Masjid Wilayah, di Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 22 Sept 2016, jam 3ptg - 4.30ptg.

Rusia. “Ya khochu uslyshat’ ob’yasneniya ob’islame? Maksudnya...hendak dengar penerangan saya mengenai Islam...? dan banyak lagi lah...”¹⁹²

Selain, itu, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Negara juga telah menggunakan pendekatan dengan menggunakan istilah-istilah tertentu dalam bahasa ibunda pelancong. Seperti yang dinyatakan berikut:

“ada di kalangan mereka(pelancong) yang datang tu pun tak berapa nak pandai cakap Bahasa Inggeris, ada tu saya belajar sikit-sikit istilah dalam Bahasa China tentang masjid -Qingzhensi (dalam Bahasa Cina), Gong ding(kubah), Bi kan (mihrab), kalau tanya dia sihat tak hari ini...Ni jintian hao?... dan ade banyak lagi perkataan lain dalam Bahasa cina. Mereka suka saya cuba cakap sesuatu dalam Bahasa Cina... ”¹⁹³

Kenyataan ini disokong pula oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Putra, Putrajaya iaitu Encik Muhammad Amin Tong “saya ada kelebihan boleh cakap cina...cakap mandarin...sebab saya asal orang cina...jadi senang saya nak bercakap dengan orang cina...”¹⁹⁴ Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Mizan, Putrajaya, Encik Abdul Rahman juga berpendapat yang sama ,

“saya bukan pandai Bahasa Inggeris sahaja...tapi ada 4 bahasa lain yang saya pandai cakap...Bahasa Arab, Bahasa Jepun, Bahasa Hausa (Afrikan) dan Bahasa Melayu (kerana Encik Abdul Rahman berasal dari Afrika iaitu Ghana)...”¹⁹⁵

Ini membuktikan bahawa, ada dikalangan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid yang berusaha untuk menguasai pelbagai bahasa selain dari Bahasa Inggeris untuk memudahkan mereka berinteraksi dengan pelancong.

Ini jelas dari pemerhatian¹⁹⁶ pengkaji sendiri ketika melawat Masjid Wilayah. Pengkaji mendapati bahawa pelancong yang datang tertarik dengan olahan bahasa yang

¹⁹² Temubual bersama Puan Nor Azizan Ahmad sebagai sukrelawan Pemandu Pelancong Masjid Di Masjid Wilayah Persekutuan, pada 22 Sept 2016, jam 3.00-4.30ptg.

¹⁹³ Temubual bersama Cik Diana sebagai sukrelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016 jam 2.00-3.30 petang.

¹⁹⁴ Temubual Bersama Encik Muhammad Amin Tong sebagai Pembantu Pelancongan di Masjid Putra Putrajaya, pada 18 Oktober 2016, jam 4.00-5.30 petang. Beliau juga merupakan seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bermula dari tahun 2014.

¹⁹⁵ Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

¹⁹⁶ Pemerhatian pengkaji di Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 22 Sept 2016, jam 3ptg - 4.30ptg.

telah digunakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid ketika menyampaikan penerangan tentang senibina masjid serta ketika menjawab beberapa soalan pelancong dalam Bahasa Perancis.

Dari kenyataan-kenyataan sukarelawan tersebut diatas menunjukkan bahawa penguasaan bahasa penting bagi seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam berinteraksi. Ini membuktikan bahawa, penguasaan bahasa yang berbeza penting untuk berinteraksi dengan pelancong yang datang dari latar belakang yang berbeza bangsa dan negara untuk sukarelawan menyampaikan dakwah.

Selain dari itu, kajian juga mendapati bahawa, pihak pengurusan di beberapa buah masjid juga menganjurkan beberapa program peningkatan bahasa. Contohnya seperti Islamic Outreach ABIM menyediakan kursus atau bengkel bahasa Jepun kepada sukarelawan dibawah Program Pemandu Pelancong Masjid di masjid-masjid seliaan mereka. Kursus bahasa ini disediakan berdasarkan kepada permintaan sukarelawan. Kenyataan oleh Puan Normah Sulaiman iaitu Naib Pengurus Islamic Outreach ABIM juga sebagai Pengasas Program Pemandu Pelancong Masjid menjelaskan seperti berikut:

“bagi sukarelawan kita ni, saya ada buatkan bengkel untuk mereka ni balajar Bahasa, cuma masalah kita kekurangan dana...bengkel Bahasa sekali setahun untuk 1 bahasa boleh lah...sekarang kita tengah buat bengkel Bahasa Cina sebab ramai pelancong kita datang dari Cina....”¹⁹⁷

Berbeza pula dengan Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pihak pengurusan masjid akan menyerahkan kepada sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid di Masjid Wilayah untuk mengikuti kursus kemahiran bahasa. Ini kerana pihak Masjid Wilayah tidak mahu sukarelawan mereka bergantung kepada pihak pengurusan masjid menyediakan kursus bahasa sebaliknya sukarelawan itu sendiri keluar untuk mengikuti kursus bahasa di mana-mana tempat yang menyediakan perkhidmatan tersebut. Ini

¹⁹⁷ Temubual bersama Puan Normah Sulaiman. Naib Pengurus Islamic Outreach Abim di Masjid Negara pada 11 April 2016 Jam 11.00-12.30tghhari.

dijelaskan oleh Pengasas Masjid Tour Program iaitu Encik Bob Burhanuddin yang menyatakan:

*"bengkel Bahasa...for me...I'm prefer and suggested for our volunteer to learn more language not just English...I tell them to go to learn many languages at any language classes with their own effort...because...the domination of many languages can make our volunteer become...more confident to talk with the tourist...and certainly they can appreciate that...their own effort..."*¹⁹⁸

Ini menunjukkan bahawa pihak Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur lebih suka sukarelawan berusaha sendiri dan mengurangkan kadar kebergantungan sukarelawan terhadap pihak masjid dalam menyediakan kursus dan kemahiran.

Hasil kajian juga mendapati bahawa, para sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid akan dapat menguasai pelbagai bahasa dalam keadaan setiap hari berhadapan dengan pelancong yang datang dari pelbagai negara apabila mengaplikasikan bahasa baru dipelajari dengan bimbingan mentor atau orang yang mahir dalam bidang dakwah pelancong ini. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Wilayah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

*"in the best training...we need the volunteer to do the job itself...in mentoring system we do a rule play...1st...the mentor do...and then the volunteer do what the mentor do...the mentor also a volunteer...and then after finish we reverse all that thing... the mentor is a cruel person...(hahaha...laughing)..."*¹⁹⁹

Melalui sistem mentor ini, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid akan merasai sendiri pengalaman berhadapan dan berinteraksi dengan pelancong yang datang ke masjid. Ini akan menjadikan mereka mengaplikasikan setiap perkara yang dipelajari termasuk bahasa untuk berkomunikasi.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan yang telah digunakan ini selari

¹⁹⁸ Temubual bersama Encik Bob Borhanuddin iaitu Pengasas Masjid Tour Program Masjid Wilayah, di Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 22 Sept 2016, jam 3ptg - 4.30ptg.

¹⁹⁹ Temubual bersama Encik Bob Borhanuddin iaitu Pengasas Masjid Tour Program Masjid Wilayah, di Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 22 Sept 2016, jam 3ptg - 4.30ptg.

dengan pendekatan dakwah yang telah disarankan oleh Abd. Aziz²⁰⁰ yang menyatakan bahawa penggunaan bahasa yang betul akan memudahkan dakwah disampaikan kepada mad'u dalam konteks dakwah kepada bukan Islam. Ini menunjukkan bahawa penggunaan dan penguasaan bahasa adalah sangat penting dan ianya sangat membantu dalam berdakwah kepada pelancong bukan Islam.

2) Komunikasi Dalam Bentuk Penjelasan Yang Nyata dan Terang²⁰¹

Konsep dan pendekatan dakwah yang dilaksanakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid menggunakan konsep memberi penerangan yang jelas dan nyata dalam penyampaian dakwah.²⁰² Konsep ini diaplikasikan dalam komunikasi antara pendakwah dan pelancong yang datang ke masjid. Komunikasi dalam bentuk yang jelas dan terang dapat menghilangkan kekaburuan dan salah faham para pelancong terhadap agama Islam.²⁰³ Konsep ini bersesuaian dengan Firman Allah dari surah an-Nahl ayat 35:

بَلْ هُنَّى لِلرَّسُولِ إِلَّا لِلْعَلْيَنِ ۝

Maksudnya: Maka tiada kewajipan ke atas Rasul-Rasul, selain dari menyampaikan agama Allah dengan terang.

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid telah menggunakan pendekatan dengan memberi penjelasan yang nyata dan terang dalam menerangkan tentang seni bina masjid. Ini dijelaskan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan Putrajaya: “diaorang(pelancong) very grateful...pasal pelancong ni nak tahu every corner of the masjid...nak tahu mihrab tu ape...dia tanya...tempat tu tempat apa...kita

²⁰⁰ Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya. h. 12-19.

²⁰¹ Mohamad Nidzam Abd kadir. (2009). *Fiqah Berinteraksi Dengan Non-Muslim*. Telaga Biru Sdn Bhd. Kuala Lumpur. h.1

²⁰² Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. h. 12-19.

²⁰³ Nurul Akma Ghazali. (2010). *Dakwah Terhadap Pelancong Non-Muslim: Suatu Kajian di Masjid Negara Kuala Lumpur*. h.88-95.

beri penerangan yang jelas dalam Bahasa inggeris... ”²⁰⁴ Kenyataan ini disokong pula oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Putra Encik Raja yang menyatakan “*every explanation kita tentang masjid macam mihrab...dewan solat...ukiran-ukiran tu semua...kita jelaskan pada diaorang(pelancong)...bagi dia tahu lah... ”²⁰⁵* sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Negara turut menyatakan perkara yang sama:

“Ada pelancong yang tanya kenapa kene pakai jubah masuk masjid...kita kene jelaskan kepada mereka dengan penerangan yang jelas agar mereka boleh terima...bagitahu mereka etika ketika masuk ke masjid...adab-adab masuk ke masjid... ”²⁰⁶

Bagi sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Wilayah Persekutuan pula menyatakan bahawa “*I'll tell this is the main door...how high this door? I ask them...to make them know and think...and after that...they will ask more about the masjid...and after that...the explanation will do with the clear explanation... ”²⁰⁷* Dari pernyataan ini, jelas menunjukkan bahawa, penerangan yang jelas dan nyata bagi sesuatu perkara adalah penting agar pelancong mudah tertarik untuk mengetahui tentang Islam.

Pernah pelancong dari masjid kajian ini bertanyakan soalan seperti berikut kepada sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid: “*kenapa orang Islam perlu solat? Mengapa Islam menyuruh orang Islam solat? Siapa yang orang Islam sembah?*”²⁰⁸ Persoalan-persoalan yang begini dijawab oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dengan:

“solat adalah lambang kepada konsep seorang hamba menyembah Tuhan. Ianya adalah sebagai satu cara untuk menunjukkan seorang Islam itu bersyukur terhadap semua pemberiaan Tuhan. Konsep penyembahan ini adalah menyembah Tuhan yang kita tidak nampak akan kewujudan fizikal-Nya tetapi kita yakin Dia ada.”²⁰⁹

²⁰⁴ Temubual bersama Puan Azizah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan, di Masjid Mizan, Putrajaya pada 12 September 2017, pada jam 11.00-1.00tghari.

²⁰⁵ Temubual Bersama encik Raja sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Putra, di Masjid Putra, Putrajaya pada 3 Mac 2016, pada jam 3.00-4.30 petang.

²⁰⁶ Temubual bersama Cik Diana sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016 jam 2.00-3.30 petang.

²⁰⁷ Temubual bersama Encik Bob Borhanuddin iaitu Pengasas Masjid Tour Program Masjid Wilayah, di Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 22 Sept 2016, jam 3ptg - 4.30ptg.

²⁰⁸ Pemerhatian dilakukan pada 11 April 2016 di Masjid Negara Kuala Lumpur.

²⁰⁹ Pemerhatian dilakukan pada 11 April 2016 di Masjid Negara Kuala Lumpur.

Penjelasan yang diberikan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong terhadap soalan yang diajukan adalah nyata dan terang. Penerangan ini menjelaskan sebab disebalik semua tuntutan agama dalam melakukan ibadah ini. Penerangan-penerangan yang jelas dapat menghilangkan kecaburan mereka tentang Islam dan secara tidak langsung dapat memberi satu kefahaman tentang Islam yang sebenar kepada orang bukan Islam.

Dalam mengaplikasikan pendekatan ini, para sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid memberi penjelasan yang jelas kepada pelancong yang datang dalam keadaan yang penuh dengan persoalan tentang Islam iaitu mereka benar-benar hendak memahami tentang Islam dan mendalami Islam. Ini kerana pelancong yang datang kebanyakannya dari mereka hanya ingin melancong dan melihat seni bina sesebuah masjid, dan bukanlah hendak mendengar penerangan tentang Islam, akan tetapi para sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid pandai menggunakan pendekatan ini dengan memberi penerangan tentang seni bina terlebih dahulu kemudian dikaitkan seni bina tersebut dengan ibadah dalam agama Islam. Ini dinyatakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Mizan Putrajaya seperti berikut:

“saya akan terangkan kedudukan masjid itu sendiri yang dibina menghadap ke arah kiblat...saya akan terangkan kenapa ianya dibina menghala ke arah kiblat...kiblat orang Islam iaitu Kaabah...dimana ianya menunjukkan kesatuan hati orang Islam ke arah 1 kiblat yang telah ditentukan kedudukannya...”²¹⁰

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Wilayah juga berpendapat *“such as...this is Mihrab...and then...the tourist will ask...what are they for? We just explain it in simple way...it is for muslim do Ibadah with facing the kaabah...for make them ask more question...this is the opportunity for me to convey about Islam...”*²¹¹

Pendapat ini juga disokong oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Negara yang menyatakan bahawa *“mula dengan terangkan tentang sejarah seni bina*

²¹⁰ Temubual Bersama Puan Azizah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan, di Masjid Mizan, Putrajaya pada 12 September 2017, pada jam 11.00-1.00tghari.

²¹¹ Temubual bersama Puan Nor Azizan Ahmad sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Di Masjid Wilayah Persekutuan, pada 22 Sept 2016, jam 3-4.30ptg.

masjid ni...kenapa masjid perlu ada kubah semua ni...pastu kita selitkan la tentang Islam dalam penerangan tu”²¹² Ini menunjukkan bahawa penerangan tentang seni bina memberi peluang untuk sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid menyampaikan dakwah Islam dengan lebih jelas.

Puan Normah selaku pengasas Program Pemandu Pelancong Masjid juga menjelaskan;

“kalau kita cerita tentang solat...mesti mereka akan tanya kenapa kene solat? kenapa banyak sangat waktu? Jadi macam mana kita nak jawab ni...kita kene bagi penerangan lah sebab kenapa orang Islam perlu solat...yang tanya ni bila dah tahu asas-asas Islam ni lah...rukun-rukun Islam tu”²¹³

Hasil kajian memperlihatkan bagaimana seorang sukarelawan memainkan peranan dalam memberi penerangan yang jelas sehingga dapat menarik minat pelancong untuk mengetahui tentang Islam dengan lebih mendalam.

Ini kerana, sesetangah dari mereka baru tahu penerangan yang jelas tentang Islam yang sebenar setelah berkunjung ke masjid, kerana anggapan mereka selama ini tentang Islam adalah salah dan bertentangan sama sekali. Antara salah anggap pelancong bukan Islam terhadap Islam ialah “*I know about Islam is...Islam is a terrorist religion and all muslim are like to war*”²¹⁴ Kenyataan oleh Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Mizan iaitu Encik Abdul Rahman yang menyatakan bahawa:

“Mereka(pelancong) anggap Islam agama ganas dan kejam suka bunuh-bunu...”²¹⁵

Puan Normah Sulaiman juga menegaskan perkara yang sama “*ada yang kata tentang Islam dalam media...kenyataan mengenai Islam State(IS)...Islam agama pengganas dan*

²¹² Temubual bersama encik Raja di Masjid Putra, Putrajaya pada 3 Mac 2016, jam 3.00- 4.30petang.

²¹³ Temubual bersama Puan Normah Sulaiman. Naib Pengurus Islamic Outreach Abim di Masjid Negara pada 11 April 2016 Jam 11.00-12.30tghari.

²¹⁴ Pemerhatian dilakukan pada 17 Oktober 2016 semasa lawatan ke Masjid Putra, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

²¹⁵ Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

*sebagai ni... ”.*²¹⁶

Salah anggap mengenai Islam ini perlulah diperbetulkan “...ini tempat atau platform untuk mereka tahu tentang Islam yang sebenar...inilah tempatnya(masjid) ... ”.²¹⁷ Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan juga menyatakan bahawa:

*“Berdakwah saya untuk menghilangkan salah faham orang bukan Islam terhadap Islam...saya bagitahu Islam agama yang tidak ganas...semua agama tidak suka ganas...yang ganas dia itulah yang buat sendiri...agama tidak suruh dia bunuh-bunuh...dia bunuh-bunuh sendiri(pengganas itu yang melakukan ke ganasan)... ”.*²¹⁸

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan Putra Putrajaya juga turut berpendapat yang sama:

*“saya akan beritahu bahawa semua agama tidak suka kepada perang, samalah agama Islam juga begitu...mereka yang lakukan kekejaman, perang sana sini tu mengaku agama Islam sebenarnya bukan agama Islam yang sebenar..mereka cume sebahagian orang yang keterlaluan dalam melakukan kerosakan..Islam juga agama yang mementingkan perikemanusiaan... ”.*²¹⁹

Ini menunjukkan bahawa, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid berdakwah dengan cara pendekatan yang sebenar iaitu untuk menghilangkan salah faham orang bukan Islam terhadap agama Islam.

Setelah para sukarelawan pelancong masjid memberi penerangan yang sebenar tentang Islam, barulah mereka tahu kebenarannya. Dari sini menunjukkan bahawa, memberi penerangan tentang Islam secara nyata dan jelas dapat membetulkan salah faham orang bukan Islam terhadap agama Islam.

Ini menunjukkan bahawa, penerangan yang nyata dan jelas sangat penting dalam berdakwah dan kajian juga menunjukkan bahawa para sukarelawan Pemandu

²¹⁶ Temubual bersama Puan Normah Sulaiman. Naib Pengurus Islamic Outreach Abim di Masjid Negara pada 11 April 2016 Jam 11.00-12.30tghhari.

²¹⁷ Temubual bersama Puan Normah Sulaiman. Naib Pengurus Islamic Outreach Abim di Masjid Negara pada 11 April 2016 Jam 11.00-12.30tghhari.

²¹⁸ Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

²¹⁹ Temubual bersama encik Raja sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Putra, di Masjid Putra, Putrajaya pada 3 Mac 2016, pada jam 3.00-4.30 petang.

Pelancongan Masjid telah menggunakan pendekatan yang sangat bersesuaian dalam menyampaikan dakwah kepada pelancong bukan Islam yang datang ke masjid. Pendekatan dengan cara memberi penjelasan yang terang dan nyata dapat menghilangkan salah faham orang bukan Islam terhadap Islam secara tidak langsung dalam dakwah kepada pelancong yang dilakukan diperkarangan masjid.

Ini menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan dengan memberi penjelasan yang nyata dan terang ini sangat penting dan ianya adalah bersesuaian dengan pendekatan dakwah yang telah disarankan dalam buku Metodologi Dakwah karya oleh Abd. Aziz Mohd Zin²²⁰ yang menyarankan bahawa dakwah adalah untuk memberi kefahaman kepada sasaran. Oleh itu, segala pengajaran atau mesej yang disampaikan hendaklah dilakukan dengan komunikasi yang jelas dan terang supaya tiada kekaburuan dan salah faham.

3) Penerangan Sebab Di Sebalik Sesuatu Suruhan Dan Larangan.

Pendekatan ketiga yang telah dilaksanakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid adalah memberi penerangan disebalik sesuatu suruhan dan larangan. Pendekatan memberi penerangan disebalik sesuatu suruhan dan larangan ini tertumpu kepada cara ibadah yang dilakukan oleh orang Muslim.

Kajian mendapati bahawa, pelancong yang datang akan memberi beberapa persoalan tentang perkara yang mereka lihat berlaku dimasjid antaranya ialah ibadah. Terdapat dikalangan orang muslim yang datang ke masjid untuk melakukan solat dan pelancong yang datang berkunjung akan diberi kesempatan untuk melihat dan merasai sendiri cara solat orang muslim. Ini dinyatakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Wilayah Persekutuan “*All of the ibadah in Islam...such as solah...we have the chart to explain to them...and we can have bought them to see muslim pray or...if they*

²²⁰ Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya. h. 12-19

want to try to do a wuduk and solah...we can also help them... ”²²¹ Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan turut menyatakan perkara yang sama:

“Saya akan bagi dia ikut cara solat kalau mase tu orang tu(pelancong) datang waktu solat. Dia akan seronok dapat ikut orang solat...sebab pertama kali dia buat...solat yang tak pernah buat selama ni... ”²²²
Njj;hJnlhlnnhkhnkfhfmglhnhkgkglhjkjkk;h

Apabila pelancong merasai sendiri pengalaman melakukan solat mereka akan mudah tertarik dan akan bertanya dengan lebih lanjut mengenai Islam. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan menyatakan lagi “*Mereka ada yang kata rase tenang dapat ikut solat dengan ketua dalam solat (Imam)...ada yang akan tanye kenapa solat ada sorang ketua kat depan yang lain kat belakang? Perempuan lagi jauh kat belakang...kenapa?*”²²³

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan berpendapat bahawa dengan cara menerangkan sebab disebalik sesuatu suruhan dan larangan itu akan lebih membuka minda pelancong bukan Islam terhadap agama Islam. Puan normah berpendapat “*...saya bagitahu juga sebab kene solat itu sebagai worship kita kpd Tuhan...adalah satu pertalian kita dengan Tuhan...setiap muslim tu kene obay suruhan Tuhan dia...untuk elak lakukan dosa...*”²²⁴ Pendapat ini juga disokong oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan, Putrajaya yang menyatakan “*yang tak tutup aurat(pelancong) tu...kita suruh dia tutup aurat... pakaikan dia jubah...ni tempat suci...tempat tuk ibadah kepada tuhan...Tuhan suruh tutup aurat untuk kita lebih focus beribadah... jadi kene tutup aurat...kita explain la sebab ape kene*

²²¹ Temubual bersama Encik Bob Borhanuddin iaitu Pengasas Masjid Tour Program Masjid Wilayah, di Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 22 Sept 2016, jam 3ptg - 4.30ptg.

²²² Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

²²³ Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

²²⁴ Temubual bersama Puan Normah Sulaiman. Naib Pengurus Islamic Outreach Abim di Masjid Negara pada 11 April 2016 Jam 11.00-12.30tghhari.

tutup aurat... ”²²⁵ Ini menunjukkan bahawa, penerangan disebalik sesuatu suruhan dan larangan itu penting supaya dapat menjelaskan tentang suruhan agama Islam itu ada hikmahnya.

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid pernah disoal tentang konsep ketuhanan oleh seorang pelancong atheist iaitu tidak mempunyai atau mempercayai agama, maka jawapan yang telah diberi oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid adalah dengan menggunakan logik akal seperti begini:

“jika seseorang telah memberikan kamu nyawa, kehidupan, kekayaan, rezeki dan makanan, apakah yang harus kamu lakukan untuk menunjukkan kamu berterima kasih kepada orang itu? Mesti kamu akan lakukan sesuatu untuk membala segala jasa dia pada kamu. Dan begitulah cara seorang muslim menunjukkan rasa berterima kasih kepada Tuhan atas segala pemberian-Nya seperti nyawa, kehidupan, kekayaan, rezeki dan makanan. Maka seorang muslim menzahirkan rasa berterima kasih kepada Tuhan dengan melakukan solat lima kali sehari. Bahkan dengan melakukan solat juga belum cukup untuk kita membala segala jasa Tuhan itu.”²²⁶

Ini menunjukkan bahawa, pendekatan dengan memberi penerangan terhadap sesuatu suruhan dan larangan itu adalah sangat penting kerana pelancong yang datang dengan persoalan perlulah pulang dengan persoalan yang telah terjawab beserta penjelasan yang terang tentang mengapa dan sebab orang Islam perlu lakukan ibadah dan sebagainya. Kenyataan ini disokong oleh Pengasas Program Pemandu Pelancong Masjid, Puan Normah iaitu “*ceritakan tentang Islam...tapi nyatakan tentang Islam secara jelas...bila dia faham...dia balik...ada sesuatu yang dia dapat...bila dia melangkah pergi tu... kita dah sampaikan walaupun sedikit...ada impak yang dia dapat...itu yang kita nak...*”²²⁷

Selain dari itu, pendekatan ini juga telah dilaksanakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong yang mempunyai salah anggap tentang Islam dan

²²⁵ Temubual bersama Puan Azizah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan, di Masjid Mizan, Putrajaya pada 12 September 2017, pada jam 11.00-1.00tghhari.

²²⁶ Temubual bersama Cik Diana sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016 jam 2.00-3.30 petang.

²²⁷ Temubual bersama Puan Normah Sulaiman. Naib Penggerusi Islamic Outreach Abim di Masjid Negara pada 11 April 2016 Jam 11.00-12.30tghhari.

mereka ingin tahu tentang Islam dengan lebih mendalam. Contohnya seperti seorang pelancong yang bertanya tentang mengapa orang Islam lelaki solat dihadapan dan wanita pula solat dibahagian belakang? Adakah ini menunjukkan diskriminasi terhadap wanita?²²⁸ Maka jawapan yang telah diberi oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid adalah:

“Saya akan menghuraikan secara lebih mendalam tentang pergerakan dalam solat dan mengaitkan pergerakan tersebut dengan logik akal contohnya seperti dalam solat, umat Islam perlu melakukan ruku ‘dan sujud. Apa yang akan berlaku jika wanita melaksanakan ruku ‘dan sujud di hadapan lelaki di mana lelaki boleh melihat belakang mereka? Mungkin kita manafikan bahawa apa-apa tidak akan berlaku, tetapi dalam hati kita? jika anda adalah seorang lelaki anda tahu apa yang akan berlaku kepada anda.”²²⁹

Ini menunjukkan bahawa penerangan bagi sesuatu suruhan untuk lelaki solat dihadapan dan wanita solat dibahagian belakang terjawab dengan penerangan secara logik akal yang diterangkan bagi menghilangkan salah anggap mereka terhadap ibadah solat yang dilakukan oleh orang Islam.

Pendekatan ini adalah bersesuaian dengan kaedah yang telah dibincangkan oleh Abd Aziz Mohd Zin yang menyatakan bahawa segala suruhan dan larangan dalam Islam adalah untuk faedah pengikutnya, sama ada faedah jangka pendek atau jangka panjang. Sesuatu suruhan atau larangan selalunya diselitkan dengan sebab-sebab yang perlu dijelaskan. Allah yang bersifat Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui menyuruh atau milarang manusia berdasarkan kebaikan untuk makhluk-Nya. Allah tidak menyuruh, milarang dan mengenakan sesuatu atas makhluk-Nya secara sia-sia.²³⁰

²²⁸ Pemerhatian dilakukan pada 22 Sept 2016 semasa lawatan ke Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

²²⁹ Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

²³⁰ Ab. Aziz Mohd Zin. 2001. Metodologi Dakwah. Penerbit Universiti Malaya. h. 12-19.

4) Mengajak bukan Islam berbicara mengenai agama.

Pendekatan dengan cara mengajak bukan Islam berbicara mengenai agama ini adalah sangat bagus dipraktikkan. Dari penelitian pengkaji, para sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid telah melaksanakan pendekatan ini kepada para pelancong yang ingin mengetahui tentang Islam dengan lebih mendalam. Pendekatan ini dimulakan dengan memberi penerangan tentang senibina masjid kemudian kaitkan rekabentuk itu dengan senibina yang ada di negara mereka. Kemudian para sukarelawan mengemukakan beberapa soalan yang berkaitan dengan masjid yang pernah pelancong lihat yang mungkin berada di negara mereka. Ini dinyatakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan bahawa:

“Mula-mula saya akan tanya mereka pernah tengok masjid tak? Atau pun tanya mereka pernah masuk ke masjid sebelum ini? Saya akan beri penerangan dari segi seni bina...kaitkan dengan Tuhan... kita semua manusia adalah sama, tidak ada beza. Pencipta kita adalah satu...mana mungkin pencipta awak dan saya adalah tuhan yang lain? Saya akan mula membuka bicara tentang tuhan yang satu itu adalah Allah. Tuhan bagi orang Islam adalah Allah, mereka akan bertanya tentang siapa itu Allah? Ini akan membuka ruang dakwah... ”²³¹

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid juga telah menggunakan pendekatan ini dengan berbual tentang agama mereka dan mencari persamaan diantara agama mereka dan agama Islam. Contoh yang dapat dihuraikan disini seperti mengenai Nabi Isa, jika pelancong itu beragama Kristian dia mempercayai Nabi Isa sebagai anak Tuhan, maka seorang sukarelawan yang bijaksana akan menghuraikan bagaimana Islam juga mempercayai Nabi Isa, tetapi agama Islam mempercayai Nabi Isa hanyalah sebagai seorang utusan Allah iaitu sebagai Rasul yang menyampaikan ajaran Allah kepada seluruh umat manusia, sedangkan mereka mempercayai Nabi Isa lebih dari itu iaitu sebagai anak Tuhan. Ini dijelaskan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan Putrajaya yang menyatakan bahawa,

²³¹ Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

“Pendekatan bagi orang kristian, saya tahu dia kristian melalui dia tanya tentang Jesus dan Muhammad....saya akan bagitahu dia...kita dari agama yang sama iaitu Tuhan yang satu, saya akan masukkan perbandingan agama, saya bagitahu pasal Allah itu beza dengan Tuhan yang lain....tidak sama dengan tuhan-tuhan mereka yang agama budha ke...tapi kristian agama yang hampir dengan Islam tapi tak sama...dari segi percaya...Islam kita sembah Tuhan Allah, tapi kristian sembah anak kepada Tuhan atau Jesus itu Tuhan...Islam we are worship the Creator... ”²³²

Pendekatan ini hanya dilakukan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid yang tahu Ilmu Perbandingan Agama sahaja. Dari sini sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid akan mula menyampaikan kebenaran Islam yang berkonseptan Tuhan Yang Satu yang mana berbeza dengan konsep yang diamalkan oleh agama Kristian iaitu Konsep Triniti (Tuhan Tiga).

Bagi Puan Normah pula, beliau menyatakan pendapat yang berbeza bahawa *“Kalau kita nak sampaikan comparative agama...kita kene tahu...kalau tak tahu...kita jangan sampaikan sesuatu yang kita tak faham...akan wujud salah faham pula...”* Pendapat ini juga disokong oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Wilayah Persekutuan *“saya tak bandingkan agama Islam dengan agama lain sebab...bagi saya...saya cuma menyampaikan tentang Islam...tak perlulah kita sebut tentang agama lain... ”²³³*

Ini menujukkan bahawa sebahagian sahaja sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid yang membuat perbandingan agama. Iaitu sukarelawan yang mempunyai latar belakang perbandingan agama. Pendekatan ini bersesuaian dengan konsep yang telah dibawa oleh Dr. Danial²³⁴ yang berpendapat bahawa antara satu teknik yang efektif dalam menyampaikan dakwah dalam berbicara mengenai agama ini adalah dengan mencari persamaan berdasarkan akidah.

²³² Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

²³³ Temubual bersama Puan Nor Azizan Ahmad sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Di Masjid Wilayah Persekutuan, pada 22 Sept 2016, jam 3-4.30ptg.

²³⁴ Danial Zainal Abidin. *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden. Edisi Kedua.* PTS Publications & Distributors Sdn Bhd. 2003.68-71.

Sebahagian lagi sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid telah melaksanakan dakwah dengan hanya menerangkan tentang kelebihan agama Islam tanpa membuat perbandingan agama. Ini kerana, ianya agak sensitif jika diaplikasikan terhadap pelancong yang kuat beragama dengan agama mereka. Untuk mengelakkan berlaku sebarang salah faham, maka sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid akan mengeleksan bertanya tentang perkara yang bersangkutan dengan agama lain.

Oleh itu, dapatan kajian membuktikan bahawa, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid telah melaksanakan empat pendekatan dakwah kepada pelancong bukan melalui lisan.

3.3.2 Dakwah Bil Hal

Pendekatan yang kedua yang telah dilaksanakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam dakwah kepada pelancong bukan Islam adalah dengan perbuatan atau hal. Dalam berdakwah melalui perbuatan atau hal, terdapat beberapa pendekatan yang telah dilaksanakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid. Antaranya ialah:

1) Akhlak sebagai contoh teladan yang baik.

Akhlik adalah sebahagian dakwah yang hanya dilakukan secara senyap tetapi tetap memberikan impak yang positif dalam perkembangan dakwah Islamiah. Ini terbukti dengan akhlak junjungan tercinta Rasulullah S.A.W. yang sentiasa mulia dan dipandang tinggi oleh umat Islam dalam menyebarkan dakwah.

Kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid telah menunjukkan akhlak sebagai contoh teladan yang baik terhadap pelancong bukan Islam. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Wilayah telah menunjukkan contoh yang baik ketika pelancong datang dengan membawa pelbagai

persoalan yang boleh mencabar keimanan seorang Muslim. Pernyataan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Negara tersebut seperti berikut:

“Pernah saya ditanya tentang Tuhan...mengapa Tuhan tidak adil beri manusia kehidupan yang tak sama rata? Manusia ada yang hidup senang ada yang hidup susah. Kalau tuhan itu baik, kenapa beri manusia hidup susah? Berilah semua manusia hidup mewah dan senang...? Saya tak melenting atau marah bila ditanya tapi...saya jawab pertanyaan tu dengan penuh hati-hati...supaya pelancong tu tidak tersalah fikir...saya pun tak tersalah jawab...”²³⁵

Pernyataan diatas turut disokong oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Putra, Putrajaya yang menyatakan bahawa “*kita kene jadi contoh kepada mereka tentang sikap baik orang Islam kepada mereka...akhlak kita kene bagus kepada mereka...*”.²³⁶ Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Wilayah Persekutuan turut menyatakan perkara yang sama “*also in attitude every day we try to do good akhlak...every tourist comes here to know about Islam...1st we must show a good attitude...*”²³⁷ Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Negara turut menyatakan akhlak juga sebagai satu contoh dakwah kepada pelancong bukan Islam “*kita menyampaikan sesuatu dari akhlak kita atau percakapan kita...akhlak kita memang jadi satu contoh yang baik kepada pelancong...kalau kita tak dapat nak sampaikan ape-ape mungkin sebabkekangan bahasa...kita cuba juga senyum pada mereka...*”.²³⁸

Melalui pernyataan sukarelawan tersebut menunjukkan bahawa, para sukarelawan perlu sentiasa menunjukkan akhlak yang baik apabila berhadapan dengan pelancong bukan Islam. Disini juga menunjukkan bahawa pentingnya akhlak dan perilaku yang sopan walaupun agama Islam dikritik. Seorang sukarelawan perlu berhati-hati dalam

²³⁵ Temubual bersama Cik Diana sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 September 2016 jam 2.00-3.30 petang.

²³⁶ Temubual bersama Encik Muhammad Amin Tong sebagai Pembantu Pelancongan di Masjid Putra Putrajaya, pada 18 Oktober 2016, jam 4.00-5.30 petang. Beliau juga merupakan seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bermula dari tahun 2014.

²³⁷ Temubual bersama Encik Bob Borhanuddin iaitu Pengasas Masjid Tour Program Masjid Wilayah, di Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 22 Sept 2016, jam 3ptg - 4.30ptg.

²³⁸ Temubual bersama Cik Diana sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 September 2016 jam 2.00-3.30 petang.

menyampaikan sesuatu berkaitan Islam terhadap orang bukan Islam.

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Negara juga turut menunjukkan akhlak dan perlakuan yang baik terhadap pelancong bukan Islam yang datang ke masjid. Antaranya dalam memberi teguran yang baik kepada pelancong yang tidak begitu peka terhadap peraturan memasuki masjid. Pernyataan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Negara iaitu Cik Diana adalah seperti berikut:

“Pelancong buka kasut masa masuk masjid lepas saya tegur...tapi dia gantungkan kasut tu pada belakang beg galas dan bawa masuk beg galas sama kasut yang digantung tu...Kita tak marah dia... tegur elok-elok la...tapi beritahu kenapa tak boleh bawa masuk kasut ke dalam kawasan masjid... ”²³⁹

Berdasarkan penjelasan tersebut, menunjukkan interaksi antara sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dengan pelancong tidak mewujudkan salah faham atau perbalahan kerana teguran dengan cara lemah lembuh dan penuh hikmah telah dilakukan bagi menjaga hati pelancong agar tidak terguris dengan teguran tersebut.

Selain itu, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Putra pula menceritakan pengalamannya seperti berikut:

“kat masjid ni(masjid Putra) dari depan tu kan semua pelancong masuk pakai kasut jalan terus jer smpai kat depan ni...pastu dia terus jer masuk ke masjid tanpa buka kasut...kalau perasan kat tangga masuk ni dah letak sticker suruh tanggal kasut...diaorang ni(pelancong) kadang-kadang tu tak perasan...jadi kita bagitahu dia elok-elok...kat kawasan mana jer boleh pakai kasut... jangan malukan dia...”²⁴⁰

Berdasarkan pernyataan tersebut, selain dapat menunjukkan contoh perbuatan dan akhlak yang baik kepada orang bukan Islam, ianya secara tidak langsung akan membuka ruang untuk pelancong bukan Islam memberikan pandangan yang positif terhadap agama Islam serta keseluruhan umat Islam di Malaysia umumnya.

Pendekatan dengan menunjukkan akhlak sebagai contoh teladan yang baik ini

²³⁹ Temubual bersama Cik Diana sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016 jam 2.00-3.30 petang.

²⁴⁰ Temubual bersama Encik Raja di Masjid Putra, Putrajaya pada 3 Mac 2016, jam 3.00- 4.30petang.

selari dengan pendekatan yang telah disarankan oleh Abdullah Muhammad Zin et. al²⁴¹ yang menyatakan bahawa akhlak seorang pendakwah adalah aset penting dalam menyampaikan dakwah Islam kepada orang bukan Islam.

2) Penampilan-Berpakaian Kemas dan Sesuai

Berpenampilan kemas dan nampak menarik adalah sangat dititikberatkan oleh syariat Islam bagi seorang pendakwah. Seorang pendakwah yang pandai menyesuaikan penampilan dengan dakwah yang dibawa akan memberi hasil yang positif terhadap dakwahnya.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid telah menunjukkan penampilan yang baik seperti berpakaian kemas dan bersih ketika melaksanakan dakwah diperkarangan masjid. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Negara berpendapat bahawa dengan berpakaian kemas dan sesuai mampu menarik perhatian pelancong untuk mudah mendekati sukarelawan. Beliau berpendapat bahawa, pakaian memainkan peranan dalam membantu memberikan imej yang baik kepada keseluruhan umat Islam. Beliau berpendapat seperti berikut:

“Semua orang nak lihat yang cantik dan indah...sebab tu jugalah mereka datang ke masjid yang tersergam indah ini...untuk melihat keindahannya...sama juga dengan kita yang menyambut mereka datang... perlulah nampak cantik dan sedap mata memandang...betul tak?... (senyum)...”²⁴²

Pendapat ini turut disokong oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Mizan Putrajaya iaitu Encik Abdul Rahman yang menyatakan bahawa “...kalau kita pakai yang bagus dan kemas juga boleh jadi satu dakwah kepada mereka...kita pakai tutup aurat...ade yang tanya kenapa Islam suruh tutup kepala...kenapa kene tutup? Kita

²⁴¹ Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat & Ideris Endot. 1980. h 280-290.

²⁴² Temubual bersama Cik Diana sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016 jam 2.00-3.30 petang.

bagitahulah... ”²⁴³ Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bagi Masjid Putra juga berpendapat “bagi saya, peluang untuk kita berdakwah kepada mereka, ada banyak cara...salah satunya...dari pakaian kita...kita tutup aurat...pakai cantik...boleh berasikeyakinan kepada mereka...”²⁴⁴

Ini menunjukkan bahawa, dengan berpakaian yang kemas dan sesuai boleh menjadi satu platform untuk kita menyampaikan dakwah Islam kepada pelancong bukan Islam. Selain itu juga, dengan berpenampilan kemas dan sesuai adalah satu daripada syariat Islam yang kita boleh kaitkan dengan dakwah kepada pelancong. Ini kerana, dengan mengenakan pakaian yang kemas beserta haruman yang wangi akan membuatkan pelancong lebih mesra dan mudah untuk berinteraksi. Secara tidak langsung, ini dapat memberikan satu kelebihan kepada sukarelawan untuk menyampaikan dakwah apabila mereka mudah untuk didekati.

Pendekatan ini bersesuaian dengan teori dakwah yang telah dibawa oleh Ab. Aziz dalam buku Metodologi Dakwah yang membincangkan tentang penampilan seorang pendakwah yang boleh menjadi satu medium dalam berdakwah kepada orang bukan Islam.²⁴⁵

3) Bermanis Muka dan Tutur Kata

Dalam menjalankan dakwah, seorang pendakwah yang berjaya akan menjaga tutur kata yang baik dan akan sentiasa bermanis muka. Perkataan yang harus meniti dibibir seorang pendakwah adalah perkataan yang baik-baik dan sopan.

Dapatkan dari kajian menunjukkan bahawa, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid telah memberi senyuman dan sapaan yang mesra kepada pelancong untuk

²⁴³ Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

²⁴⁴ Temubual Bersama Encik Muhammad Amin Tong sebagai Pembantu Pelancongan di Masjid Putra Putrajaya, pada 18 Oktober 2016, jam 4.00-5.30 petang. Beliau juga merupakan seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bermula dari tahun 2014.

²⁴⁵ Ab. Aziz Mohd Zin. Metodologi Dakwah. 2001. h 230-235.

menunjukkan mereka dihargai apabila baru tiba di masjid. Ini dijelaskan oleh cik Diana sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Negara yang menyatakan bahawa “*kalau kita tak dapat nak sampaikan ape-ape mungkin sebab kekangan Bahasa... kita cuba juga senyum pada mereka...*”²⁴⁶

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan Putrajaya juga menyatakan perkara yang sama “*pelancong boleh cakap Bahasa Inggeris memang legalah kan...boleh la kita bawa...sambil bercakap-cakap...bersempang-sempang...sambil tu jaga jugak tutur kata kita tu...jangan cakap yang sensitif...*”²⁴⁷ Encik Muhammad Amin Tong sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Putra, Putrajaya juga berpendapat “*...kita puji dia datang dari negara mana? Puji negara dia....kata negara dia bagus...tanya negara dia ada masjid juga ker? pernah pergi masjid di negara dia ker? kemudian barulah terangkan tentang masjid kita...*”²⁴⁸ Puan Azizan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Wilayah Persekutuan turut menyatakan bahawa “*we all sambut kedatangan pelancong ni dengan...orang kata...kita beri sambutan yang paling baik lah...hargai mereka...ucap terima kasih pada mereka sebab datang...*”²⁴⁹

Ini menunjukkan bahawa dengan menunjukkan sikap menerima dan menghargai kedatangan pelancong dengan cara yang paling baik adalah menjadi satu perkara yang mesti dilakukan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam melaksanakan dakwah terhadap pelancong bukan Islam.

Ini dapat dilihat sendiri oleh pengkaji apabila melawat ke masjid tersebut. Dari pemerhatian pengkaji juga, sukarelawan ini sangat murah dengan senyuman dan tidak pernah lekang dari bibir mereka untuk memberikan teguran yang membuatkan

²⁴⁶ Temubual bersama Cik Diana sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016 jam 2.00-3.30 petang.

²⁴⁷ Temubual Bersama Puan Azizah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan, di Masjid Mizan, Putrajaya pada 12 September 2017, pada jam 11.00-1.00tgħħari.

²⁴⁸ Temubual Bersama Encik Muhammad Amin Tong sebagai Pembantu Pelancongan di Masjid Putra Putrajaya, pada 18 Oktober 2016, jam 4.00-5.30 petang. Beliau juga merupakan seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bermula dari tahun 2014.

²⁴⁹ Temubual bersama Puan Nor Azizan Ahmad sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Wilayah Persekutuan, pada 22 Sept 2016, jam 3.00-4.30ptg.

pelancong turut tersenyum seperti contohnya: “*hi, welcome to our mosque, feeling tired with weather now look very jealous with your holiday....*”²⁵⁰ Ini adalah salah satu contoh ayat gurauan sukarelawan ketika menyambut kedatangan pelancong.

Ini membuktikan bahawa, dalam menyampaikan dakwah memerlukan kepada tutu kata dan gurauan yang bersesuaian untuk mewujudkan suasana yang lebih selesa. Pendekatan ini bersesuaian dengan konsep dakwah yang disarankan oleh Burhanuddin Abdullah²⁵¹ yang menyatakan bahawa, dakwah yang dilakukan dalam keadaan bersahaja dan tidak terlalu formal akan mewujudkan suasan selesa bagi sasaran dakwah untuk terus mendengar dakwah yang disampaikan.

4) Peramah dan Pandai Mengambil Hati.

Sikap peramah adalah sikap yang paling disukai orang ramai kerana dengan bersikap ramah akan membuatkan orang mudah untuk mendekati kita. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid telah menunjukkan sifat ramah dan pandai mengambil hati pelancong. Sifat ramah adalah satu sifat yang tidak ada pada semua orang. Adalah satu kelebihan jika sukarelawan tersebut pandai mengambil tumpuan para pelancong untuk terus mendengar apa yang hendak disampaikan oleh sukarelawan. Sukarelawan akan menggunakan cara percakapan yang tidak formal dan lebih bersahaja untuk menyampaikan dakwah supaya suasana akan lebih mesra. Contoh seperti “*saya belajar untuk cakap dengan bersahaja daripada cakap secara formal...sebab dari pengalaman saya sendiri la kan...diaorang ni tak suka kalau kita cakap macam berucap...mereka suka kita berseloroh la kata...tak bosan...*”²⁵²

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Mizan turut menyokong

²⁵⁰ Pemerhatian dilakukan pada 22 Sept 2016 semasa lawatan ke Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

²⁵¹ Burhanuddin Abdullah. *Satu Kajian Konseptual Menurut al-Quran dan al-Sunnah. Dalam Prnsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat, Ideris Endot. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. 1998. h 63-72.

²⁵² Temubual bersama Cik Diana sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016, jam 2.00-3.30 petang.

pernyataan tersebut dengan “*kita kene pandai tackle dia la...kita tanya why u come here? Bila dia kata baru kita explain...diorg datang tu nak merasa keadaan dalam masjid...nak masuk...nak tengok...what is inside...diaorang curious la...jadi masuk jer...tengok-tengok kosong...it's nothing...masukkan konsep ketuhanan...tauhid... ”*²⁵³. Ini menunjukkan bahawa, pendekatan ini mampu membuka ruang untuk sukarelawan menyampaikan dakwah kepada pelancong bukan Islam.

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Wilayah juga pandai membuatkan pelancong sudi hendak mendengar apa yang hendak disampaikan setelah memberitahu mereka bahawa penerangan itu tidak perlu dibayar, mereka hanya perlu mendengar dan membuka ruang untuk mereka bertanya dan berinteraksi. Contoh seperti: “*...this talk is free...nothing you must pay...or u want to pay after listening...must pay with your questions... ”*²⁵⁴. Ini adalah salah satu gurauan yang telah digunakan oleh sukarelawan untuk menarik perhatian pelancong untuk terus mendengar penerangan yang hendak disampaikan.

Pendekatan dengan bersifat peramah dan pandai mengambil hati ini bersesuaian dengan pendekatan dakwah yang telah dibincangkan oleh Ab. Aziz Mohd Zin ²⁵⁵ yang menghuraikan bahawa pendakwah perlu ada sifat peramah untuk berdakwah.

5) Layanan Yang Baik

Memberi layanan yang baik kepada orang bukan Islam akan memberi kesan yang positif disamping dapat menghapuskan salah anggap dan pandangan negatif orang bukan Islam terhadap agama Islam. Di samping itu akan memudahkan dakwah Islam disampaikan kepada mereka kerana anggapan yang tidak benar mengenai Islam telah dihakis sedikit demi sedikit.

²⁵³ Temubual Bersama Puan Azizah, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan, di Masjid Mizan, Putrajaya pada 12 September 2017, pada jam 11.00-1.00tghari.

²⁵⁴ Temubual bersama Encik Bob Borhanuddin iaitu Pengasas Masjid Tour Program Masjid Wilayah, di Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 22 Sept 2016, jam 3ptg - 4.30ptg.

²⁵⁵ Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. h 230-235.

Kajian menunjukkan bahawa sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid telah mengaplikasikan pendekatan dengan memberi layanan yang baik kepada pelancong bukan Islam. Ini dijelaskan oleh Encik Muhammad Amin Tong yang bertugas sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Putra Putrajaya yang menyatakan “*Pernah saya lakukan pada pelancong yang berminat tentang Islam kita akan beri layanan kepada dia dan kita bawa dia ke bawah sini*(perpustakaan Masjid Putra) atau *ke tempat yang sesuai...kita bagi keselesaan kepada dia... jika kita mampu kita berikan dia air minuman miniral...*”.²⁵⁶ Kenyataan ini turut disokong oleh Cik Diana sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Negara yang menyatakan bahawa “*bantu mereka ambil gambar...kalau masjid ada sediakan air...kita beri air...beri layanan yang baik kepada mereka...paling penting kita buat dia rase selesa...*”.²⁵⁷ Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan juga berpendapat yang sama iaitu “*layanan kita pada mereka ni(pelancong) mestila kene baik...sama macam kita la...kalau kita pergi mana-mana tempat mesti kita nak tengok orang kat tempat tu ok ker tak kan...?*”²⁵⁸ kenyataan ini turut disokong oleh Encik Bob Burhanuddin sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Wilayah yang menyatakan bahawa “*ade student dari Jepun...diorang datang sini...we invite them here...we give makan-makan and talk also...about islam...we do threat them as a special visitors...*”²⁵⁹ Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan menyatakan cara layanan yang mereka berikan kepada pelancong iaitu: “*seperti biasa saya akan pakaikan dia(pelancong) jubah sebab dia tak tutup aurat, disini kami akan membantu*

²⁵⁶ Temubual Bersama Encik Muhammad Amin Tong sebagai Pembantu Pelancongan di Masjid Putra Putrajaya, pada 18 Oktober 2016, jam 4.00-5.30 petang. Beliau juga merupakan seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bermula dari tahun 2014.

²⁵⁷ Temubual bersama Cik Diana sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016, jam 2.00-3.30 petang.

²⁵⁸ Temubual bersama Puan Nor Azizan Ahmad sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Di Masjid Wilayah Persekutuan, pada 22 Sept 2016, jam 3-4.30ptg.

²⁵⁹ Temubual bersama Encik Bob Borhanuddin iaitu Pengasas Masjid Tour Program Masjid Wilayah, di Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 22 Sept 2016, jam 3ptg - 4.30ptg.

*pelancong memakai jubah... ”.*²⁶⁰ Puan Azizah juga sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan turut menyokong seperti berikut “*kalaup dia tunjuk nak ke tandas atau tempat ambil wuduk...dia guna bahasa isyarat sebab tak boleh berbahasa Inggeris...saya tunjuk isyarat tandas...dia angguk-angguk...saya fahamla kan... saya bawa la dia...saya entertain dia... ”.*²⁶¹ Ini menunjukkan bahawa, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid mempunyai pendekatan tersendiri untuk memberi layanan yang baik terhadap pelancong yang datang melawat ke masjid. Antaranya dengan menolong pelancong mengambil gambar, menunjuk arah dan membawa pelancong ke tandas serta memberi minuman kepada pelancong yang datang ke masjid sebagai satu layanan baik kepada mereka supaya kedatangan mereka rasa disambut.

Di Masjid Wilayah, pendekatan ini lebih mudah untuk dilakukan kerana mereka menerima pelancong dalam jumlah yang tidak ramai dan mereka dapat menumpukan perhatian kepada pelancong yang datang dengan lebih fokus. Dengan jumlah lawatan pelancong dari 7 hingga 8 orang sekali lawatan, para sukarelawan dapat membuat sesi soal jawab kepada pelancong dan dapat membuka ruang untuk mereka memberikan pendapat terhadap layanan yang diberi kepada mereka dalam aktiviti pelancongan mereka ke masjid.

Ini menunjukkan bahawa, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid sangat mengambil berat tentang memberi layanan yang baik kepada pelancong bukan Islam kerana pendekatan ini akan membuka ruang-ruang untuk menyampaikan dakwah Islam.

Selain itu, pendekatan dengan membantu pelancong juga sebagai salah satu cara memberi layanan yang baik. Ini dinyatakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid, Masjid Negara yang menyatakan bahawa “*di masjid ni kita bantu pelancong untuk memakai jubah...bila kita pakaikan...kita akan rasa kita lebih rapat*

²⁶⁰ Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

²⁶¹ Temubual Bersama Puan Azizah, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan, di Masjid Mizan, Putrajaya pada 12 September 2017, pada jam 11.00-1.00tghhari.

dan lebih mudah untuk kita menyampaikan... ”.²⁶² Pendapat ini juga disokong oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan Putrajaya yang menyatakan bahawa “*kadang tu dia(pelancong) datang dia nak amik gambar...dia tunjuk-tunjuk dalam masjid...kita pun tunjukkan la which part untuk ambil gambar yang menarik....kita tolong la ambilkan gambar tuk dia...ada tu saya dah tolong ambil gambar lepas tu baru dia nak tanya pasal masjid dan Islam... ”.²⁶³*

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa memberi layanan yang baik adalah sangat penting kerana dakwah dengan perbuatan akan lebih bermakna jika pelancong seperti rasa dihargai kedatangan mereka ke masjid.

Kenyataan di atas turut dipersetujui oleh Puan Normah Sulaiman iaitu Pengasas Program Dakwah Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid yang menyatakan:

“sebenarnya, teknik dakwah yang paling bagus untuk disampaikan kepada pelancong ni sebenarnya adalah akhlak dan tingkahlaku yang baik yang ditunjukkan oleh kita kepada orang bukan Islam...dari pengalaman saya sendiri...selama lebih 10 tahun menjadi sukarelawan...ada pelancong yang datang semula ke masjid dan dia masih ingat saya setelah lebih beberapa tahun...dia datang ke masjid mencari saya...saya memang tak dapat ingat siapa sebab kita melayan ramai pelancong...tetapi apa yang dia katakan buat saya terkejut...dia datang mencari saya...kerana dulu ketika dia pertama kali datang ke sini...saya telah memberikan layanan yang baik...dan kali ni dia datang dia membawa anak perempuan dia pula untuk berjumpa saya...hidayah ni milik Allah...”

Ini membuktikan bahawa dakwah dengan memberikan layanan yang baik amat penting dan jika dilakukan dengan hati yang ikhlas ianya akan memberi kesan kepada hati orang yang mendengar.

Dapatan juga menunjukkan bahawa pendekatan dengan layanan yang baik adalah satu pendekatan dakwah yang paling praktikal. Ini kerana pelancong yang datang akan rasa berpuas hati dengan lawatan mereka ke masjid yang dapat dipenuhi dengan pengisian tentang sesuatu yang baru dan mendapat layanan yang istimewa dari

²⁶² Temubual bersama Cik Diana sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016, jam 2.00-3.30 petang.

²⁶³ Temubual Bersama Puan Azizah, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan, di Masjid Mizan, Putrajaya pada 12 September 2017, pada jam 11.00-1.00tghari.

sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid. Pengalaman begini akan membuka minda pelancong bukan Islam dan diharap dapat membuka pintu hidayah untuk mereka menerima Islam.

3.3.3 Dakwah Bil Kitabah

i) Bahan Bercetak

Dakwah dengan risalah²⁶⁴ juga adalah satu daripada bentuk pendekatan dakwah yang dapat menarik perhatian pelancong. Risalah boleh berbentuk helaian kertas atau bahan bercetak yang ringkas yang dapat memberi penerangan tentang apa yang hendak disampaikan.

Dakwah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid melalui risalah boleh terbahagi kepada dua bahagian. Iaitu:

1) Al-Quran

Bahagian yang pertama adalah berdakwah melalui al-Quran. Di beberapa buah masjid didalam kajian ini terdapat al-Quran yang diterjemahkan dengan pelbagai bahasa antaranya Bahasa Jepun, Bahasa Korea, Bahasa Cina (Mandarin dan Kantonis), Bahasa Thailand, Bahasa Italy, Bahasa India(Tamil) dan pelbagai lagi. Para pelancong yang datang berkesempatan untuk melihat, menyentuh dan membaca sendiri al-Quran yang diterjemahkan ini. Ini dijelaskan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Negara yang menyatakan bahawa “*dia(pelancong) tanya tentang al-quran...saya ambil al-quran dan tunjuk pada dia...apa yang ada dalam al-quran...saya beritahu tentang al-quran...saya bacakan ayatnya...dia bacakan maksud ayat...dia mula tanya apa sebenar ayat tu cerita pasal ape... ”.*²⁶⁵ Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan

²⁶⁴ Abdul Karim Zaidan. (1980). *Usul al-Da’wah*. h. 280-283.

²⁶⁵ Temubual bersama Cik Diana sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016, jam 2.00-3.30 petang.

juga mengutarakan perkara yang sama “*saya ada dtg pelancong tu...dia nak tahu apa hebat al-quran...saya buka al-Quran tu...tunjuk pada dia...dia kata dia tak tahu baca...saya kata jangan baca yang kamu tak tahu baca...baca yang kamu tahu(terjemahan)...dia baca dan mula tanya...apa itu...*”.²⁶⁶ Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Wilayah menyatakan tentang al-Quran yang mereka terima dari pelancong yang pada mulanya pelancong itu tertarik dengan al-Quran yang ditunjukkan oleh sukarelawan kepada pelancong tersebut. Pernyataan tersebut seperti berikut: “*kita juga ada Quran dalam bahasa Jepun, Korea, France...So... we get the Quran...some of the Quran...from other country...such as france...we get from visiter from France...after they go back to their country...they found the Quran from their country and we change Quran...after that...he(pelancong) try to understand Islam with al-Quran*”.²⁶⁷

Ini membuktikan bahawa, dengan menggunakan al-Quran juga boleh menjadi satu medium dakwah terhadap pelancong bukan Islam. Ini kerana al-Quran itu sendiri adalah sebagai hujah untuk orang Islam menyatakan tentang kebenaran agama Islam.

2) Risalah-bahan bercetak

Bahagian yang kedua pula adalah berdakwah dengan risalah. Di setiap masjid dalam kajian ini terdapat bahan cetak yang disediakan oleh PERKIM²⁶⁸, Islamic Outreach ABIM, dan JAKIM²⁶⁹ sendiri. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid boleh menggunakan bahan-bahan bercetak ini untuk menyampaikan penerangan tentang Islam dengan lebih mudah. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan iaitu Puan

²⁶⁶ Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

²⁶⁷ Temubual bersama Puan Nor Azizan Ahmad sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Di Masjid Wilayah Persekutuan, pada 22 Sept 2016, jam 3-4.30ptg.

²⁶⁸ PERKIM adalah singkatan kepada Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia yang beroperasi di Bangunan PERKIM, Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), Kuala Lumpur. Laman sesawang: www.perkim.net.my

²⁶⁹ JAKIM adalah singkatan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang terletak di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Laman sesawang: www.islam.gov.my

Azizah menyatakan bahawa: “*ade yang kalau tak yakin ade disediakan pamphlet-pamphlet yang disediakan dalam pelbagai bahasa... Tamil ada...Mandarin ada...ni Bahasa Inggeris ni... (sambil menunjukkan pamphlete kepada pengkaji) ni pamphlet ni penting ni... kita boleh terangkan pasal Islam dengan ni... ”.*²⁷⁰

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Putra juga turut menyatakan perkara yang sama “*kita disini ramai sangat pelancong datang...kadang tu tak sempat nak bercakap banyak...jadi penting untuk ada procure ni...kita boleh tunjuk kat mereka...kalau ada yang nak tahu tu kita boleh explain kat dia... ”.* Kenyataan ini turut disokong oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Wilayah yang menegaskan bahawa “*kita juga ada sediakan bahan bercetak untuk pelancong dari pelbagai negara...ada banyak bahasa...mereka boleh pilih ikut bahasa apa mereka interested...kita akan terangkan apa ada dalam bahan bercetak tu... ”.*²⁷¹

Ini menunjukkan bahawa, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid telah menggunakan pendekatan berdakwah melalui risalah terhadap pelancong bukan Islam yang datang ke masjid. Pendekatan ini dapat menarik minat pelancong untuk mengetahui tentang Islam apabila mereka membaca penulisan yang terdapat didalam risalah yang diberikan oleh sukarelawan. Pendekatan ini selari dengan pendekatan yang telah disarankan oleh Abdul Karim Zaydan²⁷² yang menyatakan bahawa penulisan artikal adalah termasuk dalam media yang efektif digunakan untuk berdakwah lebih-lebih lagi apabila ianya diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. Ianya juga selari dengan pendekatan dakwah yang telah dinyatakan oleh Ab. Aziz Mohd Zin et al.²⁷³

²⁷⁰ Temubual Bersama Puan Azizah sukarelawan Masjid Mizan, Putrajaya pada 12 September 2017, pada jam 11.00pagi-1.00tghhari.

²⁷¹ Temubual bersama Puan Nor Azizan Ahmad sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Di Masjid Wilayah Persekutuan, pada 22 Sept 2016, jam 3-4.30ptg.

²⁷² Abdul Karim Zaidan. 1980. Dasar-dasar Ilmu Dakwah. Alih bahasa oleh H.M. Asywadi Syukur Lc. Penerbit Media Da’wah. Dewan Pustaka Islam Kuala Lumpur. h 280-283.

²⁷³ Ab. Aziz Mohd Zin et al. 2006. Dakwah Islam di Malaysia. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur. h 103.

dalam buku yang bertajuk Dakwah Islam di Malaysia yang menyatakan bahawa berdakwah dengan menggunakan bahan bercetak mampu memberi kesan terhadap jiwa orang yang membaca tersebut.

3.4 Kesimpulan

Berdasarkan kepada dapatan-dapatan kajian yang telah dibentangkan dalam bab ini, kajian mendapati bahawa terdapat beberapa pendekatan yang paling berkesan yang telah diaplikasikan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam melaksanakan dakwah terhadap pelancong bukan Islam di perkarangan masjid. Antaranya ialah pendekatan dakwah melalui lisan(percakapan), hal(perbuatan) dan kitabah (bahan bercetak). Pendekatan dakwah melalui lisan, dapatan kajian menunjukkan bahawa sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bagi keempat-empat buah masjid telah menggunakan pendekatan dakwah dengan cara memberi penerangan yang jelas tentang sesuatu dan larangan untuk menghilangkan salah faham pelancong bukan Islam terhadap agama Islam. Pendekatan dakwah melalui hal pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bagi keempat-empat buah masjid telah menggunakan pendekatan akhlak sebagai contoh teladan yang baik dan memberi layanan yang baik terhadap pelancong yang datang melawat ke masjid. Pendekatan dakwah melalui kitabah pula, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bagi keseluruhan masjid dalam kajian melaksanakan pendekatan ini. Walaubagaimanapun, pendekatan dakwah dengan hal atau perbuatan adalah pendekatan dakwah yang paling efektif dan diperaktikkan oleh hampir keseluruhan informen kajian. Pendekatan yang menjadi pilihan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid adalah dakwah dengan memberi layanan yang baik terhadap pelancong bukan Islam. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid sangat mengambil berat tentang memberi layanan yang baik kepada

pelancong bukan Islam kerana pendekatan ini akan membuka ruang-ruang untuk menyampaikan dakwah Islam. Dapatan kajian mengenai pendekatan dakwah yang telah dihuraikan dalam bab ini telah menjawab objektif kajian yang kedua iaitu mengenalpasti pendekatan dakwah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan.

BAB 4

MASALAH DALAM DAKWAH TERHADAP PELANCONG BUKAN ISLAM OLEH SUKARELAWAN PEMANDU PELANCONG MASJID

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan membincangkan tentang masalah yang dihadapi oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam dakwah terhadap pelancong bukan Islam di masjid.

4.2 Masalah Berkaitan Pendekatan Dakwah Terhadap Pelancong Bukan Islam.

Dalam menjalankan aktiviti dakwah, sudah tentunya terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi oleh sukarelawan. Tambahan pula sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid adalah sukarelawan yang berkhidmat di perkaranan masjid dengan secara sukarela. Terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam menyampaikan dakwah melalui pendekatan-pendekatan yang telah dibincangkan di dalam bab yang lepas. Antara masalah pendekatan dakwah yang dihadapi ialah:

4.2.1 Kurang Memahami Pendekatan Dakwah

Dalam menyampaikan dakwah kepada orang bukan Islam, pendekatan yang berkesan adalah sangat penting dan dititikberatkan supaya dakwah yang disampaikan akan membawa hasil. Masalah yang dihadapi dalam mengaplikasikan pendekatan dakwah adalah terdapatnya dikalangan sukarelawan yang tidak mampu menggunakan

pendekatan yang sesuai dalam menyampaikan dakwah sehingga ada dikalangan pelancong yang datang melawat terasa seperti diganggu. Ini kerana tujuan pelancong datang ke masjid adalah untuk melancong sambil melihat keindahan senibina masjid. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan Putrajaya menyatakan bahawa “*bukan semua(pelancong) akan nak dengar...ada jugak yang tak mahu dengar...cuma datang ambil gambar dan balik. Tapi kalau pelancong tu datang sendiri dia mungkin akan dengar apa kita cakap sebab dia datang nak tahu sesuatu... ”*²⁷⁴

Kenyataan ini turut disokong oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Negara yang menyatakan masalah yang sama seperti berikut:

“*pelancong ni datang dari banyak negara...ada yang datang walk-in dan ada yang datang kerana lawatan ke masjid tu telah dimasukkan ke dalam pakej pelancongan mereka...jadi...mana yang datang walk-in tu kita boleh nak sampaikan Islam...senang sikit sebab diaorang datang memang nak tahu pasal Islam...tapi yang rombongan tu...kadang-kadang diaorang tak nak tahu pun apa kita nak cakap... ”*²⁷⁵

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan Putra iaitu Encik Muhammad Amin Tong turut menyokong kenyataan diatas dengan menyatakan bahawa “*...jika dia ada minat tentang Islam dia akan terus tanya...tapi bukan group pelancong yang datang ikut bas...tapi group yang walk-in, nak tahu tentang Islam...ada teknik tertentu... ”*²⁷⁶

Puan Normah turut menyatakan masalah yang dilakukan oleh segelintir sukarelawan yang salah dalam menggunakan pendekatan dakwah “*banyak volunteer kita sini salah...dia nak convert kan non-muslim...itu salah...bukan itu cara kita...kita hanya menyampaikan...hidayah itu milik Allah... ”*²⁷⁷

²⁷⁴ Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

²⁷⁵ Temubual bersama Cik Diana sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016 jam 2.00-3.30 petang.

²⁷⁶ Temubual bersama Encik Muhammad Amin Tong sebagai Pembantu Pelancongan di Masjid Putra Putrajaya, pada 18 Oktober 2016, jam 4.00-5.30 petang. Beliau juga merupakan seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bermula dari tahun 2014.

²⁷⁷ Temubual bersama Puan Normah Sulaiman. Naib Penggerusi Islamic Outreach Abim di Masjid Negara pada 11 April 2016 Jam 11.00-12.30tghari.

Kenyataan ini turut disokong oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Putra yang menyatakan bahawa:

*“Ada dulu pernah berlaku pergaduhan diantara MTG dengan pelancong dan juga jemaah masjid...mereka tidak bertanggungjawab...mereka tidak disoal tentang kejadian itu tapi pihak masjid yang menggalas tanggungjawab...saya pernah dengar dia cakap...saya susah payah datang sini buat kerja dakwah jadi awak kene dengar apa saya cakap... ”.*²⁷⁸

Ini menunjukkan bahawa, terdapat dikalangan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid yang tersalah dalam menggunakan pendekatan untuk menyampaikan dakwah Islam. Pendekatan ini bertentangan dengan prinsip dakwah yang telah dinyatakan oleh Ab. Aziz²⁷⁹ yang menyatakan bahawa dakwah perlu disampaikan dengan cara hikmah dan bijaksana seperti yang dinukilkhan oleh Allah dalam surah an-Nahl ayat 125:

اَذْعُ لِلّٰهِ سَيِّدِنَا وَبِنَاءً عَلَىٰ حِكْمَةٍ وَلَمْ يَرَوْهُ عَظَّةً قَطُّ وَجَاهَ الْمُهَاجِلِيِّ هِيَ أَحْسَنُ ۝ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۝ وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ مُهْتَدٍ ۝

16:125

Maksudnya: “Serulah kejalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk.” (an-Nahl: 125)

Ini menunjukkan bahawa pendekatan yang digunakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid masih perlu diperkuuhkan agar dakwah yang disampaikan menarik

²⁷⁸ Temubual bersama Encik Muhammad Amin Tong sebagai Pembantu Pelancongan di Masjid Putra Putrajaya, pada 18 Oktober 2016, jam 4.00-5.30 petang. Beliau juga merupakan seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bermula dari tahun 2014.

²⁷⁹ Ab. Aziz Mohd Zin. *Metodologi Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2001. h 12-19.
103

hati pelancong bukan Islam untuk mendengar penerangan yang disampaikan oleh sukarelawan. Jadi apakah pendekatan yang bersesuaian yang mesti dilaksanakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam yang datang supaya mereka tertarik untuk mendengar penerangan sukarelawan mengenai Islam.

Puan Normah Pengasas Program Pemandu Pelancong Masjid menyatakan bahawa, “*setiap volunteer ada training kita berikan...kita ajar mereka cara break the barrier...kita mesti tahu sikit untuk greeting...dalam Bahasa Jepun mungkin...konociwa...atau welcome to our mosque...kita dah break the barrier...*”.²⁸⁰ Beliau menyatakan lagi bahawa: “*kita deliver pada mereka...sampaikan what is Islam about...konsep about faith...human being...same character...same understanding...tu cara tuk kita break the barrier...bila kita cakap macam tu...dia dah faham...nak cerita pasal Allah...senang...kita mesti tahu skill dia...*”.²⁸¹

Ini menunjukkan bahawa, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid perlu mengetahui kemahiran yang perlu diaplikasikan untuk menarik hati pelancong supaya mereka tertarik untuk mendengar penerangan yang hendak disampaikan.

Masalah pendekatan dalam dakwah ini telah dijelaskan oleh beberapa tokoh Islam yang menyatakan masalah pendakwah adalah tidak cuba mengikut satu *manhaj* dakwah yang betul. Ramai pendakwah sekarang masih tidak mempunyai maklumat yang jelas tentang *uslub* dakwah, strategi dakwah, adab dakwah, keadaan sasaran dan sebagainya, walaupun sebenarnya perkara-perkara itu penting dalam dakwah. Akibatnya, ramai pendakwah seolah-olah meraba-raba dalam melaksanakan tugas ini.²⁸² Kelemahan pada *manhaj*, saluran atau media, dan *uslub* merupakan kelemahan-kelemahan pendakwah yang terdapat sesetengah daripada mereka sampai boleh

²⁸⁰ Temubual bersama Puan Normah Sulaiman. Naib Penggerusi Islamic Outreach Abim di Masjid Negara pada 11 April 2016 Jam 11.00-12.30tghari.

²⁸¹ Temubual bersama Puan Normah Sulaiman. Naib Penggerusi Islamic Outreach Abim di Masjid Negara pada 11 April 2016 Jam 11.00-12.30tghari.

²⁸² Muhammad Aman Ali al-Jami. *Tariq al-Da'wah ilā al-Islam*. Beirut. Al-Maktab al-Islami. 1979. h 191-192.

meliarkan sasaran.²⁸³

4.2.2 Sikap

Sikap adalah satu pendekatan dakwah yang sangat penting. Sebagai seorang Muslim, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid perlulah menunjukkan sikap dan akhlak yang baik dalam menyampaikan dakwah. Namun begitu terdapat sebahagian sukarelawan yang tidak menujukkan sikap yang baik dalam berdakwah. Perkara ini menjadi masalah kepada sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid yang lain yang sama-sama menjalankan dakwah. Hal ini disuarakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Putra yang menyatakan “*ada sukarelawan...ade 1-2 orang tak guna teknik perlahan tarik...dia katakan tentang agama Kristian tak betul...Islam agama yang betul...jadi akan ade impak negatif pandangan pelancong...kepada pihak masjid dan juga Islam... ”.*²⁸⁴ Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan juga menyatakan masalah yang sama “*ade dikalangan sukarelawan ni kadang-kadang tu...tak tahu macam mane nak entertain pelancong ni...last-last nye dia tak sampaikan ape...walaupun sebenarnya ada banyak peluang kita boleh sampaikan tentang Islam...terutama MTG yang baru-baru ni lah... ”.*²⁸⁵

Beliau menyatakan lagi bahawa “*tu ade yang join-join tu...tapi lepas tu...masalah bahasa diaorang(sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid) tak boleh berbahasa Inggeris diorang fed up...yang tak mahir la tu...takde keyakinan nak bercakap... ”.*²⁸⁶

Ini menunjukkan bahawa, ada di kalangan sukarelawan Pemandu Pelancong

²⁸³ Ali Jarishah. *Al-Ittijābat al-Fikriyah al-Mu'āsirah*. Kaherah. Dar al-Wafa'. 1986. Dalam Pengantar Dakwah Islamiah. Ab. Aziz Mohd Zin. Penerbit Universiti Malaya. 1997. 138-139.

²⁸⁴ Temubual bersama Encik Muhammad Amin Tong sebagai Pembantu Pelancongan di Masjid Putra Putrajaya, pada 18 Oktober 2016, jam 4.00-5.30 petang. Beliau juga merupakan seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bermula dari tahun 2014.

²⁸⁵ Temubual bersama Puan Azizah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan, Putrajaya pada 12 September 2017, pada jam 11.00-1.00tghari.

²⁸⁶ Temubual bersama Puan Azizah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan, Putrajaya pada 12 September 2017, pada jam 11.00-1.00tghari.

Masjid yang mudah berputus asa apabila terdapat sebarang masalah ketika menyampaikan dakwah Islam kepada pelancong bukan Islam. Masalah ini terjadi kepada sukarelawan yang baru berjinak-jinak dalam bidang dakwah kepada pelancong di perkarangan masjid.

Masalah dalam sikap pendakwah seperti yang dihuraikan selari dengan masalah yang telah diutarakan oleh Abdul Karim Zaidan yang menjelaskan bahawa, setiap pandakwah pasti akan diduga dengan pelbagai cabaran dalam menyampaikan Islam. Dalam perjuangan dakwah, sifat sabar itu sangat penting sehingga pendakwah dapat mengatasi rintangan dan halangan serta sanggup menanggung penderitaan. Maka apabila pendakwah tidak bersifat sabar bererti perjuangan dalam menyampaikan dakwah akan gagal dan juga hilanglah pahalanya.²⁸⁷

Sikap dan akhlak yang ditunjukkan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid ini berlawanan dengan teori yang disampaikan oleh Abdullah Muhammad Zin et al²⁸⁸ yang menyatakan bahawa akhlak seorang pendakwah adalah sebagai contoh teladan yang baik kepada orang yang menerima dakwah. Imej akhlak sebagai seorang Muslim yang mempraktikkan ajaran Islam amat penting bagi seorang da'i. Oleh itu, setiap pendakwah hendaklah meneliti setiap akhlak dalam kehidupannya dan ianya hendaklah menepati syariat Islam melalui Al-Quran dan As-Sunnah.

Oleh itu, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid seharusnya hendaklah mempunyai sifat yang baik antaranya memiliki akhlak Islam yang sempurna bagi menjamin kejayaan dakwah seseorang pendakwah seperti yang dinyatakan oleh Dato' Wan Hussein Azmi.²⁸⁹

²⁸⁷ Abdul Karim Zaidan. *Usūl al-Da'wah*. Penterjemah: H.M. Asywadi Syukur Lc. Dasar-dasar Ilmu Dakwah (2). Penerbit Media Da'wah. Dewan Pustaka Islam Kuala Lumpur. 1980. 67-76.

²⁸⁸ Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat & Ideris Endot. *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. (1998). 280-290.

²⁸⁹ Wan Hussein Azmi. Panduan Dakwah Islamiah. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 1988. 4-5.

4.3 Masalah Berkaitan Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid

4.3.1 Bahasa

Bahasa sangat memainkan peranan yang penting dalam berkomunikasi untuk menyampaikan dakwah kepada pelancong bukan Islam yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Penguasaan bahasa selain dari Bahasa Inggeris akan membantu seseorang pendakwah untuk lebih yakin berinteraksi dan berkomunikasi dengan pelancong.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa, terdapat masalah yang dihadapi oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam berkomunikasi dengan pelancong bukan Islam. Ini kerana, pelancong yang datang akan berkomunikasi menggunakan bahasa mereka jika mereka tidak boleh berbahasa Inggeris. Ini dijelaskan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Masjid Negara yang menyatakan bahawa “*ramai pelancong kita ni yang datang dari negara Cina...mereka ni bercakap bahasa mereka lah...Bahasa Cina...saya Bahasa Cina tak tahu lah...saya tahu sikit-sikit...itu jer... ”*.²⁹⁰

Kenyataan ini turut disokong oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Mizan Putrajaya yang menyatakan bahawa “*saya cakap Bahasa Inggeris memang boleh...kalau Bahasa lain tu memang saya tak tahu...dan pelancong ni...bahasa Malaysia memanglah diaorang tak tahu... ”*.²⁹¹

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan turut menyatakan masalah yang sama “*Jika saya tak dapat cakap bahasa yang mereka boleh*

²⁹⁰ Temubual bersama Cik Diana sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016 jam 2.00-3.30 petang.

²⁹¹ Temubual bersama Puan Azizah sukarelawan Masjid Mizan, Putrajaya pada 12 September 2017, pada jam 11.00-1.00tghhari.

faham...macam orang Cina...saya cakap Bahasa Inggeris dia tak faham...saya tak pandai Bahasa Cina...camne nak cakap dengan dia? Saya cuba guna bahasa isyarat je lah...hahaha... ”.²⁹² Pengasas Mosque Tour Program Masjid Wilayah iaitu Encik Bob Burhanuddin juga menyatakan perkara yang sama iaitu “...with created a lot of issue...because many of Mosque Tour Guide not speak in other language... not well... ”.²⁹³

Ini menunjukkan bahawa, walaupun hampir keseluruhan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid pandai berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, akan tetapi penguasaan bahasa selain dari Bahasa Inggeris dilihat adalah sangat penting untuk berkomunikasi dengan pelancong.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa beberapa orang sukarelawan sahaja yang tahu berbahasa ketiga selain dari Bahasa Inggeris. Data kedatangan pelancong ke Malaysia 80% daripadanya adalah pelancong dari negara China.²⁹⁴ Pelancong dari negara China kebanyakannya dari mereka tidak fasih berbahasa Inggeris.²⁹⁵ Jika para sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid berinteraksi dengan mereka dalam bahasa Inggeris, kebarangkalian untuk mereka faham tentang apa yang disampaikan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid adalah tidak dapat difahami secara keseluruhannya.²⁹⁶ Ini menjadi masalah yang besar bagi para sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid untuk berinteraksi dengan mereka bagi menyampaikan dakwah. Masalah yang berlaku ini boleh mengganggu dakwah yang hendak disampaikan dan ia hanya dapat diatasi dengan penguasaan bahasa selain dari Bahasa Melayu dan Bahasa

²⁹² Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

²⁹³ Temubual bersama Encik Bob Borhanuddin iaitu Pengasas Mosque Tour Program Masjid Wilayah, di Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 22 Sept 2016, jam 3ptg - 4.30ptg.

²⁹⁴ Temubual bersama Ustaz Mohd Sofian bin Mat Ludin, Penolong Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya. 3 Mac 2016. 10.00-12.00 tengah hari.

²⁹⁵ Temubual Bersama Encik Muhammad Amin Tong sebagai Pembantu Pelancongan di Masjid Putra Putrajaya, pada 18 Oktober 2016, jam 4.00-5.30 petang. Beliau juga merupakan seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bermula dari tahun 2014.

²⁹⁶ Temubual bersama Cik Diana, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016 jam 2.00-3.30 petang.

Inggeris.

Masalah seperti ini turut menjadi isu di kalangan pendakwah di organisasi lain. Dapatkan kajian ini selari dengan dapatkan kajian yang dilakukan oleh M. Darojat Ariyanto²⁹⁷ yang juga mengutarakan masalah yang sama iaitu antara faktor yang menyebabkan Ilmu Perbandingan Agama di Indonesia kurang berkembang dengan baik adalah antaranya penguasaan bahasa asing yang rendah dikalangan mahasiswa dan pensyarah.

Oleh itu, untuk memastikan dakwah dapat disampaikan Yusuf Al-Qardawi menjelaskan bahawa pendakwah itu hendaklah mengetahui atau mempunyai maklumat yang baik berhubung dengan pelbagai perkara antaranya ialah pengetahuan berhubung dengan kesusasteraan dan bahasa.²⁹⁸

Penguasaan bahasa selain dari Bahasa Inggeris akan membantu seseorang pendakwah untuk lebih yakin berinteraksi dan berkomunikasi dengan pelancong. Kelemahan berbahasa selain dari Bahasa Melayu akan menyebabkan dakwah tidak dapat disampaikan kepada orang yang mendengar dakwah tersebut.²⁹⁹

4.4 Masalah Berkaitan Pelancong

4.4.1 Bahasa

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa, pelancong yang datang melawat ke masjid dari pelbagai negara kebanyakannya mereka tidak fasih berbahasa Inggeris. Masalah ini juga diutarakan oleh pihak pentadbiran masjid yang mana mengendalikan lawatan pelancong ke masjid secara berkumpulan dimana pihak masjid terpaksa berurusan dengan

²⁹⁷ M. Darojat Ariyanto. Ilmu Perbandingan Agama (Isi, Perkembangan dan Manfaatnya bagi seorang Muslim). Fakulti Agama Islam, Universiti Muhammadiyah Surakarta. Indonesia.

²⁹⁸ Yusuf al-Qardawi. *Thaqāfah al-Dā'iyah*. Beirut. 1978. 8. Dalam Pengantar Dakwah Islamiah. Ab. Aziz Mohd Zin. Penerbit Universiti Malaya. 1997. 136-137.

²⁹⁹ Siti Hanita Saniran. Masalah Dakwah di Pulau Ketam. Latihan Ilmiah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Universiti Malaya. 2010. h 20.

pemandu pelancong yang mengendalikan lawatan mereka untuk berinteraksi sebagai penterjemah. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Mizan Putrajaya menyatakan bahawa “*tapi tak semua pelancong asing ni boleh bercakap Bahasa Inggeris...haa itu masalahnya...kira banyak to body language more to sign sign (isyarat) la...kahkahkah(ketawa)...macam ayam dengan itik la bercakap...*”.³⁰⁰ Kenyataan ini turut disokong oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan Putrajaya “*Jika saya tak dapat cakap bahasa yang mereka boleh faham...macam orang Cina...saya cakap Bahasa Inggeris dia tak faham...saya tak pandai Bahasa Cina camne nak cakap dengan dia? Saya cuba guna bahasa isyarat je lah...hahaha...*”.³⁰¹

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga menyuarakan masalah yang sama “*kita juga ada sediakan risalah untuk pelancong dari pelbagai negara...ada banyak bahasa...mereka boleh pilih ikut bahasa apa mereka interested...kita akan terangkan apa ada dalam bahan bercetak tu...sebab ramai juga tak faham Bahasa Inggeris...jadi kita sediakan banyak bahasa...*”.³⁰² Cik Diana sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Negara turut menyokong pernyataan diatas dengan menyatakan bahawa “*ada di kalangan mereka(pelancong) yang datang tu pun tak berapa nak pandai cakap Bahasa Inggeris, ada tu saya belajar sikit-sikit istilah dalam Bahasa China...*”.³⁰³

Masalah-masalah yang diutarakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid ini menunjukkan bahawa pelancong yang datang ke Malaysia tidak menguasai Bahasa Inggeris untuk berinteraksi dengan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid. Ini menyebabkan matlamat dan objektif untuk menyampaikan dakwah tidak tercapai.

³⁰⁰ Temubual bersama Puan Azizah sukarelawan Masjid Mizan, Putrajaya pada 12 September 2017, pada jam 11.00-1.00tghhari.

³⁰¹ Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

³⁰² Temubual bersama Puan Nor Azizan Ahmad sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Di Masjid Wilayah Persekutuan, pada 22 Sept 2016, jam 3-4.30ptg.

³⁰³ Temubual bersama Cik Diana, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016 jam 2.00-3.30 petang.

Dalam erti kata yang sebenar, dakwah tidak berjalan dengan lancar disebabkan oleh gangguan masalah penguasaan Bahasa Inggeris oleh pelancong.

4.4.2 Peraturan

Di setiap rumah ibadah terdapat undang-undang tertentu yang perlu dipatuhi. Begitu juga dengan rumah suci orang Islam untuk melakukan ibadah iaitu masjid. Masalah untuk pelancong memahami undang-undang dan peraturan memasuki masjid ini diutarakan oleh sukarelawan hampir di keseluruhan empat buah masjid dalam kajian ini. Ada dikalangan pelancong yang tidak mengetahui dan mungkin juga tidak peka dengan peraturan ketika memasuki masjid. Pelancong yang memasuki kawasan masjid terutama bahagian ruang orang Muslim melakukan solat, mereka dikehendaki membuka kasut tetapi akibat kurang peka atau mereka tidak perasan akan papan tanda yang menghendaki pelancong membuka kasut, maka mereka dengan bersahaja memasuki masjid dengan berkasut. Masalah ini diutarakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Negara yang menyatakan bahawa “

“ada pernah pelancong masuk masjid pakai kasut...pelancong buka kasut masa masuk masjid lepas saya tegur...tapi dia gantungkan kasut tu pada belakang beg galas dan bawa masuk beg galas sama kasut yang digantung tu...Kita tak marah dia... tegur elok-elok la...tapi beritahu kenapa tak boleh bawa masuk kasut ke dalam kawasan masjid...”³⁰⁴

Kenyataan ini juga disokong oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan yang menyatakan bahawa *“Kita tunjuk juga which part yang dia tak boleh masuk...ruang solat...dia cuma boleh ambil gambar di bahagian tepi-tepi masjid tu sahaja...tapi ada juga tu yang masuk kat bahagian solat tu...walaupun kita dah*

³⁰⁴ Temubual bersama Cik Diana sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016 jam 2.00-3.30 petang.

bagitahu... ”.³⁰⁵ Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Putra Putrajaya turut menyatakan masalah sama:

“kat masjid ni (masjid Putra) dari depan tu kan semua pelancong masuk pakai kasut jalan terus jer sampai kat depan ni...pastu dia terus jer masuk ke masjid tanpa buka kasut...kalau perasan kat tangga masuk ni dah letak sticker suruh tanggal kasut...diaorang ni (pelancong kadang-kadang tu tak perasan... ”³⁰⁶

Bagi pelancong yang pertama kali datang ke masjid, mereka sangat teruja dan beranggapan bahawa masjid sama seperti tempat ibadah lain. Ini menyebabkan mereka tidak peka akan peraturan untuk memasuki masjid dan ada juga sebahagian mereka yang tidak mahu mengikut peraturan yang ditetapkan oleh masjid. Ini disuarakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan yang menyatakan bahawa:

“Pernah satu hari tu pelancong datang...seperti biasa saya akan pakaikan dia jubah sebab dia tak tutup aurat...dia pun marah...sebab kene pakai jubah yang panas tu...dia kata tak suka pakai dan nak tanggal...saya kata kalau tak pakai nanti tak boleh la masuk dalam masjid...saya bagi penerangan...ini peraturan rumah ibadah orang Islam...jika orang Islam pun akan kene pakai jubah jika tak tutup aurat...akhirnya dia pun pakai walaupun muka masam je... ”³⁰⁷

Ini menunjukkan bahawa ada di kalangan pelancong yang memasuki masjid semata-mata untuk melihat keindahan senibina tanpa menghiraukan peraturan yang telah ditetapkan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid telah bersikap tegas terhadap pelancong kerana mereka melanggar peraturan memasuki masjid. Sikap beginilah yang harus ada pada setiap sukarelawan yang hendak berkhidmat dalam menyampaikan dakwah bukan sahaja di perkaraan masjid tetapi sebagai pendakwah di mana-mana sahaja.

Dapat kajian mengenai masalah yang dihadapi oleh sukarelawan Pemandu

³⁰⁵ Temubual bersama Puan Azizah sukarelawan Masjid Mizan, Putrajaya pada 12 September 2017, pada jam 11.00pagi-1.00tghhari.

³⁰⁶ Temubual bersama Encik Raja di Masjid Putra, Putrajaya pada 3 Mac 2016, jam 3.00- 4.30petang.

³⁰⁷ Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

Pelancong Masjid yang berhadapan dengan pelancong yang kurang peka dan tidak menghiraukan peraturan untuk memasuki masjid ini telah melanggar garis panduan³⁰⁸ yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan masjid dalam tatacara pengurusan pelancongan masjid bagi orang bukan Islam. Antaranya ialah hendaklah berkelakuan sopan dan tidak melakukan aktiviti atau upacara yang bercanggah dengan Islam.

4.5 Masalah Berkaitan Kewangan

Umumnya semua badan dakwah menghadapi masalah kewangan kerana sumber kewangan yang diperoleh itu sangat terhad.³⁰⁹ Begitu juga dengan Program Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid yang telah dijalankan sejak tahun 2009 ini, telah mengharungi pelbagai masalah dan kemelut kewangan dalam menjalankan sebarang program dan kursus untuk mempertingkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam menjalankan dakwah terhadap pelancong bukan Islam di perkarangan masjid. Dapatan dari kajian ini menunjukkan bahawa, pihak Islamic Outreach ABIM turut menghadapi masalah yang besar dalam mendapatkan dana. Ini disuarakan sendiri oleh Pengasas Program Pemandu Pelancong Masjid iaitu Puan Normah Sulaiman yang menyatakan:

*“Untuk menjalankan apa-apa program, kita memerlukan dana untuk menampung kos...seperti program bagi peningkatan kemahiran untuk sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid ni...Dana-dana diperlukan bagi menjalankan program berkaitan bengkel bahasa...kos yang ditanggung dalam anggaran RM2000-RM3000 bagi anggaran 100 orang sukarelawan yang berada dibawah seliaan Islamic Outreach Abim. Anggaran belanja ini adalah bagi sekali program sahaja... ”.*³¹⁰

³⁰⁸ Garis Panduan Pelancongan dan Lawatan ke Masjid. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kuala Lumpur. 2015. 6.

³⁰⁹ Abdul Manaf Haji Ahmad. Masalah Dakwah Islamiah di Malaysia dan Cara Mengatasinya dalam Prinsip dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia. Disunting oleh Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat & Ideris Endot. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. 1998. h 169-181.

³¹⁰ Temubual bersama Puan Normah Sulaiman. Naib Pengurus Islamic Outreach Abim di Masjid Negara pada 11 April 2016 Jam 11.00-12.30tghari.

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Wilayah turut mengutarakan masalah yang sama “*To manage any program such as training for our volunteer...we need a big amount...we decide to use our own money to conduct the training...but it's still not enough to cover all the expenses...*”.³¹¹ Ini menunjukkan bahawa sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid menghadapi masalah kewangan untuk menjalankan program dan latihan untuk mempertingkatkan kemahiran untuk sukarelawan dalam berdakwah.

Selain dari itu, pihak masjid juga memerlukan bahan bercetak yang dapat membantu mereka dalam menyebarkan maklumat berkaitan Islam kepada pelancong bukan Islam yang datang ke masjid. Bahan bercetak mengenai Islam ini adalah merupakan risalah yang juga penting untuk di cetak dalam pelbagai bahasa seperti bahasa China, Jepun, Korea dan berbagai bahasa lagi. Perkara ini disuarakan oleh Puan Azizan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Wilayah yang menyatakan bahawa “*semua bahan yang bercetak macam risalah ni semua...kita perlukan dana untuk tampung semua kos ni...ade sesetengahnya PERKIM atau JAKIM bagi...*”.³¹² Ini kerana, bahan bercetak ini sangat membantu bagi para pelancong bukan Islam yang berminat untuk mengetahui tentang Islam tetapi kedatangan mereka melawat ke masjid adalah dalam waktu yang pendek dan terhad. Jika mereka dibekalkan dengan bahan bercetak ini akan memudahkan mereka untuk membaca bahan tersebut kerana bahan bercetak tersebut dicetak dalam bahasa kebangsaan mereka.

Namun yang menjadi masalah adalah kos dan perbelanjaan untuk mencetak bahan-bahan risalah tentang Islam ini bukanlah murah. Ianya memerlukan belanja yang agak besar dan ianya menyukarkan para sukarelawan untuk mendapatkan dana bagi

³¹¹ Temubual bersama Encik Bob Borhanuddin iaitu Pengasas Masjid Tour Program Masjid Wilayah, di Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 22 Sept 2016, jam 3ptg - 4.30ptg.

³¹² Temubual bersama Puan Nor Azizan Ahmad sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Di Masjid Wilayah Persekutuan, pada 22 Sept 2016, jam 3-4.30ptg.

menampung kos bahan bercetak ini. Masalah yang wujud ini memberi kesan dalam proses dakwah mereka. Ini dinyatakan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Putra bahawa “*kita disini agak sukar untuk dapatkan dana bagi menampung sedikit kos untuk cetak risalah ni semua...jadi kita bagi sikit-sikit saje risalah yang ada tu pada mereka...*”³¹³

Selain dari itu, di setiap masjid dalam kajian ini mempunyai sekurang-kurangnya lima belas orang sukarelawan yang berkhidmat sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid yang menggalas tanggungjawab menyampaikan dakwah kepada pelancong dikawasan perkarangan masjid. Sebahagian dari mereka adalah pesara yang telah tamat berkhidmat dari sektor awam dan swasta. Ada dikalangan para sukarelawan yang mahu menjalankan dakwah di masjid yang berhampiran dengan rumah kediaman mereka sahaja. Ini kerana mereka memerlukan belanja untuk keluar berkhidmat sebagai sukarelawan yang tidak dibayar walaupun dengan sedikit elau atau upah sebagai sukarelawan yang menyampaikan dakwah diperkarangan masjid. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid juga menghadapi masalah dari segi kekangan masa dengan menjadi sukarelawan dan keperluan untuk bekerja bagi menyara kehidupan. Ini disuarakan oleh sukarelawan bahawa “*sebagai sukarelawan ni memang menguji tahap keimanan saya la...ye la kan...kita pun perlu untuk cari pendapatan...*”³¹⁴ Kenyataan ini disokong oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Masjid Putra Putrajaya yang menyatakan bahawa “*saya pernah jadi sukarelawan sepenuh masa sebelum ni...saya rasa saya juga perlu kerja...perlu usaha kerja cari makan...sebab sukarelawan ni takde gaji...jadi saya minta kerja sini(Masjid*

³¹³ Temubual Bersama Encik Muhammad Amin Tong sebagai Pembantu Pelancongan di Masjid Putra Putrajaya, pada 18 Oktober 2016, jam 4.00-5.30 petang. Beliau juga merupakan seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bermula dari tahun 2014.

³¹⁴ Temubual bersama Cik Diana sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016 jam 2.00-3.30 petang.

*Putra)...dalam masa sama saya juga boleh jadi sukarelawan... ”.³¹⁵ Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan turut menyatakan “*saya tak jadi volunteer sepenuh masa...saya juga perlu cara duit nak makan...sebab tu saya ambil part time sahaja sini... ”.*³¹⁶*

Ini menunjukkan bahawa, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid lebih suka untuk berkhidmat separuh masa dan bukan sepenuh masa sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid. Ini kerana, mereka perlu untuk mempunyai pekerjaan lain yang mempunyai sebarang pendapatan bagi mencari nafkah untuk diri sendiri, anak dan juga isteri untuk meneruskan kehidupan berbanding berkhidmat sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid secara sepenuh masa.

Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Nor Patimah Abd Rahim terhadap Islamic Outreach ABIM³¹⁷ mendapati bahawa dalam menjalankan aktiviti dakwah, pihak pengurusan mengalami masalah kewangan, dimana dana-dana diperlukan untuk menyediakan kelas-kelas agama dan sebarang aktiviti memerlukan jumlah wang yang besar.

Ini adalah masalah yang dihadapi oleh para sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam menjalankan dakwah. Bukan senang seorang pendakwah hendak menjalankan kerja dakwah untuk agama Allah. Pasti ada banyak rintangan dan cabaran yang harus dilalui.

Masalah kewangan turut dialami oleh organisasi-organisasi dakwah bukan kerajaan yang mana sumber kewangan menjadi kekangan utama bagi mereka dalam

³¹⁵ Temubual bersama Encik Muhammad Amin Tong sebagai Pembantu Pelancongan di Masjid Putra Putrajaya, pada 18 Oktober 2016, jam 4.00-5.30 petang. Beliau juga merupakan seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bermula dari tahun 2014.

³¹⁶ Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

³¹⁷ Nor Patimah Abd Rahim. *Islamic Outreach ABIM: Pendekatan Dakwah Terhadap Non-Muslim dan Saudara Baru di Wilayah Persekutuan*. Latihan Ilmiah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 1990. 75-85.

mengerakkan dan menguatkan kegiatan dakwah Islamiah.³¹⁸ Menurut Wahidah Yusof³¹⁹ terdapat tiga bentuk permasalahan dakwah yang membelenggu institusi-institusi dakwah Islamiah di Malaysia iaitu masalah dalaman, masalah luaran dan masalah antara institusi-institusi dakwah. Antara permasalahan dalaman ialah kekurangan dana kewangan.

4.6 Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan hasil daripada dapatan kajian yang telah dibincangkan di bab ini iaitu masalah yang dihadapi dalam dakwah terhadap pelancong bukan Islam, mendapati bahawa terdapat empat masalah yang dihadapi. Masalah yang pertama yang dihadapi oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam berdakwah kepada pelancong bukan Islam ialah masalah dalam pendekatan dakwah yang menyebabkan dakwah yang dijalankan terganggu. Masalah kedua yang dialami dalam menyampaikan dakwah kepada pelancong bukan Islam ialah masalah penguasaan Bahasa selain dari Bahasa Inggeris dikalangan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid yang menyebabkan sukarelawan terpaksa menggunakan Bahasa isyarat badan dan sebagainya. Masalah ketiga yang dialami adalah dari segi pelancong bukan Islam yang datang ke masjid. Terdapat dikalangan pelancong yang tidak tahu berbahasa Inggeris yang menyebabkan interaksi diantara sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dan pelancong bukan Islam tidak dapat berjalan dengan lancar. Selain itu, pelancong bukan Islam juga menghadapi masalah dalam memahami peraturan untuk memasuki masjid yang menyebabkan sukarelawan terpaksa menegur pelancong untuk menyatakan tentang peraturan untuk memasuki masjid seperti memakai jubah dan menanggalkan

³¹⁸ Abu Dardaa Mohamad et al. Cabaran Dakwah Islamiah dan Masalah Perapi di Sarawak. Disunting oleh Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014. 4.

³¹⁹ Wahidah Yusof. Institusi-Institusi Dakwah Islamiah di Malaysia: Satu Kajian Tentang Sumbangan Dan Masalah Dalam Perkembangan Dakwah Masa Kini. Disertasi Sarjana Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1997), 389.

kasut ketika memasuki masjid. Masalah terakhir yang dihadapi dari dapatan kajian ini adalah masalah berkaitan kewangan. Sukarelawan dan pihak Islamic Outreach Abim menghadapi masalah dalam menganjurkan beberapa program bagi peningkatan kemahiran sukarelawan kesan dari masalah dalam mendapatkan dana bagi menampung kos tertentu bagi menjalankan sesuatu program. Ini menyebabkan kemahiran sukarelawan untuk berkhidmat dalam bidang dakwah tidak dapat dipertingkatkan dan kemungkinan semangat untuk terus berkhidmat sebagai sukarelawan dalam bidang dakwah terhadap pelancong juga akan semakin berkurang dan terjejas.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini mengandungi kesimpulan keseluruhan hasil kajian yang berdasarkan kepada kajian perpustakaan dan analisis data dari kaedah temubual yang telah dijalankan. Dalam bab ini juga membincangkan saranan-saranan berdasarkan hasil kajian kepada pihak-pihak tertentu bagi meningkatkan lagi dakwah terhadap pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan.

5.2 Rumusan

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian, beberapa kesimpulan dapat dirumuskan dan dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:

- 1- Konsep dakwah terhadap pelancong bukan Islam di masjid.
- 2- Pendekatan dakwah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan.
- 3- Masalah yang dihadapi oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam dakwah terhadap pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan.

5.2.1 Konsep Dakwah Terhadap Pelancong Bukan Islam di Masjid.

Dapatkan hasil dari kajian menunjukkan, terdapat beberapa bentuk perlaksanaan dakwah kepada pelancong bukan Islam yang dapat dipraktikkan dalam menyampaikan dakwah di perkarangan masjid. Pertama ialah dakwah melalui lisan. Untuk menjalankan dakwah dengan cara lisan atau percakapan terdapat 4 bentuk dakwah yang boleh dipraktikkan iaitu berdakwah dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami, berkomunikasi dalam bentuk penjelasan yang nyata dan terang, memberi penerangan sebab di sebalik sesuatu suruhan dan larangan serta mengajak orang bukan Islam berbicara mengenai agama.

Manakala bentuk pendekatan yang kedua pula iaitu dakwah bil hal atau melalui perbuatan. Dalam melaksanakan pendekatan ini, terdapat 5 cara yang boleh dilakukan dalam berdakwah terhadap pelancong bukan Islam. Antaranya ialah akhlak seorang muslim merupakan contoh teladan yang paling baik dan menjaga penampilan seperti berpakaian kemas dan sesuai serta sentiasa menunjukkan muka yang manis dan menjaga tutur kata. Selain itu terdapat juga pendekatan dengan bersikap ramah dan pandai mengambil hati pelancong serta memberi layanan yang baik terhadap pelancong bukan Islam.

Dalam pendekatan yang ketiga iaitu dakwah bil kitabah terdapat satu pendekatan yang efektif untuk dilaksanakan iaitu berdakwah melalui bahan bercetak seperti bahan bercetak dan risalah dan tidak ketinggalan juga al-Quran itu sendiri merupakan alat dakwah yang paling baik.

Selain dari teori pendekatan dalam melaksanakan dakwah, dalam bab ini juga telah diuraikan juga masalah dalam perlaksanaan pendekatan dakwah terhadap pelancong bukan Islam. Masalah yang pertama adalah berkaitan dengan masalah dalam pendekatan dakwah atau cara penyampaian dakwah. Masalah kedua ialah berkaitan dengan sikap dan akhlak pendekatan yang boleh menyebabkan dakwah tidak dapat disampaikan dengan berkesan. Masalah ketiga pula ialah berkaitan bahasa yang mana bahasa yang digunakan adalah memainkan peranan dalam penyampaian dakwah agar tidak berlaku salah faham dan fitnah terhadap agama. Masalah keempat ialah berkaitan dengan peraturan orang bukan Islam memasuki masjid dan masalah yang terakhir ialah berkaitan dengan kewangan.

5.2.2 Pendekatan dakwah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan.

Berdasarkan kepada dapatan-dapatan kajian yang telah dibentangkan dalam bab tiga, kajian mendapati bahawa terdapat beberapa pendekatan yang paling berkesan yang telah diaplikasikan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam melaksanakan dakwah terhadap pelancong bukan Islam di perkaranan masjid. Antaranya ialah pendekatan dakwah melalui lisan(percakapan), hal(perbuatan) dan kitabah(bahan bercetak).

Pendekatan dakwah melalui lisan, dapatan kajian menunjukkan bahawa sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bagi keempat-empat buah masjid telah menggunakan pendekatan dakwah dengan cara memberi penerangan yang jelas tentang sesuatu dan larangan untuk menghilangkan salah faham pelancong bukan Islam terhadap agama Islam. Selain itu, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid juga telah menggunakan bahasa yang mudah difahami yang juga bahasa pengantaraan dalam menyampaikan Bahasa Inggeris. Hampir keseluruhan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid fasih berbahasa Inggeris. Cuma terdapat beberapa sukarelawan Pemandu

Pelancong masjid yang tidak mahir berbahasa Inggeris adalah dikalangan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid yang masih baru dalam dunia dakwah kepada pelancong. Melalui pendekatan mengajak bukan Islam berbicara mengenai agama pula, pendekatan ini hanya dilakukan oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Mizan iaitu Encik Abdul Rahman kerana beliau mempunyai latar belakang agama lain sebelum memeluk Islam. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bagi Masjis Negara, Masjid Putra dan Masjid Wilayah pula tidak menggunakan pendekatan ini.

Pendekatan dakwah melalui hal pula, daptan kajian menunjukkan bahawa sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bagi keempat-empat buah masjid telah menggunakan pendekatan akhlak sebagai contoh teladan yang baik dan memberi layanan yang baik terhadap pelancong yang datang melawat ke masjid. Selain itu, pendekatan dengan memberi senyuman bermanis muka dan tutur kata serta bersifat peramah dalam menyampaikan dakwah juga telah dilaksanakan oleh kesemua sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam kajian ini. Bagi pendekatan menjaga penampilan dan berpakaian kemas tidak diutarakan oleh sukarelawan bagi Masjid Wilayah dan Masjid Negara.

Pendekatan dakwah melalui kitabah pula, sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bagi keseluruhan masjid dalam kajian melaksanakan pendekatan ini. Ini kerana, keadaan pelancong yang datang melawat dalam waktu yang terhad dan jumlah pelancong yang ramai, menyebabkan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid hanya sempat menyampaikan dakwah dalam menggunakan pendekatan dengan memberi bahan bercetak dan risalah serta sedikit penerangan tentang maklumat yang terdapat didalamnya.

Walau bagaimanapun, pendekatan dakwah dengan hal atau perbuatan adalah pendekatan dakwah yang paling efektif dan dipraktikkan oleh hampir keseluruhan responden kajian. Pendekatan yang menjadi pilihan sukarelawan Pemandu Pelancong

Masjid adalah dakwah dengan memberi layanan yang baik terhadap pelancong bukan Islam. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid sangat mengambil berat tentang memberi layanan yang baik kepada pelancong bukan Islam kerana pendekatan ini akan membuka ruang-ruang untuk menyampaikan dakwah Islam.

Ini membuktikan bahawa dakwah dengan memberikan layanan yang baik amat penting dan jika dilakukan dengan hati yang ikhlas ianya akan memberi kesan kepada hati orang yang mendengar.

Dapatan kajian mengenai pendekatan dakwah yang telah dihuraikan dalam bab ini telah menjawab objektif kajian yang kedua iaitu mengenalpasti pendekatan dakwah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan.

5.2.3 Masalah yang dihadapi oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam dakwah terhadap pelancong bukan Islam di Wilayah Persekutuan,

Berdasarkan hasil daripada dapatan kajian yang telah dibincangkan di bab 4 iaitu masalah yang dihadapi dalam dakwah terhadap pelancong bukan Islam, mendapati bahawa terdapat empat masalah yang dihadapi sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam menjalankan dakwah terhadap pelancong bukan Islam.

Masalah yang pertama yang dihadapi oleh sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam berdakwah kepada pelancong bukan Islam ialah masalah dalam pendekatan dakwah yang menyebabkan dakwah yang dijalankan terganggu.

Masalah kedua yang dialami dalam menyampaikan dakwah kepada pelancong bukan Islam ialah masalah penguasaan Bahasa selain dari Bahasa Inggeris dikalangan sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid yang menyebabkan sukarelawan terpaksa menggunakan Bahasa isyarat badan dan sebagainya.

Masalah ketiga yang dialami adalah dari segi pelancong bukan Islam yang datang ke masjid. Terdapat dikalangan pelancong yang tidak tahu berbahasa Inggeris yang menyebabkan interaksi diantara sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dan pelancong bukan Islam tidak dapat berjalan dengan lancar. Selain itu, pelancong bukan Islam juga menghadapi masalah dalam memahami peraturan untuk memasuki masjid yang menyebabkan sukarelawan terpaksa menegur pelancong untuk menyatakan tentang peraturan untuk memasuki masjid seperti memakai jubah dan membuka kasut ketika memasuki masjid.

Masalah terakhir yang dihadapi dari dapatan kajian ini adalah masalah berkaitan kewangan. Sukarelawan dan pihak Islamic Outreach Abim menghadapi masalah dalam menganjurkan beberapa program bagi peningkatan kemahiran sukarelawan kesan dari masalah dalam mendapatkan dana bagi menampung kos tertentu bagi menjalankan sesuatu program. Ini menyebabkan kemahiran sukarelawan untuk berkhidmat dalam bidang dakwah tidak dapat dipertingkatkan dan kemungkinan semangat untuk terus berkhidmat sebagai sukarelawan dalam bidang dakwah terhadap pelancong juga akan semakin berkurang dan terjejas.

5.3 Cadangan

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian, maka dicadangkan beberapa saranan kepada pihak tertentu untuk mempertimbangkan atau dilaksanakan bagi meningkatkan mutu pendekatan dakwah sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid terhadap pelancong bukan Islam.

5.3.1 JAKIM

Bidang dakwah merupakan satu bidang yang mengembangkan Islam menyeluruh ke serata dunia melalui industri pelancongan secara tidak langsung. Dicadangkan kepada bahagian Dakwah JAKIM untuk menjadikan dakwah melalui Program Pemandu Pelancong Masjid sebagai satu platform yang lebih formal dengan merancang satu modul lengkap sebagai metode penyebaran dakwah melalui pelancongan.

5.3.2 Islamic Outreach ABIM

ABIM merupakan organisasi bukan kerajaan yang memainkan peranan dalam kerja-kerja dakwah di Malaysia. Bagi melestarikan kerja dakwah di kalangan pelancong bukan Islam, Islamic Outreach ABIM boleh bekerjasama dengan JAKIM dalam merencanakan program memperkasa dan memantapkan ilmu dakwah dikalangan sukarelawan Pemandu Pelancongan Masjid agar sukarelawan ini boleh menjadi da'i yang lebih profesional, berkemahiran dalam penguasaan bahasa asing serta berpengetahuan luas dalam ilmu dakwah Islamiah. Di samping itu juga, Islamic Outreach ABIM perlu berkerjasama dengan organisasi – organisasi lain samada kerajaan mahupun bukan kerajaan dalam memperolehi dana untuk merencanakan program-program untuk sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid.

5.3.3 Masjid

Seperti yang kita ketahui, masjid telah menjadi salah satu tempat lawatan bagi pelancong bukan Islam ke Malaysia. Ini adalah berikut dengan keunikan senibina masjid yang dipamerkan di negara ini. Terdapat beberapa saranan yang dicadangkan oleh pengkaji antaranya:

i) **Masjid Negara**

Dalam memperkasakan program dakwah kepada pelancong bukan Islam, pihak pengurusan masjid perlu memainkan peranan dalam membantu badan bukan kerajaan

seperti Islamic Outreach Abim dalam melaksanakan dakwah diperkarangan masjid. Bantuan boleh disalurkan dalam bentuk material dan bukan material yang mana dapat mewujudkan sifat bekerjasama dalam menyebarkan luaskan agama Islam kepada orang bukan Islam.

ii) Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Organisasi masjid telah berperanan dalam membantu sukarelawan untuk menyebarkan dakwah Islam kepada pelancong bukan Islam, namun masih perlukan kepada penyertaan dikalangan pihak pengurusan masjid untuk lebih mengimarahkan setiap aktiviti yang direncanakan dengan membantu dalam mempromosikan dan menghebahkan aktiviti seperti yang dilakukan oleh beberapa masjid dengan menggunakan pengantaraan pemandu pelancong.

iii) Masjid Putra Putrajaya.

Memang tidak dinafikan, Masjid Putra Putrajaya mempunyai kawasan strategik yang mana terletak ditengah-tengah kawasan pusat kerajaan persekutuan yang mana menjadi kawasan tumpuan para pelancong setiap kali dating berkunjung ke Putrajaya. Namun begitu, pihak pengurusan masjid perlulah mengambil kesempatan ini dengan memperbanyakkan bahan-bahan bacaan dan rujukan untuk pelancong yang hadir agar mereka datang mendapat sesuatu yang baru dan yang benar tentang agama Islam. Selain itu, dengan jumlah pelancong yang ramai dan silih berganti saban hari ini, sukarelawan yang ada tidak menang tangan untuk melayani dan menyampaikan tentang Islam. Jadi disarankan ada baiknya pihak masjid dapat membantu dalam mencari sukarelawan untuk berkhidmat diperkarangan masjid dan dalam masa yang sama berdakwah untuk Islam.

iv) Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin

Dalam melaksanakan dakwah, tanggungjawabnya terbeban ke atas setiap mukmin yang mengaku beriman, jadi disarankan kepada Masjid Sultan Mizan untuk memperbanyak aktiviti untuk menarik minat pelancong bukan Islam untuk hadir ke masjid dalam masa yang sama mengenali seni bina masjid yang unik dan indah itu. Ini adalah kerana, Masjid Sultan Mizan adalah masjid yang mempunyai keunikan dan daya tarikan yang tersendiri yang membuatkan ada dikalangan pelancong sanggup untuk datang sendiri sama-mata untuk melihat masjid tersebut. Selain itu, sikap toleransi yang dipamerkan oleh pihak pengurusan masjid juga akan membuat para pelancong bukan Islam merasakan kehadiran mereka dialu-alukan dan seterusnya membuatkan mereka berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai agama Islam.

5.3.5 Pengkaji Yang Akan Datang

Kajian ini hanya tertumpu kepada beberapa buah masjid di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja. Jadi, disarankan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang boleh menjalankan kajian kepada kawasan yang lebih luas atau ke negeri-negeri lain yang terdapat sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid yang berkhidmat dalam menyampaikan dakwah terhadap pelancong bukan Islam di perkarangan masjid.

5.4 Penutup

Jelaslah bahawa dakwah merupakan tugas yang wajib dilaksanakan oleh semua umat Islam kepada seluruh manusia pada bila-bila masa dan di mana sahaja tanpa mengira samaada seseorang itu berlatar belakang pengajian Islam atau tidak. Dakwah bukan sahaja tanggungjawab untuk menyampaikan Islam kepada orang bukan Islam tetapi juga sebagai satu alternatif untuk menghilangkan salah faham orang bukan Islam terhadap agama Islam. Pendekatan ini juga merupakan salah satu cara untuk menghilangkan

Islamifobia dikalangan orang bukan Islam terhadap agama Islam terutama di negara-negara yang kritikal di Eropah seperti Amerika. Justeru itu, semua pihak perlulah berkerjasama menggembangkan tenaga untuk membantu bagi menjalankan kerja dakwah ini secara menyeluruh.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Don, Nurul Nazuha Hazizan, Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2011). *Dakwah kepada Non-Muslim: Sorotan Pendekatan Rasul Ulu al-'Azmi*. The International Journal of Islamic Studies. Islamiyyat 33. M/s 45-52.
- Abdul Karim Zaidan. (1980). *Usul al-Da'wah*. Penterjemah: H.M. Asywadi Syukur Lc. *Dasar-dasar Ilmu Dakwah (2)*. Penerbit Media Da'wah. Dewan Pustaka Islam Kuala Lumpur.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- _____ (1997). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Penerbit Universiti Malaya.
- _____ et al. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat & Ideris Endot. *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. (1998).
- _____ & Padzal Hj. Mokhtar. (2009). *Metodologi Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli: Pengalaman Pengislaman di Sungai Berua, Hulu Terengganu*. Dalam *Dakwah Kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode & Pengalaman*. Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM, Bangi.
- Abdurrahman AL-Baghdadi, t.t. *Menghayati Dakwah Rasulullah Di Era Globalisasi*. Serambi Timur Sdn Bhd.
- Ahmad Mahmud Abu Yazid. (1996). *Minhaj ad-Da'iyah*. Rabitat Al-Alam Al-Islami, Makkah. Penterjemah: Usamah bin Hussein. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Kuala Lumpur.
- Ainon Mohd. (2004). *Psikologi Kejayaan*. C.2. Pahang: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Azim A. Aziz. (2015). *50 Tahun Masjid Negara 1965-2015*. ATSA Architects Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Berhanundin Abdullah. (1998). *Satu Kajian Konseptual Menurut al-Quran dan al-Sunnah*. Dalam *Prnsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat, Ideris Endot. 1998. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. McGraw-Hill Malaysia Sdn. Bhd.

Danial Zainal Abidin. (2003). *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden*. Edisi Kedua. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd. H.68-71.

Fairuzah Basri. (2002). *Seni Bina Masjid di Malaysia*. Jurnal Tasawwur Islam. JIId 5. UITM Shah Alam.

Hassan Bahrom, Mohammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob. (2010). *Pelancongan dari Perspektif Islam. Analisis Pendekatan Fiqh*. Prosiding Hospitaliti & Pelancongan Dalam Islam. Anjuran Universiti Teknologi Mara Shah Alam.

Idris Ahmad. (2016). *Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Jubli Emas Masjid Negara Gemilang Meniti Dekad*. Masjid Negara Kuala Lumpur.

Kamaruddin Abdullah. (2016). *Dakwah Melalui Pelancongan Masjid*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

Karim Zaidan. (1980). *Dasar-dasar Ilmu Dakwah (2)*. Alih bahasa oleh H.M. Asywadi Syukur Lc. Penerbit Media Da'wah. Dewan Pustaka Islam Kuala Lumpur.

Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Shah Alam: McGraw-Hill.

Majini Majid. (2016). *The Tour of Masjid Wilayah Persekutuan*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

Manja Mohhd. Ludin & Ahmad Suhaimi Hj. Mohd Nor. (1995). *Aspek-Aspek Keseniaan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Mat Rofa Ismail. (2006). *Falsafah Sains: Pendekatan Kualitatif*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Minah Binti Dibok. (2005). *Pengaruh Islam Dalam Pembinaan Tamadun di Terengganu: Kajian Khusus Mengenai Seni Bina Masjid di Kuala Terengganu*. Disertasi Ijazah Sarjana, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Mohamad Nidzam Abd kadir. (2009). *Fiqah Berinteraksi Dengan Non-Muslim*. Telaga Biru Sdn Bhd. Kuala Lumpur. h.2.

Mohamad Tajuddin Haji Mohamad Rasdi. (1998). *The Mosque as A Community Development Centre: Programme And Architectural Design Guideline for Contemporary Muslim Societies*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Skudai, Johor.

Mohd Yazid bin Saad. (2012). *Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama Dalam Pendekatan Dakwah Non-Muslim: Kajian Terhadap Program Islamic Outreach ABIM*.

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya.

Muhsin Ali Abd Rahman. (2004). *Keberkesanan Program Dakwah Islamic Outreach ABIM Terhadap Orang Asli Pos Hendrop, Gua Musang, Kelantan*. Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mustafa Ar-Rafie. (2004). *Dakwah dan Keunggulan Para Daie*. Abd. Wahab Latif et.al. (terj.). Selangor. Shah Alam. Karisma Publication Sdn. Bhd.

Nangkula Utaberta & Mohamad Tajuddin Mohamad Rosdi. (2013). *Pemikiran Seni Bina Islam, Moden Di Dunia&Malaysia*. Penerbit UTM Press.

Nash Rahman et al. (1998). *Masjid: Sejarah, Ciri-ciri Pembentukan dan Pembinaan Masjid-Masjid Dunia, Malaysia dan Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur. Puncak Awal (M) Sdn Bhd.

Nasrudin Sidi. (2010). *Pendekatan Dakwah Ismail Lutfi Japakiya: Kajian Tentang Tarikan Dakwahnya di Selatan Thailand*. Disertasi Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan. Universiti Malaya

Nik Abdul Malik Abdul Karim Abdullah Hamka. (1998). *Tafsir al-Azhar*, j.29. Singapura: Pustaka Nasional Sdn.Bhd.

Nor Patimah Abd Rahim. (1990). *Islamic Outreach ABIM. Pendekatan Dakwah Terhadap Non-Muslim dan Saudara Baru di Wilayah Persekutuan*. Latihan Ilmiah Universiti Malaya.

Nor Shaidayani Samah. (2003). *Dakwah Kepada Golongan Mualaf Di Islamic Outreach ABIM Ampang Hilir 2, Kuala Lumpur*. Universiti Malaya.

Nurul Akma Ghazali. (2010). *Dakwah Terhadap Pelancong Non-Muslim: Suatu Kajian di Masjid Negara Kuala Lumpur*. Latihan Ilmiah Universiti Malaya.

Norhana Ng. Abdullah. (2016). *Cabar Pelaksanaan Program Mosque Tour Guide*. Kertas Kerja Seminar Persidangan Sukarelawan Pelancongan Masjid 2016. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22-23 Oktober 2016.

Othman Talib. (2014). *Atlas.ti Pengenalan kepada Data Kualitatif 140 ilustrasi Langkah Demi Langkah*. MPWS Rich Resources. Bandar Baru Bangi.

Perlembagaan Persekutuan. Kuala Lumpur. MDC Publishers Sdn Bhd.

Roslan Mohamed. (2004). *Imej Pendakwah dan Kesannya Terhadap Dakwah*. Jurnal YADIM. Bil. 6. April 2004.

Sidi, Nasrudin (2010) *Pendekatan dakwah Ismail Lutfi Japakiya: Kajian Tentang Tarikan Dakwahnya di Selatan Thailand / Nasrudin Sidi*. Master thesis, University of Malaya.

Shaikh Sofiy Al-Rahman Al-Mubarakfuri. (2013). *Al-Raheeq Al-Makhtum*. Penterjemah Mohd Darus Senawi Ali. Sirah Rasulullah S.A.W. Penerbit Seribu Dinar Sdn

Bhd. Kuala Lumpur.

Siti Rokyah Md Zain, Ros Norita Abd Samad & Mohamed Muneer Samsudin. (2016). *Masjid Sebagai Produk Pelancongan? Satu Tinjauan*. Proceeding og the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2016). 1 December 2016, Shah Alam Selangor. Malaysia.

Smith, V,L, (1989). *Host and guests: The Anthropology of Tourism*. Edisi Kedua. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.

Syarifah Kahiriah Syed Abu Bakar. (2010). *Berdakwah Melalui Masjid*. Suara Masjid, Edisi Syawal. Bil.81. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya.

Syeikh Muhammad Jamil Zainu. (2001). *Akhlaq & Keperibadian Rasulullah saw*. Penterjemah: Nabhani Idris. Pustaka Ilmi. Batu Caves. Selangor.

Yahaya Ibrahim. (2008). *Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Zarina Zain. (2003). *Islamic Outreach ABIM (IOA): Peranan dan Perkembangannya Dalam Kegiatan Dakwah (1986-1998)*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah Abd. Rahman. (2010). *Biografi Muhammad Bin Abdullah. Perjalanan Hidup Seorang Nabi*. Edisi 2010. Pts Islamika Sdn Bhd. Batu Caves. Selangor.

Laman Sesawang

<http://www.ioacentre.com/index.php/2014-03-17-04-04-53/program-dakwah> pelancong masjid-masjid-tour-guide-mtg
<http://masjidwilayah.gov.my/v1/> diakses pada 20 Sept 2016.
<http://www.tourism.gov.my/statistics>. Di akses pada 19 April 2016.
<http://www.sinarharian.com.my/bisnes/jumlah-pelancong-dijangka-naik-30-5-juta-1.506775>. Diakses pada 8 April 2016.
<http://www.hmetro.com.my/node/58578?m=1> . Diakses pada 1 April 2016.
www.bernama.com. Diakses pada 26 Februari 2016.

Temubual

Temubual bersama Puan Normah Sulaiman. Naib Pengurus Islamic Outreach Abim di Masjid Negara pada 11 April 2016 Jam 11.00-12.30tghhari.

Temubual bersama Encik Bob Borhanuddin iaitu Pengasas Masjid Tour Program Masjid Wilayah, di Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 22 Sept 2016, jam 3ptg - 4.30ptg.

Temubual bersama Puan Nor Azizan Ahmad sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, Di Masjid Wilayah Persekutuan, pada 22 Sept 2016, jam 3-4.30ptg.

Temubual bersama Ustaz Mohd Sofian bin Mat Ludin, Penolong Pengarah Bahagian

Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya.
Pada 3 Mac 2016, jam 10.00pagi - 12.00 tengahhari.

Temubual bersama Encik Raja di Masjid Putra, Putrajaya pada 3 Mac 2016, jam 3.00-4.30petang

Temubual bersama Cik Diana sebagai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid, di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 28 Sept 2016 jam 2.00-3.30 petang.

Temubual bersama Encik Abdul Rahman di Masjid Mizan, Putrajaya pada 4 November 2016, pada jam 5.00- 6.30petang.

Temubual bersama Encik Muhammad Amin Tong sebagai Pembantu Pelancongan di Masjid Putra Putrajaya, pada 18 Oktober 2016, jam 4.00-5.30 petang. Beliau juga merupakan seorang sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid bermula dari tahun 2014.

Temubual bersama Puan Azizah sukarelawan Masjid Mizan, Putrajaya pada 12 September 2017, pada jam 11.00pagi-1.00tghhari.

Pemerhatian

Pemerhatian dilakukan pada 11 April 2016 di Masjid Negara Kuala Lumpur.

Pemerhatian dilakukan pada 12 & 13 Mei 2016 semasa penyelidik menyertai Masjid Tour Guide Course di Masjid Negara, Kuala Lumpur.

Pemerhatian dilakukan pada 13 Ogos 2016 semasa lawatan ke Masjid Putra, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Pemerhatian dilakukan pada 22 Sept 2016 semasa lawatan ke Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pemerhatian dilakukan pada 17 Oktober 2016 semasa lawatan ke Masjid Putra, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Pemerhatian dilakukan pada 22 & 23 Oktober 2016 semasa Program Persidangan Sukarelawan Masjid 2016 di Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pemerhatian dilakukan pada 4 November 2016 di Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin, Putrajaya.

Pemerhatian dilakukan pada 19 Disember 2016 di Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin, Putrajaya.

Pemerhatian dilakukan pada 12 September 2017 di Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin, Putrajaya.

LAMPIRAN

Jadual 1.1: Latar Belakang informan yang di temubual.

Bil	Senarai Informan	Umur	Jawatan	Tarikh/Tempat/Masa
1.	Normah Sulaiman	59thn	Naib Pengerusi Islamic Outreach Abim	11 April 2016 Jam 11.00-12.30tghari di Masjid Negara.
2.	Bob Borhanuddin	57thn	Pengasas Masjid Tour Program Masjid Wilayah	22 Sept 2016, pukul 3.00-4.30petang, di Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
3.	Diana	32thn	sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid	28 Sept 2016, pukul 2.00-3.30 petang, di Masjid Negara, Kuala Lumpur,
4.	Abdul Rahman	35thn	sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid	4 November 2016, pada pukul 5.00- 6.30petang, di Masjid Mizan, Putrajaya.
5.	Muhammad Amin Tong	40thn	sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid merangkap Pembantu Pelancongan	18 Oktober 2016, pukul 4.00-5.30 petang, di Masjid Putra, Putrajaya.
6.	Raja	48thn	sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid	3 Mac 2016, pada pukul 3.00- 4.30petang, di Masjid Putra, Putrajaya.
7.	Nor Azizan Ahmad	45thn	sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid	22 Sept 2016, jam 3.00- 4.30ptg, Di Masjid Wilayah Persekutuan.
8.	Azizah Maarof	67thn	Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid	12 Sept 2017, jam 11.00-1.00tghari, di Masjid Mizan, Putrajaya.
9.	Mohd Sofian bin Mat Ludin	43thn	Penolong Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya	3 Mac 2016, jam 10.00pagi – 12.00 tengahhari, di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya.

Jadual Senarai Masjid yang mempunyai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid di Wilayah Persekutuan

Bil	Nama Masjid
1.	Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
2.	Masjid Negara, Kuala Lumpur.
3.	Masjid Sultan Mizan Zianal Abidin, Putrajaya.
4.	Masjid Putra, Putrajaya.
5.	Masjid Jamek, Kuala Lumpur.

Senarai masjid yang mempunyai sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid di Malaysia

Bil	Nama Masjid
1.	Masjid Kapitan Keling, Pulau Pinang
2.	Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor.
3.	Masjid Kristal, Kuala Terengganu.
4.	Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
5.	Masjid Negara, Kuala Lumpur.
6.	Masjid Sultan Mizan Zianal Abidin, Putrajaya.
7.	Masjid Putra, Putrajaya.
8.	Masjid Jamek, Kuala Lumpur.
9.	Masjid Selat Melaka, Melaka.
10.	Masjid Al-Azim, Melaka
11	Masjid Jamek Sabah
12.	Masjid Jamek Kuching, Sarawak.